

Jilid II  
Bil. 30



Hari Khamis  
22hb Oktober, 1992

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6557]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti [Ruangan 6618 ]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR  
1994

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., s.p.c.M., S.S.M.T., Du.NM., P.I.S. (Kubang Pasu).**

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

**Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N.** (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C, J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., p.i.s., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (**Hulu Terengganu**).

DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (**Kuala Langat**).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSIAD (Kangar).

„ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasar Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

..

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GIIFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.j. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

., DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

## BAHAGIAN PKNYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Nairn.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 22hb Oktober, 1992

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

18-11-92.

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Saidin @ Yusof bin Adam.*(Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam tidak hadir).*CAMPUR-ADUK PERNIAGAAN  
DAN POLITIK—LANGKAH  
MENCEGAH

**2. Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan Perdana Menteri telah berkata berkali-kali jika perniagaan dan politik bercampur-aduk akan menimbulkan salahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan orang-orang yang tertentu, maka berdasarkan kenyataan tersebut:

- (a) apakah langkah-langkah yang positif akan diambil untuk mencegah keadaan tersebut berulang lagi; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengubahsuaikan undang-undang untuk menunaikan aspirasi tersebut.

**8. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini Perdana Menteri mencadangkan supaya politik tidak dicampur-aduk dengan perniagaan untuk mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tetapi pada suatu masa dulu, Dr. Mahathir juga mencadangkan kepada UMNO supaya melibatkan diri dalam perniagaan kerana kononnya parti tidak boleh terus bergantung kepada yuran dan kutipan derma. Cadangan mana yang betul.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim Pateh Mohamad pada 18hb November, 1992.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Othman bin Abdul:** Memandangkan perniagaan dan politik, Kerajaan Barisan Nasional akan memastikan bahawa tidak wujud politik bercampur-aduk dengan perniagaan di kalangan pemegang-pemegang jawatan tertentu seperti para anggota Pentadbiran atau, dengan izin, Members of Administration. Salah satu langkah ialah memastikan Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen serta Setiausaha-setiausaha Politik mengisytiharkan harta masing-masing kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri. Di samping itu, mereka semas memegang jawatan-jawatan yang disebutkan tadi, juga dihalang memegang jawatan dalam institusi-institusi perniagaan.

Kerajaan berpendapat bahawa langkah-langkah secara pentadbiran yang diamalkan pada masa ini sudah mencukupi bagi mengelakan berlakunya penyelewengan dengan penyalahgunaan kuasa. Dengan itu, Kerajaan tidak bercadang menggubal undang-undang bagi menghalang percampuran politik dengan perniagaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat, tetapi penerangan Yang Berhormat ini agak terlewat kerana kenyataan ini menyebabkan saya tewas dalam pertandingan di Dewan Perniagaan Melayu baru-baru ini.

Jadi, saya ingin bertanya, sebab kenyataan ini telah dibuat dengan cara umum bahawa yang tidak boleh melibatkan diri dalam perniagaan hanyalah kalangan mereka yang memegang jawatan dalam pentadbiran Kerajaan seperti Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat supaya ianya menjadi kenyataan yang diterima oleh semua pihak, adakah Ahli-ahli Parlimen biasa dan juga Wakil-wakil Rakyat biasa termasuk Ketua-ketua Bahagian dalam parti itu adalah dimasukkan dalam istilah "politik" yang telah disebutkan oleh Kerajaan secara umum?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli-ahli Parlimen biasa dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua UMNO Bahagian, Ketua-ketua Bahagian mana-mana parti tidaklah dikategorikan sebagai anggota Pentadbiran, maka mereka bebas untuk menjalankan perniagaan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai penyalahgunaan kuasa dan penyalahgunaan kedudukan dan percanggahan kepentingan, maka saya ingin meminta penjelasan bahawa adakah Kerajaan bercadang meminta Menteri-menteri, Timbalan Menteri, atau Setiausaha Parlimen ataupun Setiausaha Politik berhenti daripada tugas rasminya secara sementara apabila disoal-siasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya dapat menjaga imej Kerajaan sepertimana yang telah dipraktikkan di beberapa negara seperti Jepun, Britain dan Germany? Jika tidak, mengapa?

Apakah pula pandangan dan tindakan oleh Kerajaan terhadap permintaan daripada tokoh-tokoh perhimpunan Dewan Perniagaan Bumiputera Malaysia yang meminta pemimpin-pemimpin politik jangan campurtangan dalam bidang perniagaan. Apakah pandangan dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap permintaan itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, suka saya menjelaskan bahawa tidak ada cadangan untuk mengarahkan bagi seseorang Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik untuk berhenti atau meletakkan jawatan semasa dia sedang disiasat kerana kes itu masih dalam siasatan dan dianya tidak lagi bersalah dalam soal itu.

Jadi, suka saya menyatakan bahawa dalam siasatan - BPR menyasat ke situ, mengumpulkan maklumat- yang disebut sebagai tertuduh itu belum lagi dipastikan sama ada dianya benar-benar melakukan penyelewengan ataupun tidak. Jadi, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengarahkan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik untuk meletakkan jawatan semasa disiasat.

Yang keduanya, mengenai campurtangan politik dalam perniagaan, saya telah jelaskan tadi bahawa kumpulan yang tidak dibenarkan ialah anggota Pentadbiran. Kalau ahli-ahli politik yang lain, sama ada DAP, PAS, Semangat 46 atau UMNO hendak melibatkan dalam perniagaan, itu terpulanglah kepada individu masing-masing untuk menentukan kedudukan dan hak mereka.

### PROGRAM LITERASI KOMPUTER DI SEKOLAH

**3. Tuan Haji IbPrahim bin Jendol** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimanakah kejayaan pelaksanaan 'program celik komputer' di sekolah-sekolah menengah setakat ini;
- (b) berapakah bilangan pelajar yang menerima faedah daripada program tersebut; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan program ini di sekolah-sekolah rendah.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Program literasi komputer baru sahaja dimulakan secara percubaan di 60 buah sekolah di luar bandar pada bulan Julai 1992 yang lepas. Berdasarkan kepada lawatan yang telah dibuat ke beberapa buah sekolah yang terlibat, pihak Kementerian Pendidikan mendapati pelaksanaan program tersebut sedang berjalan lancar. Pelajar-pelajar pula menaruh minat untuk mempelajari komputer.
- (b) Mata pelajaran Literasi Komputer ini diajarkan kepada 12,000 orang pelajar Tingkatan Satu di 60 buah sekolah menengah tersebut di seluruh negara.

- (c) Perkara ini masih lagi di dalam pertimbangan Kementerian Pendidikan.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sekolah-sekolah yang mempunyai komputer di sekolah mengenakan bayaran bulanan yang tinggi kepada murid-murid. Saya ingin bertanya, apakah pandangan Kementerian terhadap pihak sekolah yang berbuat demikian?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi pandangan di sini. Cuma saya ingin menjelaskan bahawa kegiatan komputer sebelum ini yang di luar program seperti saya nyatakan tadi yang baru bermula bulan Julai lalu adalah kegiatan dari sokongan ibu bapa dan ini telah dibincangkan di antara pihak guru, pihak sekolah dan pihak ibu bapa sendiri. Jadi, ini adalah satu usaha dalam kegiatan tambahan sekolah yang pernah dijalankan di mana-mana sekolah.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memahami program celik komputer ini sebagai mata pelajaran untuk melahirkan kemahiran menggunakan komputer. Yang saya ingin bertanya ialah, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggunakan komputer sebagai pengantar ataupun medium untuk pengajaran dan pembelajaran kerana ini mungkin dapat menggantikan sebahagian daripada fungsi guru dan buku teks dan mungkin dapat menyelesaikan sedikit masalah ketidakcukupan guru dan bilik darjah. Kalau ada rancangan ini, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan? Kalau tidak ada, adakah kita akan menunggu satu masa bila orang lain semuanya sudah menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, baru kita hendak laksanakan di negara kita?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rancangan kita menjalankan program-program ini, selain daripada komputer diperuntukkan dalam bilik darjah, kita juga ada mengadakan komputer untuk pengurusan seklah dan lain-lainnya.

Sebenarnya peranan komputer dalam pendidikan adalah sebagai satu bahan atau kemudahan untuk penambahan, supplementary dan complementary kepada cara-cara yang tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran. Kementerian pada masa ini masih mengkaji bahan-bahan software yang juga dapat digunakan untuk memperkuat lagi pembelajaran dan yang penting sekali ialah kita tambah meningkatkan lagi minat anak-anak kita yang belajar di sekolah itu. Yang pentingnya ialah untuk menggerakkan matlamat akhir kita untuk membangunkan generasi yang memiliki budaya ilmu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Ilani.

*(Soalan No. 4 Y.B. Puan Hajah Ilani bin Dato' Haji Ishak tidak hadir).*

#### KWSP—PENGELUARAN CARUMAN

**5. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menerangkan berikutan keputusan dan persetujuan supaya pencarum yang telahpun mempunyai pinjaman perumahan keseluruhannya dari punca lain dibenarkan mengeluarkan caruman KWSP setakat 10% dari harga rumah bagi perbelanjaan sampingan seperti guaman dan insurans:

- (a) sejauh manakah pencarum telah menggunakan kemudahan ini;
- (b) berapakah jumlah dari segi kewangan yang telah dikeluarkan dari caruman sejak 1hb Januari, 1992;

- (c) adakah pihak yang gagal untuk mengeluarkan caruman dan jika ada, apakah punca kegagalan tersebut;
- (d) adakah dasar ini telah membantu memesatkan lagi industri perumahan kos rendah; dan
- (e) tidakkah Kerajaan ingin meluaskan dasar ini meliputi pencarum yang membeli rumah kos rendah di negara ini.

#### **Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membenarkan pencarum mengeluarkan caruman mereka setakat 10% dari harga rumah walaupun mereka telah mendapat kemudahan pinjaman 100% untuk membiayai kos pembelian rumah berkenaan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini hanya diberi kepada ahli-ahli yang membeli rumah kos rendah dan telah membuat caruman sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

Berhubung dengan soalan:

- (a) Sehingga 30hb September, 1992, seramai 1,850 orang ahli telah menikmati kemudahan ini.
- (b) Sejak syarat skim pengeluaran tersebut diperkenalkan pada 1hb Januari, 1992, sebanyak \$4,457,043 simpanan di bawah syarat baru ini telah dikeluarkan oleh ahli.
- (c) Memang terdapat permohonan pengeluaran simpanan untuk perumahan tidak dapat diproses oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Perkara ini berlaku dalam dua keadaan iaitu ahli tidak layak dan permohonan tidak lengkap. Jika ahli tidak layak, permohonan ini

akan terus ditolak oleh KWSP tanpa pertimbangan selanjutnya. Di antara sebab-sebab ahli tidak layak memohon ialah:

- (i) Ahli tidak mempunyai simpanan di dalam akaunnya.
- (ii) Tiada nama ahli di dalam Surat Perjanjian Jual Beli Rumah.
- (iii) Bagi pengeluaran untuk membina rumah pula, tiada nama ahli atau pasangan (jika telah berkahwin) di dalam geran tanah berkenaan.
- (iv) Tidak memenuhi syarat lima tahun menjadi ahli dan mencarum kepada KSWP.

Bagaimanapun, jika permohonan ahli diterima tanpa dokumen yang lengkap, permohonan ini akan ditolak hanya untuk sementara sehingga ahli mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan. Permohonan ini akan dipertimbangkan setelah semua dokumen yang diperlukan diperolehi.

- (d) Setakat ini Kerajaan belum menjalankan sebarang kajian khusus mengenai kesan pengeluaran perumahan ini ke atas pembangunan industri perumahan kos rendah. Bagaimanapun, Kerajaan percaya skim pengeluaran simpanan KWSP untuk membeli ataupun membina rumah telah membantu meringankan beban pembeli-pembeli rumah di negara ini.
- (e) Kerajaan ingin memaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk meluaskan dasar ini kepada ahli-ahli

yang membeli rumah kos sederhana atau rumah bukan kos rendah.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan kadar keluaran 10% yang diluluskan di bawah peraturan sekarang kepada satu kadar yang lebih tinggi dan tujuannya bukan sahaja untuk menampung kos guaman dan insurans tetapi kos-kos pembelian alat-alat perabot dan kelengkapan rumah. Itu soalan pertama.

Keduanya, adakah pihak Kementerian atau pihak KWSP bercadang untuk memperluaskan syarat pengeluaran, bukan sahaja untuk membeli rumah tetapi juga untuk tujuan pendidikan, kecemasan, sakit dan sebagainya daripada sistem yang ada sekarang kerana ini akan dapat membantu kesusahan yang dialami oleh ahli dalam keadaan kecemasan dan sebagainya.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kemudahan 10% untuk mereka yang sudahpun mempunyai 100% kemudahan kewangan untuk membeli rumah kos rendah adalah dihadkan hanya kepada rumah kos rendah dan mereka yang sudahpun menjadi ahli tidak kurang lima tahun. Ini bermakna, kalau di Semenanjung bahawa harga rumah kos rendah ialah \$25,000 ke bawah. Oleh yang demikian, kemudahan yang boleh didapatkan daripada KWSP ialah sebanyak \$2,500.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah kemudahan ini tetapi sekadar untuk memaklumkan bahawa \$2,500 itu boleh digunakan untuk apa juga keperluan oleh ahli yang mendapat kemudahan pengeluaran caruman itu, sama ada untuk membayar kos guaman atau untuk menambah keperluan rumah yang dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, ingin saya memaklumkan terlebih dahulu bahawa lebih kurang 84% di antara pencarum yang mempunyai kredit caruman yang tidak lebih daripada \$8,000. Ini bermakna sebahagian besar daripada pencarum tidak mempunyai simpanan yang banyak. Walhal kita tahu bahawa KWSP sebahagian besarnya adalah untuk simpanan semasa umur mereka tua nanti. Walaupun begitu, pihak KWSP telah menganjurkan satu panel dan telahpun menyediakan satu rumusan sekarang ini di hadapan Kementerian Kewangan untuk menimbangankan cadangan-cadangan sama ada boleh diluaskan kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh pencarum sebelum mereka bersara.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun rumah kos rendah yang telah ditetapkan tidak melebihi daripada \$25,000 tetapi terdapat banyak projek-projek perumahan walaupun harga rumah asal itu tidak melebihi daripada \$25,000 tetapi satu kontrak tambahan kena ditandatangani oleh pembeli. Kalau tidak diterima oleh pembeli maka rumah kos rendah itu tidak akan dijual kepada orang-orang yang ingin membeli rumah itu. Maka di sini juga terdapatnya kontrak tambahan itu bernilai tidak kurang daripada \$6,000 hingga \$7,000. Ini dikatakan untuk maksud penyenggaraan rumah kos rendah tersebut. Maka adakah Kerajaan bercadang untuk memberi pinjaman lebih daripada 10% kepada pencarum-pencarum daripada KWSP itu supaya mereka dapat membeli rumah kos rendah itu dengan satu kontrak tambahan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, yang rasminya di Semenanjung, rumah kos rendah dikatakan tidak lebih daripada \$25,000 sebuah. Dan ini adalah satu yang bukan sahaja dari segi takrifan, tetapi adalah satu angka yang diumumkan dan

diamalkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya seseorang pencarum memerlukan kemudahan pinjaman tambahan melalui KWSP, itu sebabnya pihak KWSP menyediakan kemudahan 10% walaupun dia mempunyai kemudahan pinjaman 100% untuk membeli rumah \$25,000 itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kalau sekiranya ada amalan yang melampaui mengikut pengiktirafan rasmi, ini mungkin perlu kepada tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkuasa.

### KESENGSARAAN BOSNIA-HERZEGOVINA—BANTUAN

**6. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berhubung dengan isu Bosnia-Herzegovina:

- (a) apakah peranan dan usaha Malaysia mengenainya di peringkat Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB); dan
- (b) setakat manakah keberkesanan forum-forum antarabangsa ini dalam mencari penyelesaian yang adil dan saksama terhadap kekejaman yang dilakukan oleh pihak Serbia terhadap Bosnia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan—

- (a) Malaysia bersimpati dengan kesengsaraan yang menimpa rakyat Bosnia-Herzegovina akibat kekejaman tentera Serbia. Kita telah kerap kali menyeru Serbia untuk memberhentikan tindakan-tindakan kekejaman mereka terhadap Bosnia-Herzegovina. Dan oleh kerana

pihak Serbia berterusan dengan kekejaman mereka, maka Malaysia pada 11hb Ogos, 1992 mengumumkan penutupan kedutaan Malaysia di Belgrade. Malaysia telah memainkan peranan penting di peringkat Persidangan Negara-negara Islam (OIC), di Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), dan persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Di peringkat OIC, Malaysia telah menyertai dan menyetujui sepenuhnya keputusannya yang telahpun dibuat oleh Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam baru-baru ini di Istanbul. Keputusan tersebut termasuk mengutuk kekejaman Serbia ke atas rakyat Bosnia-Herzegovina; menyeru pengunduran tentera Yugoslavia dari Bosnia-Herzegovina; dan memberi sokongan sepenuhnya kepada sekatan ekonomi yang telah dikenakan oleh PBB ke atas Yugoslavia.

Selain daripada itu, OIC telah mencadangkan supaya cara-cara lain dikaji untuk memberhentikan kekejaman tersebut sekiranya sekatan ekonomi terhadap Yugoslavia tidak berjaya. OIC juga mempersetujui dengan satu rancangan pembinaan semula dan bantuan kemanusiaan kepada Bosnia-Herzegovina. Di peringkat NAM pula yang telah diadakan satu persidangan di Jakarta baru-baru ini, Malaysia sekali lagi memainkan peranan yang penting sekali untuk mendapatkan sokongan negara-negara lain menyeru Serbia memberhentikan kekejaman mereka terhadap rakyat Bosnia-Herzegovina serta memberi pengiktirafan kemerdekaannya.

Begitu juga di peringkat Persidangan PBB yang mana Malaysia telah memainkan peranan penting untuk mendapatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan satu sekatan ekonomi dikenakan terhadap Yugoslavia dan untuk menyetujui dengan cara-cara lain sekiranya sekatan ekonomi tersebut tidak berjaya.

- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, peperangan masih berlaku di Bosnia-Herzegovina, walaupun penyelesaian telahpun dicari oleh banyak forum-forum antarabangsa. Adalah diharapkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh forum-forum tersebut di mana Malaysia akan terus memainkan peranan dan berkesan dan memberhentikan Serbia daripada terus melakukan kekejaman terhadap Bosnia-Herzegovina.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, isu Bosnia-Herzegovina merupakan isu yang mutakhir, iaitu kekejaman yang berlaku ke atas umat Islam. Dan usaha Kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia terhadap permasalahan orang-orang Bosnia-Herzegovina ini boleh dikatakan suatu tindakan yang mendapat sambutan dan pujian di peringkat antarabangsa. Baru-baru ini di waktu lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Eropah Timur, secara kebetulan sebagai anggota Parlimen yang mewakili rombongan tersebut, kita bertemu dengan beberapa Ahli Parlimen....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Soalnya ada kaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemukakan soalan itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ada kaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak tahulah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Jadi, soalnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha-usaha ini telah mendapat pujian dan sanjungan yang tidak pernah dibuat oleh negara Islam di Timur Tengah, kiranya Malaysia nombor satu, tetapi saya ingin bertanya dari segi keberkesanan kita tidak boleh lagi mengharap kepada NAM, kepada Bangsa-Bangsa Bersatu, malah OIC sendiri oleh kerana sikap setengah-setengah negara anggota. Jadi, soalnya saya hendak tanya nombor satu apakah sebenarnya reaksi Pertubuhan OIC mengenai dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan kemungkinan dibentuk suatu angkatan tentera Islam di bawah payung OIC bagi membantu masalah yang berlaku di Bosnia-Herzegovina ini?

Dan yang keduanya, selain daripada usaha yang kita buat sekarang ini dari segi putusan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia yang membantu golongan Serbia selain daripada memberi bantuan pengorbanan dan kutipan derma. Selain daripada itu, apakah usaha kita yang kita berasakan perlu dibuat lagi oleh Kerajaan ataupun rakyat Malaysia bagi memperhebatkan lagi membantu rakyat Bosnia-Herzegovina yang menerima kekejaman oleh golongan Serbia?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Memang saya setuju tentang pendapat dunia tentang tindakan Malaysia dan rakyatnya sendiri yang begitu terdahulu sekali untuk menunjukkan perasaan simpati kita terhadap kekejaman yang telah menimpa rakyat Bosnia-Herzegovina. Reaksi OIC

tentang cadangan Perdana Menteri itu seperti ditanyakan, sebagai soalan pertama, adalah bahawasanya di peringkat kini dunia dan OIC sendiri tidak nampak bahawasanya campurtangan tentera asing secara rasmi diperlukan, oleh kerana ia boleh menyebabkan mungkin Perang Dunia Ketiga berlaku sekiranya ia dilaksanakan. Dan kita tengok dan lihat apa pula akan diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, walaupun kita nampak tidak begitu berkesan dari segi hendak memberhentikan peperangan di Bosnia-Herzegovina, tetapi kita sebagai sebuah negara yang menghormati PBB harus membiar dan membenarkan PBB dahulu membuat keputusan. Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau hanya sanggup bersetuju menghantar tentera kita sekiranya ia diputuskan oleh pihak PBB.

Saya tidak setuju dengan pendapat Yang Berhormat yang mengatakan bahawasanya apa yang telah kita buat kini oleh semua badan-badan dan forum-forum tidak mendapatkan hasil yang diharapkan dan apa pula perlu lain kita buat untuk memberhentikan kekejaman yang sia-sia itu terus berlaku di Bosnia-Herzegovina. Kita nampak oleh kerana masalah itu begitu kompleks sekali, kita juga perlu menggunakan tekanan, menggunakan pendirian dan mendesak semua forum untuk terus membuat tekanan terhadap keadaan di situ agar mendapat penyelesaian. Dan kita nampak akhir-akhir ini adalah satu perubahan mungkin baik yang mana Presiden Bosnia-Herzegovina sendiri telahpun berjumpa dengan Presiden Yugoslavia dan memutuskan supaya usaha secara menyelesaikan masalah peperangan itu untuk memecahbelahkan Bosnia-Herzegovina yang diberikan kepada ketiga-tiga puak itu yang berperang sekarang ini dan ini kita harap telahpun diterima oleh kedua-dua

pemimpin, iaitu kita harap cadangan baru ini boleh dapat menyelesaikan pembunuhan yang sia-sia itu terus berlaku di Bosnia-Herzegovina.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji**

**Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, oleh kerana pihak penganas Serbia sehingga hari ini terus-menerus tidak menghormati sebarang keputusan dan ketetapan Persidangan Antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatannya, dan keadaan menjadi lebih gawat walaupun ada perkembangan yang diberitakan baik, ada pula berita yang mengatakan tidak baik, di mana golongan Croat bergabung pula dengan penganas Serbia. Adakah pihak Kerajaan mempunyai pandangan-pandangan dan cadangan baru bagi menangani masalah tersebut selain daripada yang telah dikemukakan dalam Persidangan Antarabangsa di peringkat yang lalu?

Yang kedua, apakah sikap Kerajaan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Republik Islam Iran dalam Persidangan OIC di Istanbul supaya diadakan Persidangan Menteri-menteri Pertahanan Negara Islam?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan yang pertama tadi, kita bersetuju dan kita akur tentang sikap biadap dan kedegilan pihak Serbia ini yang tidak langsung mahu menghormati segala keputusan yang dibuat oleh forum-forum antarabangsa setakat ini dan kita juga memang merasakan yang lebih patut dibuat untuk menyelesaikan masalah. Tetapi oleh kerana masalah ini di luar kuasa yang ada pada kita sebagai sebuah negara, maka kita masih lagi perlu mengajukan kepada pihak lain-lain badan seperti PBB untuk mencari penyelesaiannya yang mana kini pun pihak PBB dan pihak negara-negara yang besar telahpun dalam keadaan tekanan ini untuk membuat sesuatu yang

lebih spesifik lagi untuk menyelesaikan masalah. Tentang kononnya ada pakatan di antara pihak Croatia dengan Serbia itu, ingin juga saya menyatakan bahawasanya ada juga pakatan antara orang-orang Croatia dengan orang-orang Bosnia, juga di Bosnia-Herzegovina itu juga ada orang Serbia yang menyokong tentera Bosnia itu sendiri oleh kerana mereka begitu rapat perhubungan (intricate) sejak bertahun-tahun maka masyarakat di situ kadangkalanya susah hendak dipecahkan. Itulah sebab mengapa masalah itu lebih rumit lagi untuk kita mencari penyelesaian.

Bagi pertanyaan yang kedua itu, memang ada saranan yang dibuat oleh pihak Iran untuk mengadakan Persidangan Menteri-menteri Pertahanan. Dan kita serah kepada pihak Washington sendiri, dan kalau ianya diputus ramai, saya kira pihak Malaysia tidak ada keberatan untuk bersama-sama hadir dalam Persidangan Menteri-menteri Pertahanan Negara-negara Islam Se Dunia.

**BONUS KEPADA KAKITANGAN  
KERAJAAN**

7. Tuan G. Palanivel minta Perdana Menteri menyatakan adakah kemungkinan Kementeriannya mempertimbangkan untuk mengesyorkan pembayaran bonus kepada kakitangan Kerajaan memandangkan ekonomi Malaysia telah beransur menunjukkan penumbuhan positif sejak 1986. Pembayaran bonus ini atau 13 bulan gaji akan menunjukkan penghargaan Kerajaan di atas sumbangan kakitangan ke arah pembangunan negara dan juga akan menguatkan lagi semangat mereka dalam karier yang mereka ceburi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan baru sahaja mengkaji semula secara menyeluruh saraan untuk sektor awam

dan telahpun melaksanakan Sistem Saraan Baru pada keseluruhannya sejak Januari 1992. Sistem ini bertujuan untuk membentuk satu sistem pengurusan personel sektor awam yang boleh meningkatkan keupayaan dan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menghadapi perubahan serta cabaran persekitaran masa hadapan. Sistem itu juga mengutamakan dua unsur penting, iaitu flexibiliti dan galakan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan bagi mempercepatkan proses pembangunan negara.

Di samping itu, sistem ini juga memberi manfaat yang lebih baik secara umumnya kepada semua anggota dalam perkhidmatan Kerajaan. Di bawah Sistem Saraan Baru, selain daripada gaji, terdapat unsur membolehkan Kerajaan membuat bayaran berubah-ubah kepada kakitangannya bergantung kepada prestasi kerja dan juga kebolehan-kebolehan tertentu yang diperlukan. Salah satu komponen bayaran berubah-ubah ini ialah bayaran imbuhan tahunan yang hanya akan dipertimbangkan berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan iaitu bergantung kepada pertumbuhan ekonomi negara, hasil pendapatan negara, komitmen serta tanggungjawab Kerajaan untuk membangunkan negara. Buat makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang mempertimbangkan bayaran imbuhan tahunan untuk anggota-anggota sektor awam.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa pada lhb Januari, 1989, Kerajaan ada juga menyuarakan atau berjanji bahawa Kerajaan akan menimbang untuk mengeluarkan bonus ataupun imbuhan tahunan. Kalau dilihat kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mana boleh dikatakan 7%, 8% lebih maka kita lihat pertumbuhan ekonomi yang begitu

baik, kenapa jawapan Setiausaha Parlimen tadi mengatakan Kerajaan terpaksa menimbang segala aspek perbelanjaan itu dan ini barulah hendak menawarkan imbuhan tahunan? Saya rasa ini satu perkara yang tidak adil kepada kakitangan awam. Kita bercakap produktiviti, kita bercakap politik, orang bersetuju. Kenapakah Kerajaan bersikap demikian sekarang?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa pertumbuhan ekonomi negara ialah pada 7.5% atau 8% mungkin pada 10%. Tetapi soal yang besar yang harus dilihat ialah pertambahan pendapatan Kerajaan. Kalau sekiranya pendapatan Kerajaan tidak bertambah, sudah pasti keupayaan Kerajaan hendak membayar gaji ataupun membayar imbuhan tahunan ataupun bonus sudah pasti kita tidak dapat lakukan. Ini adalah dua unsur yang penting yang harus difikirkan sama ada kita hendak memberikan ataupun tidak.

#### PEMANDU LORI BALAK— TINDAKAN "TAKUT PANDU"

**8. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bersabit dengan tindakan 'takut pandu' atau mogok yang dijalankan oleh pemandu-pemandu lori balak pada bulan Ogos 1992:

- (a) berapakah jumlah pemandu yang telah terlibat dalam tindakan tersebut, mengikut pecahan negeri;
- (b) adakah peraturan menimbang muatan balak atau muatan diukur mengikut isi padu yang menjadi amalan antarabangsa; dan
- (c) bilakah satu formula penyelesaian akan diumumkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak dapat dipastikan bilangan pemandu yang terlibat dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai tindakan 'takut pandu' atau mogok. Bagaimanapun, terdapat beberapa kejadian di Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan di Wilayah Persekutuan di mana pemandu-pemandu lori balak meletakkan lori di tempat meletak kereta dan di tepi-tepi jalan sebagai bantahan kepada tindakan penguatkuasaan yang diadakan ke atas lori-lori yang membawa muatan berlebihan.
- (b) Amalan bagi kebanyakan negara dalam menentukan berat balak yang diangkut oleh lori ialah dengan cara menimbang dan bukannya berdasarkan ukuran isi padu. Peraturan ini diamalkan di negara-negara seperti United Kingdom, Kanada, Sweden, Australia, New Zealand, Jepun, Indonesia dan Thailand.
- (c) Berhubung dengan formula panduan sukatan berat muatan kayu balak yang boleh dibawa oleh lori balak, ingin saya memaklumkan bahawa ia telahpun hampir selesai dikaji. Pada masa ini, formula yang dicadangkan itu sedang diuji ketepatannya. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan bahawa formula yang akan ditentukan kelak adalah merupakan sebagai garis panduan kepada pengusaha-pengusaha yang bergiat dalam industri pembalakan. Dengan demikian, berpandukan kepada garis-panduan ini maka adalah diharap lori-lori yang membawa balak tidak akan membawa muatan

berlebihan apabila ianya ditimbang oleh pihak penguatkuasa.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa tuntutan yang sebenarnya daripada pemandu-pemandu lori ialah satu cara di mana mereka dapat terus bekerja tanpa melebihi had muatan. Jika ia, apakah sebabnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memutarbelitkan isu berkenaan dengan mengatakan bahawa tujuan kempen adalah anti overloading, itu tidak benar.

Soalan yang kedua, memandangkan Yang Berhormat Menteri begitu mementingkan aktiviti politik partinya sendiri sehingga beliau tidak berniat dan mempunyai masa untuk menyelesaikan kempen itu, apakah sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak diberi kuasa untuk berdialog dengan pemandu-pemandu?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya formula atau cara bagaimana hendak menentukan bahawa kiraan kayu balak yang sedang dalam ujian itu berdasarkan 35 kaki padu bersamaan dengan satu tan berat balak, ini sedang diuji ketepatannya. Jadi, ini yang dicadangkan. Di samping itu, ia juga adalah kalau hendak diukur iaitu muatan balak dihadkan kepada 1.3 meter dari paras lantai lori balak itu ke atas atau  $4\frac{1}{2}$  kaki. Jadi, ini cara sistem, belum lagi dapat kita uji ketepatannya. Kalau tidak tepat nanti, kita dipersoalkan pula.

Tujuan kempen memanglah anti overloading. Saya tidak faham, tidak pasti apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa Menteri putar-belit dan sebagainya. Dan saya betul tidak faham, sebab tujuan kita ialah supaya lori-lori bukan sahaja lori balak, bahkan lori-lori lain tidak 'overloading' bahkan kenderaan yang membawa penumpang-penumpang pun supaya tidak

overloading, kerana ini adalah unsur untuk menjaga keselamatan di jalan raya. Menteri menjalankan tugas dan apabila beliau tidak ada, Timbalan diberi arahan supaya menjalankan tugas, kita bekerjasama, dan melaksanakannya bersama. Jadi, tidak timbullah Menteri hendak serahkan apa-apa semua kepada saya pula.

### **HAK WANITA DI SISI UNDANG-UNDANG—CERAMAH/DIALOG**

**9. Puan Roharti binti Abd. Karim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah program-program untuk mencapai matlamat Kementerian mengenai aspek 'legal literacy for women'; dan
- (b) apakah yang telah dicapai semasa dialog di antara pihak Kementerian dan ahli-ahli Pertubuhan Wanita daripada Pertubuhan NGO (Non-Governmental Organisation).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian telah menganjurkan siri ceramah termasuk perundangan terutamanya dari segi hak-hak wanita di sisi undang-undang kepada kumpulan-kumpulan wanita di setiap peringkat. Kementerian juga akan mengadakan satu program literasi undang-undang yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka di sisi undang-undang dan meningkatkan kefahaman mereka tentang sistem perundangan yang ada.
- (b) Dialog yang telah diadakan di antara pihak Kementerian dan Ahli-ahli Pertubuhan Wanita

daripada Pertubuhan NGO telah dapat mewujudkan jaringan hubungan antara Kementerian dengan Pertubuhan-pertubuhan wanita serta dapat menjadikannya satu 'platform' di mana wakil-wakil pertubuhan wanita dapat membincangkan segala isu yang berkaitan dan memberi cadangan-cadangan tertentu untuk meninggikan taraf wanita di negara ini. Hasil daripada perbincangan ini dapat dijadikan panduan kepada Kementerian saya dalam menggariskan program-program dan projek-projek untuk kepentingan pembangunan wanita di negara kita.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Kementeriannya bercadang untuk menubuhkan sebuah Majlis Perundangan Peri Hal Wanita yang akan terdiri daripada pihak pegawai-pegawai Kerajaan dengan wakil-wakil dari pertubuhan wanita serta pemimpin NGO supaya ia menjadi satu forum tertinggi untuk menolong pihak Kerajaan merumuskan dasar dan undang-undang terhadap kepentingan dan kebajikan pihak wanita? Adakah National Women's Consultative Council akan ditubuhkan?

Kedua, adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membuat peruntukan ke dalam satu tabung supaya NGO boleh memohon wang daripada tabung ini supaya mereka boleh menjalankan program sukarela atau quansi—sukarela supaya dapat menolong wanita-wanita kita yang terseksa seperti mereka dipukul oleh suami mereka ataupun mereka yang menghadapi masalah kerana suami sudah mati dalam kemalangan ataupun mereka yang kurang bernasib baik?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah HAWA, mereka memang merumuskan semua urusan atau kerja yang berkaitan dengan wanita. Saya ingin memberikan sedikit keterangan di sini, iaitu di dalam sesi dialog kita pada tahun ini, lebih daripada 30 pertubuhan-pertubuhan wanita mengambil bahagian. Di antara mereka adalah Majlis Pertubuhan Kebangsaan Wanita (National Council for Women's Organisation's), Pertubuhan Per-kumpulan Perempuan (Women's Institutes), Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA), Biro Wanita Sarawak, Biro Wanita Sabah dan lain-lainnya. Mereka semuanya adalah pertubuhan-pertubuhan wanita di seluruh negara kita. Daripada sesi dialog itu kita terdapat bahawa banyak lagi program-program akan dicadangkan ataupun aturkan oleh pihak NGOs. Kita akan mengadakan satu lagi pertubuhan dan kalau kita tubuhkan satu council, kita akan mengambil perhatian dalam hal ini. Tetapi di dalam hal dan isu yang dibincangkan pada tempoh hari itu ialah penglibatan wanita di dalam proses-proses membuat keputusan dan juga di dalamnya kita ada satu literasi undang-undang ataupun legal literacy bagi pihak wanita. Cadangan dari Yang Berhormat Bandar Kuching saya fikir adalah di dalam proses dan dibuat oleh Jabatan HAWA. Sekian, terima kasih.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Soalan tambahan. Apakah juga cara-cara lain selain daripada siri-siri ceramah yang diadakan untuk mempertingkatkan, dengan izin, legal literacy for women?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Selain daripada siri ceramah itu, kita akan mengemukakan satu peruntukan untuk mengadakan satu Majlis di mana

penglibatan semua pertubuhan-pertubuhan wanita akan mengambil bahagian di dalamnya dan saya fikir di dalam program ini kita akan masukkan cadangan dari puteri Santubong.

### GURU—BILANGAN KES TINDAKAN TATATERTIB

**10. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak Kementeriannya ditukar dari Pelajaran kepada Pendidikan sehingga sekarang:

- (a) nyatakan bilangan kes guru-guru sekolah Kerajaan dikenakan tindakan tatatertib mengikut pecahan negeri-negeri;
- (b) nyatakan bilangan kes murid-murid sekolah Kerajaan dikenakan tindakan tatatertib mengikut pecahan negeri-negeri;
- (c) nyatakan bilangan kejadian guru-guru sekolah Kerajaan didapati bersalah memukul murid-murid secara menggunakan kekerasan;
- (d) nyatakan bilangan kejadian murid-murid sekolah Kerajaan didapati bersalah memukul guru-guru; dan
- (e) nyatakan bilangan kejadian ibu bapa memukul guru-guru akibat berpunca dari permasalahan anak-anak mereka dengan guru-guru di sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1988, apabila nama Kementerian Pelajaran ditukar kepada Kementerian Pendidikan sehingga bulan Jun 1992, sebanyak 1,005 kes pegawai dan kakitangan Kementerian

Pendidikan telah dikenakan tindakan tatatertib. Mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kes</i>
Sarawak	82
Perak	133
Selangor	84
Pahang	70
Kelantan	44
Johor	75
Kedah	70
Melaka	40
Negeri Sembilan	67
Pulau Pinang	53
Pedis	8
Terengganu	24
Wilayah Persekutuan	99
Sabah	45
Bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan	111

- (b) Dalam jangka masa yang sama, bilangan kes murid-murid sekolah Kerajaan yang dikenakan tindakan tatatertib adalah sebanyak 168,596. Bilangan kes mengikut pecahan negeri, saya mohon izin kalau boleh untuk menghantarkannya secara bertulis kerana banyak angkanya. Tetapi jumlah adalah 168,596.
- (c) Bilangan guru-guru sekolah Kerajaan yang didapati bersalah memukul murid-murid secara kekerasan ialah seramai tiga orang.
- (d) Bilangan murid-murid sekolah Kerajaan yang terlibat dalam kejadian salah laku adalah seperti berikut:

<i>Jenis Salahlaku</i>	<i>Jumlah Pelajar Terlibat</i>
Melawan guru	1,073
Bersikap kasar terhadap guru	1,934
Tidak menghormati guru	3,456
Merosakkan harta benda guru	209
Jumlah	6,672

- (e) Bilangan kejadian ibu bapa memukul guru-guru berpunca daripada masalah anak-anak dengan guru-guru di sekolah ialah sebanyak 6 kes.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pendidikan, sudah ada atau tidak guru-guru, terutamanya Guru-guru Besar yang telah diambil tindakan tatatertib yang telah melakukan kesalahan kerana tidak membenarkan murid-muridnya mengambil peperiksaan UPSR tahun lalu, di mana mereka ini tidak membenarkan murid-murid mengambil peperiksaan supaya sekolah yang mereka menjadi Guru Besar mendapat keputusan yang cemerlang. Perkara ini sudahpun dilaporkan di dalam akhbar dan berlaku di kawasan Parlimen saya. Antara lain ialah Sekolah Rendah Kebangsaan Meranti dan ada lagi lain-lain sekolah yang terlibat sehingga hampir-hampir timbul pergaduhan di antara ibu bapa dengan guru-guru.

Oleh itu saya ingin mengetahui sejauhmana siasatan dibuat dan adakah tindakan diambil dan, kalau belum, apakah tindakan yang bakal diambil, sebab saya sendiri sebagai Ahli Dewan Rakyat mewakili kawasan Pasir Mas sudahpun menulis surat secara rasmi kepada Menteri Pendidikan mengenai perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang begitu spesifik ditujukan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan kemukakan kepada beliau beberapa laporan yang kita dapat selepas kita selesaikan pertimbangan kes ini dan juga siasatan lanjutnya. Tetapi saya ingin memaklumkan di sini, atas dasar bahawa kita tidak sekali-kali menggalakkan guru besar kita atau guru-guru kita tidak memberi peluang kepada anak-anak, pelajar-pelajar kita untuk menduduki peperiksaan selain dari sebab-sebab kesihatan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak bertanya dengan Timbalan Menteri Pendidikan, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah bacakan tadi, soal disiplin di sekolah, gambaran yang diberi tidaklah begitu baik walaupun tidak juga dikatakan teruk sangat, tetapi soalan saya ialah adakah garis panduan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk membanteras penurunan peningkatan disiplin di sekolah-sekolah bukan sahaja pada murid-murid tetapi juga kepada bakal guru di maktab-maktab?

Soalan yang kedua, sejauh manakah pergerakan badan yang digelar PIBG di sekolah-sekolah boleh memberi pertolongan dengan sekolah-sekolah yang tertentu berhubung dengan disiplin sekolah dan budi pekerti ibu bapa yang terlibat?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama bahawa gambaran yang kita lihat dari absolute figures ini memang bunyinya besar tetapi dari segi masyarakat sekolah kita ini boleh dikatakan keadaan yang terkawal kerana bilangan pelajar-pelajar kita di sekolah tidak kurang dari 3 juta dan ini menunjukkan juga angka-angka yang meningkat ini ialah cara-cara kita mengawasi dan mengawal perkembangan atau pertumbuhan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat di kalangan masyarakat sekolah kita adalah kian hari makin diperketatkan lagi.

Jadi, inilah sebabnya kita boleh dikatakan keadaan ini masih terkawal dan di kawasan-kawasan di mana sering berlaku kegiatan disiplin yang boleh dikatakan berat atau serius kita mengambil langkah pencegahan menerusi badan-badan PIBG yang bekerjasama dengan guru-guru untuk mengawal kegiatan-kegiatan di dalam sekolah dan juga di luar sekolah, termasuk juga kegiatan-kegiatan kaunseling, kegiatan-kegiatan bim-

bingan rakan sebaya dan juga kegiatan seperti badan beruniform untuk menampung masa lapang pelajar-pelajar kita di sekolah.

## PELABURAN ASING—JUMLAH

**11. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan yang dibawa ke Malaysia dari:

- (a) Negara-negara Eropah;
- (b) Jepun, Taiwan dan Korea;
- (c) Amerika dan Amerika Selatan;
- (d) United Kingdom; dan
- (e) bidang-bidang pelaburan mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pelaburan yang telah diwujudkan dari pelaburan negara-negara Eropah semenjak 1986 ke Ogos 1992 adalah berjumlah \$12,479 juta. Bidang-bidang pelaburan yang diceburi oleh negara-negara Eropah adalah tertumpu dalam industri petroleum dan arang batu sebanyak \$6,591 juta dan industri kimia dan barang-barang kimia sebanyak \$2,383 juta dan lain-lain industri \$3,506 juta.
- (b) Dalam tempoh yang sama, jumlah pelaburan dari negara Jepun adalah sebanyak \$12,691 juta. Pelaburan dari negara Jepun tertumpu dalam industri barang-barang elektrik dan elektronik \$5,045 juta, industri kimia dan barang-barang kimia \$1,871 juta, industri barang-barang bukan logam \$1,001 juta dan lain-lain industri sebanyak \$4,775 juta.

Jumlah modal pelaburan dari Taiwan adalah sebanyak \$13,395 juta. Pelaburan dari negara Taiwan bertumpu dalam industri barang-barang logam asas \$4,316 juta, industri barang-barang elektrik dan elektronik \$2,650 juta, barang-barang logam dibentuk \$1,581 juta, industri petroleum dan arang batu \$1,375 juta serta Iain-lain industri sebanyak \$3,473 juta.

Jumlah pelaburan dari negara Republik Korea adalah sebanyak \$2,638 juta. Pelaburan dari negara Republik Korea bertumpu dalam industri petroleum dan arang batu \$699 juta, barang-barang elektrik dan elektronik \$574 juta, barang-barang logam dibentuk \$491 juta serta Iain-lain industri berjumlah \$874 juta.

- (c) Sementara pelaburan dari negara Amerika Syarikat berjumlah \$6,586 juta. Negara Amerika Syarikat berminat dalam industri petroleum dan arang batu \$3,597 juta, kimia dan barang-barang kimia \$1,170 juta, industri elektrik dan elektronik \$727 juta serta sebanyak \$1,093 juta dari Iain-lain industri. Manakala tidak ada pelaburan yang diwujudkan dari negara Amerika Selatan.
- (d) Pelaburan dari negara United Kingdom adalah sebanyak \$3,740 juta. Negara United Kingdom telah melabur sebanyak \$1,954 juta dalam industri kimia dan barang-barang kimia, petroleum dan arang batu \$750 juta, industri kayu dan barang-barang kayu \$460 juta dan Iain-lain industri \$576 juta.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai pelaburan asing. Kita semua tahu Republik Rakyat China sekarang sedang menjalankan reformasi economic

structural yang komprehensif. Apakah kesannya terhadap ekonomi negara kita iaitu adakah RRC akan menjadi competitor Malaysia dari segi menarik modal atau pelabur-pelabur asing memandangkan di RRC sana kos buruhnya yang rendah dan satu advantage iaitu pasarnya yang besar. Adakah Asia akan menjadi competitor Malaysia dari segi menarik pelaburan asing?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh katakan di sini bahawa Republik Rakyat China tidak akan menjadi satu competitor yang besar oleh kerana kita mempunyai banyak asas-asas yang baik seperti kestabilan politik, infrastruktur dan sebagainya dan kos buruh sehingga hari ini masih boleh dikawal. Saya rasa walaupun boleh jadi pada masa-masa akan datang Republik Rakyat China akan menjadi satu competitor yang hebat, pada masa kini kita tidak memikir ia sebagai satu competitor yang begitu hebat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pelaburan dari Amerika Syarikat dalam tahun ini atau dalam 10 bulan tahun ini telah turun memandangkan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperjuangkan konsep EEC. Adakah Amerika Syarikat telah bertindak balas terhadap negara kita dengan mengurangkan pelaburan sama ada secara langsung atau tidak. Kalau ada, apakah tindakan yang akan diambil oleh negara kita terhadap tindakan seperti ini?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelaburan dari Amerika Syarikat telah naik lebih kurang 100% dari tahun 1991 hingga 9 bulan pada tahun 1992. Angka-angka yang sebenarnya ialah, dalam tahun 1991, jumlah pelaburan modal dari Amerika Syarikat ialah \$ 1,724 juta; pada

**9 bulan tahun** ini sahaja kita terdapat \$3,257 juta, yang menunjukkan tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah memberi lebih hasil kepada negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Hanafiah.

*(Soalan No. 12 - Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman tidak hadir).*

### RANCANGAN MALAYSIA KEENAM—JALAN RAYA UTAMA DI SARAWAK

**13. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Kerja Raya telah bercadang untuk membina jalanraya utama ke semua daerah dan bahagian seperti Daerah Song, Belaga dan Bahagian Kapit serta Iain-lain bahagian dan daerah di seluruh negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam;
- (b) jumlah peruntukan untuk pembinaan jalanraya di seluruh Sarawak mulai 1963-1991;
- (c) peruntukan jalanraya di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam; dan
- (d) berapa kilometer jauh jalanraya di seluruh negeri Sarawak telah diturapkan dan bilakah penurapan itu dijangka siap.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kerja Raya tidak ada bercadang untuk membina jalanraya utama ke semua daerah dan bahagian seperti Daerah Song, Belaga dan Bahagian Kapit serta Iain-lain bahagian dan daerah di seluruh negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam.

(b) Jumlah perbelanjaan untuk pembinaan jalanraya di seluruh Sarawak sejak tahun 1963 hingga tahun 1991 ialah sebanyak \$2,410 juta.

(c) Jumlah peruntukan untuk pembinaan jalanraya di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak \$786 juta.

(d) Di negeri Sarawak, terdapat 4,000 kilometer rangkaian jalanraya yang telah digunakan. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,885 kilometer sahaja yang telah diturap. Penurapan keseluruhan jalanraya tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada jumlah peruntukan yang dapat disediakan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas siapnya jalanraya daripada Sematan ke Lawas, ataupun sebelum siapnya jalanraya itu, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu jalan lain lagi, jalan besar lain di pendalaman negeri Sarawak?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut yang saya ketahui iaitu Kerajaan Persekutuan tidak ada bercadang untuk membina jalanraya utama yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kemungkinannya barangkali Kerajaan Negeri ada bercadang.

### KES PENCULIKAN—LANGKAH MEMBANTERAS

**14. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan bilangan kes penculikan di negara ini di dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini. Berapa orangkah yang telah diculik, berapakah yang mati, berapakah yang dibebaskan

dan bagaimanakah mereka dibebaskan. Berapa orang penculikkah yang telah dibunuh, berapakah yang berjaya ditangkap dan berapakah yang masih berada di dalam penjara. Apakah sebab-musabab bilangan kes penculikan itu meningkat. Apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil untuk mencegah jenayah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes penculikan di negara ini untuk tempoh 10 tahun itu mulai tahun 1983 hingga September 1992 adalah sebanyak 109 kes yang melibatkan seramai 120 orang mangsa. Daripada jumlah ini, seramai 104 orang mangsa telah dibebaskan, 11 orang telah dibunuh dan 5 orang belum dapat dikesan.

Mangsa-mangsa yang diculik ini pada kebiasaannya dibebaskan setelah keluarga mangsa membayar wang tebusan. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang mangsa yang dibebaskan tanpa sebarang pembayaran wang tebusan.

- (b) Untuk tempoh yang sama, pihak polis dalam operasi-operasi menyelamatkan tebusan mangsa telah menembak mati seramai 35 orang penculik, manakala 191 orang telah berjaya ditangkap. Daripada jumlah 191 orang yang ditangkap, seramai 160 orang telah dituduh di Mahkamah di atas beberapa kesalahan di bawah Akta Culik, Kanun Keseksaan, Akta Senjata 1960 dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Yang Iain-lain telah dikenakan tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Ordinan Darurat 5/69. Pada masa ini terdapat seramai 50 orang yang masih ditahan

dalam penjara iaitu sama ada sedang menjalani hukuman ataupun menunggu perbicaraan kes.

- (c) Jenayah culik yang berlaku sejak 10 tahun yang lalu tidak membimbangkan -dan terkawal. Statistik jenayah itu sejak 3 tahun kebelakangan ini tidaklah begitu ketara, iaitu 5 kes dalam tempoh 1990, 7 kes dalam tahun 1991 dan 5 kes dalam tahun 1992 sehingga September.
- (d) Selain daripada menjalankan pencegahan jenayah seperti menjalankan rondaan, pihak Polis Diraja Malaysia mempunyai satu pasukan khas untuk merancang tindakan dan strategi dalam mengendali dan menyiasat kes-kes penculikan tertentu. Namun begitu, usaha-usaha Polis ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama yang diberikan oleh orang awam dan juga keluarga mangsa. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya orang ramai ataupun keluarga mangsa dapat menghubungi pihak polis sebaik sahaja mengetahui jenayah culik berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa bagi pertanyaan sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 4, 12, 15 hingga 32 adalah diberi di bawah ini)*

## LESEN BOT LAUT DALAM— JUMLAH

**1. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen laut dalam telah diluluskan;

- (b) di antara jumlah yang telah diluluskan itu, berapa lesen untuk bumiputera; dan
- (c) sejauh mana industri menangkap ikan di laut dalam ini dapat mengatasi keperluan ikan bagi penduduk di negara ini.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):**

- (a) setakat ini Kementerian Pertanian telah meluluskan sejumlah 534 unit lesen bot laut dalam. Dari jumlah tersebut, 435 bot sedang beroperasi, 17 bot sedang dibina dan 82 bot belum dibina.
- (b) dari jumlah 534 unit lesen yang diluluskan, sebanyak 369 unit telah dikeluarkan kepada Bumiputera.
- (c) keperluan ikan negara pada masa ini dianggarkan sebanyak 650,626 tan metrik. 538,122 tan metrik (82.7%) dikeluarkan dalam negara, manakala 112,504 tan metrik (17.3%) adalah diimport. Anggaran penggunaan ikan perkapita pada masa ini ialah 36 kg. Industri perikanan laut dalam telah memberi sumbangan yang besar di dalam membekalkan keperluan ikan untuk negara. Ini dapat dilihat dengan peningkatan pendaratan ikan yang ketara dalam 5 tahun kebelakangan ini, iaitu dari 561,967 tan metrik pada tahun 1986 kepada 951,307 tan metrik pada tahun 1990. Oleh yang demikian, jumlah pengeluaran ikan tersebut telah melebihi keperluan ikan negara.

#### **FELDA—PENGELUARAN SURAT HAKMILIK KEPADA PENEROKA**

**4. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) mengapa sebilangan peneroka FELDA yang telah selesai membayar segala hutang mereka masih tidak dapat suratmilik atas tanah yang telah mereka usahakan;
- (b) mengapa alasan yang diberi oleh pihak FELDA ialah kerana mereka enggan menandatangani surat perjanjian baru, iaitu Surat Perjanjian Berkuatkuasa selepas Hakmilik, sedangkan ia tidak disyaratkan semasa pengambilan peneroka;
- (c) tidakkah benar para peneroka itu enggan berbuat demikian kerana surat perjanjian baru itu menetapkan bahawa FELDA masih akan terus mengawal jualan hasil daripada tanah mereka dan mereka juga tidak boleh menentukan apakah yang patut dibuat dengan tanah mereka itu. Dengan perkataan lain, mereka masih tidak bebas; dan
- (d) sedarkah Kerajaan bahawa ketidakbebasan ini juga menyebabkan kehidupan mereka menjadi lebih terhimpit dalam masa harga getah dan kelapa sawit yang rendah kini. Dengan terpaksa menjual hasil keluaran mereka kepada FELDA, para peneroka dilaporkan hanya boleh mendapat pendapatan antara \$400.00 dan \$500.00 sebulan sebelum potongan dibuat. Tetapi jika mereka bebas menjual hasil keluaran mereka kepada pihak swasta, pendapatan mereka boleh meningkat kepada \$1,000.00 sebulan. Kenapakah para peneroka FELDA ini perlu terus

diikat dengan FELDA dan seterusnya mendapat pendapatan yang rendah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pembangunan Luar Bandar (Dato  
Mohamed bin Jamrah):**

- (a) Sebelum surat hakmilik dapat diluluskan pengeluarannya oleh pihak Kerajaan Negeri, kerja-kerja ukur lot individu perlu dijalankan dahulu. Untuk menyegerakannya, FELDA telah mengaturkan supaya kerja ukur lot individu ini dilaksanakan bukan sahaja bagi peneroka-peneroka yang telah menjelaskan bayaran-bayaran yang diwajibkan, tetapi juga bagi mereka yang hampir menyelesaikannya. Kerja ukur lot individu dijalankan oleh tiga pihak, iaitu Jabatan Ukur Negeri, Jurukur Swasta dan Pasukan Ukur FELDA.

Tidaklah semestinya sebaik sahaja menyelesaikan bayaran-bayaran yang diwajibkan itu peneroka terus menerima surat hakmilik bagi tanah yang diuntukkan kepada mereka. Proses penyediaan surat hakmilik melibatkan Pejabat Tanah, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Ukur. Pada masa ini seramai lebih kurang 6,000 peneroka telah menyelesaikan hutangnya pada akhir tahun 1991 dan belum menerima surat hakmilik. Permohonan bagi mereka ini telah dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah berkenaan. Usaha sedang dibuat bersama-sama dengan Jabatan Tanah Negeri bagi menyegerakan penyediaan surat hakmilik ini.

- (b) Mengikut syarat nyata dalam surat hakmilik yang dikeluarkan kepada peneroka dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkenaan, tanah rancangan dikehendaki terus

diurustadbir oleh FELDA mengikut peruntukan surat perjanjian antara peneroka dan FELDA. Berasaskan ini FELDA sebagai agensi yang bertanggungjawab berusaha supaya peneroka tidak melakukan kemungkiran terhadap syarat yang ditetapkan itu dengan meminta peneroka menandatangani Surat Perjanjian Berkuatkuasa Selepas Hakmilik. Walau bagaimanapun, FELDA mengemukakan permohonan hakmilik bagi semua peneroka yang telah selesai hutangnya serta menyempurnakan dokumen-dokumen seperti permohonan hakmilik dan pengakuan penerimaan lot masing-masing walaupun mereka belum menandatangani Surat Perjanjian Berkuatkuasa Selepas Hakmilik.

- (c) Memang benar di antara peruntukan surat perjanjian itu ialah FELDA memberi perkhidmatannya dalam mengendalikan penjualan hasil peneroka. Kerajaan telah memutuskan bahawa tanah peneroka akan terus diuruskan oleh FELDA iaitu termasuk pengendalian hasilnya, supaya harga yang dibayar kepada mereka lebih terjamin dan tidak dieksploitasikan oleh orang tengah.
- (d) Tidaklah benar bahawa dengan FELDA mengurustadbirkan tanah rancangan, kehidupan peneroka menjadi lebih terhimpit. Harga buah sawit yang dibayar oleh Kilang FELDA adalah berasaskan harga minyak sawit yang diisytiharkan oleh PORLA, dan getah berasaskan harga pasaran. Oleh kerana mereka telah menyelesaikan hutang terhadap kos pembangunan, potongan tidak dibuat

lagi bagi tujuan tersebut, melainkan sekiranya ada hutang persendirian seperti bayaran kredit bagi barang keperluan yang diambil dari kedai Perbadanan Niaga FELDA dan seumpamanya. Oleh itu, tidaklah benar mereka memperoleh pendapatan yang lebih sekiranya menjual hasil kebunnya kepada pihak lain. Sekiranya pihak lain sanggup membeli semua hasil peneroka pada setiap masa dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh Kilang FELDA, Kerajaan boleh mengaturkan supaya hasil peneroka dijual kepada pihak tersebut.

#### PEGUAM BERKELAKUAN BURUK—TINDAKAN

**12. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap peguam yang berkelakuan buruk seperti berlaku di dalam video-video lucah yang heboh di negara kita baru-baru ini dan adakah Menteri mempunyai kuasa untuk 'call off the bar' daripada peguam-peguam yang berkenaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tindakan tatatertib ke atas peguambela dan peguamcara adalah di bawah kawalan Lembaga Tatatertib sebagaimana diperuntukkan oleh Akta Profesion Undang-undang 1976. Tindakan tatatertib ini adalah termasuk memotong nama peguambela dan peguamcara dari Daftarai. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan kawalan ke atas peguambela dan peguamcara dikendali oleh sebuah badan bebas sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976.

#### KELEMAHAN DI JABATAN KERAJAAN

**15. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perkhidmatan di jabatan-jabatan Kerajaan lima tahun kebelakangan ini berada di tahap paling lemah, di mana kebanyakan surat-menyurat orang awam dengan jabatan-jabatan Kerajaan tidak mendapat layanan (sama **ada tidak** dijawab langsung mahupun dijawab dalam tempoh yang lama). Sila nyatakan:

- (a) sama ada Biro Pengaduan Awam akan digerakkan semula dengan kuasa-kuasa bagi mengawasi jabatan-jabatan yang enggan melayani surat-surat orang awam; dan
- (b) sama ada jabatan-jabatan yang enggan melayani surat-menyurat dengan orang awam akan diberi 'markah penalti' supaya tindakan disiplin; diambil terhadap jabatan-jabatan terbabit.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Kerajaan sedar masih ada lagi beberapa kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan sungguhpun beberapa usaha telah dan akan terus diambil untuk mendorong jentera perkhidmatan awam menjadi lebih produktif dan meningkatkan prestasinya. Secara khususnya, saya ingin menyatakan bahawa:

- (a) Kerajaan telah menyusun semula Biro Pengaduan Awam supaya ia menjadi pusat tumpuan utama dalam usaha Kerajaan mengendalikan pengaduan-pengaduan awam. Sejajar dengan itu, Biro telah diberi kuasa menyasiat melalui penurunan kuasa daripada Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam. Setiap penyiasatan yang dibuat oleh Biro akan dilaporkan kepada

Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam dan Jawatankuasa itu boleh memanggil Ketua-ketua Agensi yang berkenaan untuk memberi keterangan/penjelasan. Sebarang keputusan Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam akan diambil tindakan sewajarnya.

- (b) Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan agensi-agensi Kerajaan menghasilkan kerja yang lebih produktif seperti menghasilkan kerja yang berkualiti, menghayati tatacara Hari "Q", Anugerah-anugerah Cemerlang, Pejabat Terbaik, Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan sebagainya.

Langkah-langkah "punitive" sudah memang sedia ada seperti terdapat dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980. Walaupun begitu Kerajaan akan menimbangkan memperkenalkan sistem "markah penalti" yang dicadangkan.

#### **HASIL LAWATAN MENTERI PERTAHANAN KE RRC**

**16. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Pertahanan menyatakan dengan terperinci hasil-hasil yang diperolehi daripada lawatan ke Republik Rakyat China selama sembilan hari dalam bulan Ogos, 1992.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Lawatan saya ke Republik Rakyat China pada bulan Ogos 1992 telah membuka jalan bagi menjalin perhubungan pertahanan khususnya melalui lawatan dua hala pegawai-pegawai Kanan Angkatan Tentera kedua-dua buah negara. Memandangkan Republik Rakyat China sedang membangunkan ekonominya dengan pesat, terdapat peluang yang besar bagi

mewujudkan kerjasama pelaburan dalam bidang industri pertahanan yang boleh direbut oleh pihak swasta khususnya syarikat-syarikat di bawah kelolaan Kementerian dan rakan seperniagaan dari negara tersebut.

#### **BPR—SIASATAN KE ATAS MENTERI PENERANGAN**

**17. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tujuan penyiasatan Biro Pencegah Rasuah ke atas Menteri Penerangan baru-baru ini; dan  
(b) dapatkah diterangkan hasil dan perkembangan penyiasatan tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Tujuan penyiasatan tersebut dijalankan adalah untuk membuktikan sama ada berlaku atau tidak penyelewengan oleh pegawai-pegawai di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Kementerian Penerangan.  
(b) Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak boleh menerangkan hasil siasatan itu kerana ianya adalah rahsia.

#### **TULISAN JAWI DAN SEKOLAH RENDAH/MENENGAH AGAMA ISLAM**

**18. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa masalah pembacaan dan penulisan jawi dan bahasa al-Quran kian meruncing di kalangan murid-murid Islam. Apakah program dan aktiviti yang disusun oleh pihak Kementerian untuk mengatasinya; dan  
(b) setakat manakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan sekolah-sekolah rendah dan menengah

agama (Islam) untuk menampung pengambilan murid-murid yang semakin bertambah.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa pencapaian sesetengah murid Islam dalam tulisan dan bacaan jawi serta membaca Al-Quran tidak setinggi yang diharapkan. Bagi mengatasi masalah itu, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah positif iaitu:
- (i) memperkenalkan pelajaran Jawi mulai tahun satu di sekolah rendah,
  - (ii) memperkenalkan sukatan pelajaran Jawi,
  - (iii) memberi kursus intensif kepada guru yang mengajar Jawi,
  - (iv) memperkenalkan suatu pendekatan baru yang dinamakan kaedah Iqrah. Kaedah ini dapat membantu murid-murid Islam menguasai bacaan Al-Quran dalam tempoh yang singkat,
  - (v) memberi kursus kepada guru-guru Pendidikan Islam mengenai pelaksanaan kaedah Iqrah.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah kekurangan tempat bagi penuntut-penuntut Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah kerana mereka diajar mata pelajaran Pendidikan Islam bersama-sama dengan lain-lain mata pelajaran yang terdapat di sekolah rendah sekarang.

Bagi mengatasi kekurangan Sekolah Menengah Agama, Kementerian Pendidikan akan membina sebanyak 15 buah lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bilangan yang ada sekarang ialah 38 buah. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan akan terus mewujudkan Kelas Aliran Agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan biasa. Sehingga tahun 1992 telah diwujudkan Kelas Aliran Agama di 130 buah sekolah menengah kebangsaan biasa. Bilangan itu akan ditambah lagi sebanyak 20 buah dalam Rancangan Malaysia Keenam.

**SKIM PINJAMAN ASNB**

**19. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah penduduk yang telah memohon menerima skim Pinjaman ASNB untuk rakyat termiskin di seluruh Negeri Sarawak. Berapa permohonan yang diterima dari penduduk di kawasan P. 179 Baram;
- (b) dari jumlah permohonan yang diterima, berapa jumlah permohonan yang berjaya dan yang ditolak oleh pihak ASNB di negeri Sarawak dan di kawasan P. 179 Baram; dan
- (c) berapa jumlah wang pinjaman yang telah diluluskan untuk tujuan ini di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) jumlah penduduk yang dijangka memohon skim Pinjaman ASNB untuk rakyat termiskin seluruh Negeri Sarawak adalah seramai

11,104 keluarga. Permohonan yang diterima dari penduduk kawasan P.179 Baram adalah seramai 129 keluarga. Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan berkenaan belum disampaikan ke Ibu Pejabat ASNB.

- (b) dari jumlah permohonan yang diterima, jumlah permohonan yang berjaya di Negeri Sarawak adalah seramai 880 keluarga yang juga merupakan jumlah yang diperakukan oleh jawatankuasa PPRT Negeri Sarawak. Dan setakat ini tiada sebarang permohonan yang ditolak oleh pihak Jawatankuasa PPRT Negeri Sarawak. Bagi kawasan P. 179 Baram, Ibu Pejabat ASNB setakat ini masih belum lagi menerima sebarang borang permohonan dari pihak berkenaan.
- (c) mengenai jumlah wang pinjaman yang telah diluluskan bagi seluruh Semenanjung Malaysia ialah sebanyak M\$261,360,000 Negeri Sabah berjumlah M\$1,825,000 dan Negeri Sarawak pula sebanyak M\$4,400,000.

### GURU-GURU— 30 PERATUS LELAKI

**20. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab-sebabnya mengapa hanya 30% daripada guru-guru di negara ini terdiri dari kaum lelaki. Apakah ianya disebabkan kekurangan insentif di dalam perkhidmatan guru. Apakah implikasi kepada pelajar-pelajar yang dibawa oleh kedudukan ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mempelawa semua warganegara Malaysia sama ada lelaki atau perempuan yang memenuhi

syarat kelayakan akademik serta syarat-syarat lain seperti yang diiklankan untuk memohon Kursus Perguruan Asas di Maktab Perguruan, tetapi biasanya lebih ramai calon perempuan yang memohon.

Sebagai contoh, 75.3% daripada calon yang memohon untuk menjadi guru pada tahun 1992 adalah terdiri daripada kaum perempuan. Kekurangan bilangan guru lelaki di sekolah-sekolah sebenarnya tidak mempunyai hubungan dengan insentif profesion perguruan tetapi mungkin disebabkan kaum lelaki lebih cenderung kepada profesion lain. Walau bagaimanapun, adalah dirasakan fenomena ini tidak mendatangkan apa-apa kesan negatif ke atas pelajar.

### MAASTRICHT TREATY

**21. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan utama dan bentuk 'Maastricht Treaty' dan kesannya terhadap penduduk Eropah dan ekonomi dunia secara umumnya dan Asia Tenggara serta Malaysia, khususnya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tujuan Perjanjian Maastricht Treaty ialah untuk mewujudkan sebuah Kesatuan Eropah yang lebih kukuh melalui penyatuan kewangan dan ekonomi serta persamaan dasar luar dan pertahanan. Perjanjian tersebut juga memberi peruntukan undang-undang untuk meluaskan Kesatuan tersebut dengan membolehkan mana-mana negara Eropah yang mengamalkan sistem demokrasi memohon sebagai ahli.

Kesan Perjanjian ini, belum begitu jelas lagi. Namun demikian adalah dijangka bila disahkan kelak ia akan mengukuhkan kerjasama ekonomi dan politik negara-negara ahli. Dengan memberi keutamaan kepada negara-negara ahli tindakan Kesatuan Ekonomi boleh menjejaskan dagangan dengan negara-negara lain termasuk Malaysia. Perkara ini diperbincangkan dalam Artikel

115 Perjanjian Rome yang membenarkan ahli-ahli Kesatuan Eropah menghadkan kemasukan barangan yang berasal luar dari Kesatuan Eropah. Malaysia harus berwaspada atas kemungkinan besar yang Kesatuan Eropah akan mengambil tindakan-tindakan yang mungkin menjejaskan kemasukan barangan Malaysia ke pasaran mereka. Juga dengan bertambah kukuhnya kesatuan Eropah, mereka boleh mengambil sikap atau tindakan-tindakan yang lebih berkesan terhadap soal-soal hak asasi dan alam sekitar (human right and environment issues) yang juga akan menjejaskan kepentingan Malaysia.

#### **CADANGAN PEMBINAAN JAMBATAN DI SARAWAK**

**22. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang atau telah mengadakan rancangan untuk memanggil sektor swasta untuk membina jambatan-jambatan menghubungkan Upper Lanang dengan Sungai Assan dan juga menghubungkan Sibul dengan Sungai Bidut;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa pembinaan kedua-dua jambatan tersebut, menghubungkan Sibul dengan seberang Sungai Rejang akan dapat mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut;
- (c) sama ada Kementerian telah menjalankan penyelidikan terhadap pembinaan jambatan tersebut; dan
- (d) bilakah Kementerian akan habis penyidikannya terhadap Jambatan Durin yang dicadangkan menyeberangi Sungai Rejang, jumlah taksiran kos pembinaan, tarikh pembinaan bermula dan jumlah masa yang diperlukan untuk projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Saya ingin menjawab ketiga-tiga soalan (a), (b) dan (c) sekaligus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan berkenaan adalah di bawah Kerajaan Negeri. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat bolehlah mencadangkan rancangan pembinaan jambatan tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa pembinaan jambatan Batang Rajang di Durin, Sarawak adalah penting untuk perhubungan Jalan Raya Utama Sarawak. Oleh itu, projek Jambatan Rajang telahpun diluluskan dalam RM6. Bagaimanapun memandangkan Sungai Rajang agak lebar dan peruntukan yang diperlukan juga adalah besar, oleh itu, kajian terperinci harus dijalankan. Kajian berkenaan belum lagi bermula, walau bagaimanapun, ianya akan dilaksanakan dalam tempoh RM6 ini dan hanya selepas kajian tersebut selesai, pembinaannya boleh dimulakan. Jumlah anggaran kos bagi pembinaan ini ialah \$110 juta. Masa yang diperlukan bagi menyiapkan jambatan tersebut ialah 36 bulan. Kajian kemungkinan dijangka akan dimulai pada awal tahun 1993.

#### **KWSP—CARUMAN TIDAK DITUNTUT**

**23. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah setakat ini, wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut oleh pencarum;
- (b) dari jumlah tersebut, setelah diberikan notis tuntutan, apakah tindakan Kerajaan seterusnya;

- (c) berapa lamakah jangka masa notis tuntutan wang KWSP tersebut sebelum wang tersebut disalurkan ke dalam, dengan izin, accumulated surplus fund account; dan
- (d) apakah tindakan Kerajaan selanjutnya bagi memastikan pencarum yang tidak menuntut wang mereka itu mengetahui akan kedudukan caruman mereka.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Sehingga 31hb Ogos, 1992 seramai 107,704 bekas pencarum masih belum lagi membuat tuntutan caruman mereka kepada KWSP. Jumlah wang di dalam akaun Caruman Yang Tidak Dituntut setakat 31hb Ogos, 1992 ialah \$72,635,949.86.
- (b) Setelah notis tuntutan diberikan dan jika ahli/waris ahli mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan simpanan, permohonan tersebut akan diproses sehingga bayaran dibuat kepada pemohon. Bagaimanapun, jika tiada tuntutan diterima sama ada daripada ahli atau waris ahli, KWSP akan terus menyimpan simpanan ini di dalam Akaun Lebihan Terkumpul sehingga ia dituntut oleh ahli atau waris ahli.
- (c) Bagi ahli KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun dan masih belum mengeluarkan kesemua simpanan mereka, simpanan ini akan disimpan di dalam akaun semasa mereka selama 10 tahun. Selepas tempoh 10 tahun ini iaitu apabila ahli berumur 65 tahun, simpanan ini akan dipindahkan ke akaun Rezab Ahli. Selepas 10 tahun lagi iaitu apabila ahli mencapai umur 75 tahun, simpanan di dalam Akaun Rezab Ahli ini akan

dipindahkan ke Akaun Lebihan Terkumpul atau Accumulated Surplus Fund Account.

Ini bererti seseorang ahli KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun dan masih mempunyai simpanan di KWSP, mempunyai tempoh masa selama 20 tahun untuk mengeluarkan simpanannya sebelum simpanan tersebut dimasukkan ke dalam Akaun Lebihan Terkumpul.

- (d) KWSP telah mengambil tindakan berikut bagi memastikan pencarum yang tidak menuntut wang mereka itu mengetahui akan kedudukan caruman mereka:
  - (i) menerbitkan Buku Simpanan KWSP yang Tidak Dituntut yang mengandungi senarai ahli yang berumur 60 tahun dan ke atas. Buku ini telah diedarkan ke semua Pejabat KWSP, Pejabat Pos, Pejabat Penerangan, Pejabat PERKESO, Pejabat Tenaga Rakyat, Wakil Rakyat, Balai Penghulu, Kesatuan Sekerja dan lain-lain.
  - (ii) menyediakan poster Buku Simpanan KWSP Yang Tidak Dituntut dan mempamerkannya di tempat-tempat awam di seluruh negara.
  - (iii) mendapatkan kerjasama daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia untuk mengesan alamat terbaru ahli KWSP berkenaan yang berdaftar dengan SPRM bagi tujuan menghubungi mereka.
  - (iv) memaklumkan mengenai perkara ini kepada orang ramai melalui media massa.

Ini termasuk mengiklankannya menerusi televisyen.

- (v) mendapatkan maklumat mengenai orang-orang tua yang menghuni Rumah Orang-orang Tua untuk mengenalpasti jika ada di antara mereka yang terdiri daripada ahli KWSP yang berkenaan.
- (vi) mendapatkan kerjasama daripada Syarikat Telekom Malaysia untuk mengesan alamat terbaru ahli KWSP berkenaan yang disimpan dalam rekod STM bagi tujuan menghubungi mereka.

#### BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS

**24. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah kerugian yang dialami oleh pengusaha-pengusaha kilang kerana terputusnya bekalan elektrik pada 29hb hingga 30hb September, 1992;
- (b) mengapa ianya lambat dipulihkan;
- (c) berapakah bilangan stesen janakuasa utama di seluruh negara dan bilangan stesen janakuasa sokongan yang boleh digunakan sekiranya bekalan elektrik dari stesen janakuasa utama terputus; dan
- (d) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mempercepatkan pemulihan bekalan elektrik sekiranya kejadian ini berlaku di masa akan datang.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Pertanyaan ini telahpun dijawab bersama-sama

dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 19-10-92 dan saya tiada apa-apa maklumat lain untuk ditambah.

#### PEMBINAAN BALAI BOMBA DI KOTA MARUDU

**25. Tuan George Sangkin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah balai bomba di Kota Marudu mula dibina.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak \$1.4 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk pembinaan sebuah balai bomba di Kota Marudu.

Pada masa ini agensi pelaksanaan sedang menjalankan kerja-kerja awal seperti ukur dan kajian tanah. Adalah dijangka kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada Mac/April 1993 dan kerja-kerja pembinaan akan mengambil masa selama 10 hingga 12 bulan.

#### JUMLAH KAD PENGENALAN BIRU UNTUK RAKYAT SABAH

**26. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berasal dari Sabah yang telah diberikan Kad Pengenalan biru sejak 31hb Ogos, 1963.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Sehingga Ogos 1992 sebanyak 976,428 kad pengenalan biru telah dikeluarkan kepada rakyat Malaysia di Sabah.

#### KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN

**27. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan kakitangan semua kategori dalam

Lembaga Peperiksaan. Apakah fungsi sebenarnya Lembaga ini. Apakah yang sebenarnya berlaku bila adanya kebocoran kertas soalan peperiksaan pada tahun-tahun 1974, 1989 dan 1992. Bagaimanakah kebocoran tersebut menjejaskan para pelajar dan nilai sijil peperiksaan ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah kebocoran seperti ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada sebahagian besar soalan ini telah dijawab sekaligus bersama-sama dengan soalan No. 4 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Teluk Kemang pada 19-10-92. Jawapan kepada soalan yang lain adalah seperti berikut:

Bilangan kakitangan di Lembaga Peperiksaan seperti pada 30-9-1992 ialah seramai 248 orang.

Fungsi utama Lembaga Peperiksaan ialah:

- (i) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan kebangsaan bagi menilai pencapaian murid-murid dan pelajar-pelajar dari segi pengetahuan dan kemahiran berdasarkan kurikulum yang ditetapkan.
- (ii) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan kebangsaan bagi menilai pencapaian akademik, teknikal dan vokasional untuk tujuan pensijilan, pemilihan dan penempatan.
- (iii) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan luar negara yang tidak bercanggah dengan kepentingan kebangsaan.

#### **KELAMBATAN BAYARAN PENCEN—TINDAKAN**

**28.. Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan banyak kes kelambatan pembayaran

ganjaran dan pencen berpunca daripada kurangnya kecekapan pegawai-pegawai memproseskan dokumen dan pembayaran yang lebih teratur dan cekap, apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Jika ada, terangkan langkah tersebut. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa kelambatan pembayaran ganjaran- dan pencen berpunca daripada kurangnya kecekapan pegawai-pegawai Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sistem pembayaran ganjaran dan pencen perkhidmatan awam pada keseluruhannya adalah memuaskan. Kelambatan urusan pembayaran pencen dan ganjaran adalah berpunca daripada beberapa sebab seperti berikut:

- (i) dokumen-dokumen persaraan seperti Kenyataan Perkhidmatan yang tidak dikemaskinikan oleh jabatan-jabatan berkenaan;
- (ii) kelewatan Jabatan-jabatan yang berkenaan mengemukakan dokumen-dokumen persaraan ke Bahagian Pencen, JPA; dan
- (iii) kegagalan pesara memaklumkan kepada Bahagian Pencen, JPA pertukaran alamat mereka;
- (iv) mengkaji kemungkinan urusan memproses, melulus dan membayar faedah persaraan diserahkan kepada Kementerian/Pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing.

#### **PADANG LUMBA KUDA SELANGOR TURF CLUB— PAJAKAN KEPADA SYARIKAT SWASTA**

**29. Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah alasan Kerajaan untuk memajak bekas kawasan padang lumba kuda Kuala Lumpur yang

pernah diambil balik daripada kelab lumba kuda untuk dijadikan taman dengan harga murah kepada sebuah syarikat swasta pimpinan Ananda Krishnan dan apakah hubungan Perdana Menteri dengannya;

- (b) sejauhmanakah anak Perdana Menteri terlibat dengan projek ini. Mengapa pula PETRONAS terlibat dengan projek ini memandangkan PETRONAS sudah lama mempunyai tapak tanah ibu pejabat yang masih belum dimajukan;
- (c) bukankah PETRONAS pernah dipaksa membeli bangunan DAYA BUMI, yang dibina oleh syarikat Jepun dengan harga S71 juta lebih tinggi daripada tender termurah daripada syarikat tempatan. Sila berikan sebab-sebabnya; dan
- (d) mengapa pula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, yang mempunyai ibu pejabatnya yang masih baru di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, akan memindahkan ibu pejabatnya ke sana juga. Sila berikan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):**

- (a) Kerajaan tidak pernah mengambil balik tanah bekas padang lumba kuda Selangor Turf Club. Sebaliknya tanah tersebut telah dibeli oleh syarikat usahasama antara Encik Ananda Krishnan dengan kelab itu. Di antara syarat yang dikenakan kepada pembeli ialah, setengah daripada kawasan tersebut dikehendaki dijadikan taman dengan kos yang dibiayai oleh pembeli tetapi hakmilik tanah tersebut diserahkan kepada Kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada kaitan dengan perkara ini;

- (b) Anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak terlibat dengan projek ini. Berhubung dengan penglibatan PETRONAS, syarikat tersebut sememangnya sedang mencari tapak tanah yang sesuai untuk membina ibu pejabatnya. Adalah didapati kesemua tanah yang dimilikinya tidak sesuai dan mencukupi untuk menampung keperluan ruang pejabat PETRONAS dan anak-anak syarikatnya.

Berasaskan sebab-sebab yang dinyatakan sebentar tadi, PETRONAS telah memutuskan untuk mengambil ekuiti dalam syarikat yang akan membangunkan tapak tersebut. Keputusan ini juga adalah berasaskan kajian dayamaju yang menunjukkan langkah ini akan menghasilkan keuntungan. PETRONAS juga berbuat demikian untuk memenuhi hasratnya menyambung kepada usaha bagi memajukan lagi Bandaraya Kuala Lumpur.

- (c) Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa PETRONAS telah dipaksa untuk membeli bangunan Dayabumi adalah juga tidak benar. Keputusan syarikat tersebut untuk berbuat demikian adalah berasaskan perhitungan komersial. Lebih-lebih lagi, nilai bangunan tersebut sekarang adalah dianggarkan melebihi harga belian.
- (d) Berhubung dengan keputusan untuk memindahkan ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke kawasan tersebut, langkah ini dibuat berdasarkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini sudahpun kekurangan ruang pejabat dan oleh yang demikian, memerlukan ruang pejabat yang lebih luas untuk memberi perkhidmatan yang lebih

sempurna. Tambahan pula, sebagai badan yang bertanggung-jawab ke atas urusan Bandaraya Kuala Lumpur, adalah sememangnya wajar sekiranya Dewan Bandaraya ditempatkan di kawasan yang dianggap terunggul di Kuala Lumpur.

**DBKL—KES PEMBELIAN 23  
BUAH KERETA VOLVO**

**30. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah keputusan dibuat dalam pembelian 22 buah kereta Volvo oleh DBKL;
- (b) apakah pembelian itu melanggar peraturan dan jika ya, sebutkan peraturannya atau DBKL akan menghadapi risiko kewangan dari penjualan itu;
- (c) sebutkan dasar dan kaedah penjualan semula kenderaan tersebut dan adakah DBKL akan menghadapi risiko kewangan dari penjualan itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur yang telah meletakkan jawatan. Sila nyatakan apa-apa imbuhan dari Kerajaan atas khidmatnya dahulu.

**Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):**

- (a) Keputusan untuk membeli 23 buah kereta Volvo untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah dibuat oleh pihak Pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri.

Kereta-kereta Volvo ini dibeli untuk kegunaan rasmi pejabat di mana pada tahun 1991 terdapat tiga acara antarabangsa iaitu

lawatan rombongan dari Casablanca (29-5-91-3-6-91), Persidangan PACOM (Pacific - Asia Congress of Municipalities) (September 1991) dan CITYNET (Regional Network of Local Authorities for the Management of Human Settlements) (November 1991) dimana kereta-kereta tersebut telah digunakan.

Di samping itu juga, kereta-kereta ini adalah untuk digunakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan yang dikehendaki menjalankan tugas di sepanjang waktu.

- (b) Adalah terlalu awal untuk menentukan sama ada pembelian kereta Volvo ini melanggar peraturan memandangkan kes ini masih lagi di peringkat siasatan.
- (c) Kerajaan telah memutuskan supaya semua 23 buah kereta Volvo itu dijual. DBKL sedang mengambil tindakan untuk menjual kenderaan tersebut secara tawaran terbuka. Adalah dijangkakan DBKL tidak mengalami masalah kewangan di dalam menjual kereta berkenaan kecuali kerugian dari susutnilai kenderaan tersebut.
- (d) Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur kerana kes ini masih di dalam siasatan. Buat masa ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mendapat kemudahan persaraan sebagai Pegawai Kerajaan.

**SELAT MELAKA—TINDAKAN  
KESELAMATAN**

**31. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberikan pandangan terhadap kekhuatiran mengenai

keselamatan perairan di Selat Melaka memandangkan pelanggaran baru-baru ini di antara kapal-kapal asing di Selat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Kerajaan sentiasa peka terhadap keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah mencegah daripada berlakunya kemalangan-kemalangan seperti yang telah sudah. Maklumat-maklumat dari segi keselamatan pelayaran dan juga dari segi keselamatan secara umum disampaikan kepada masyarakat perkapalan melalui Notis Perkapalan atau, dengan izin, Notice of Mariner. Di samping itu, pihak Kementerian juga menyampaikan maklumat-maklumat ini melalui forum-forum tertentu seperti seminar, bengkel dan persidangan yang diadakan.

Bagi menjamin keselamatan pelajaran di Selat Melaka, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu laluan kapal. Beberapa alat bantuan pelajaran telah dipasang di beberapa tempat seperti Rumah Api di One Fathom Bank dan mata arah (beacon) di Tanjung Piai, Sepat dan Tanjung Gabang di samping menyediakan laluan pelajaran khusus, dengan izin, Traffic Separation Scheme, untuk kapal-kapal lain.

Dari segi undang-undang, telah wujud beberapa undang-undang kebangsaan yang mempunyai tujuan untuk menentukan tahap keselamatan kapal-kapal serta mengawal dan mencegah pencemaran. Kerajaan Malaysia sedang memperketatkan lagi kedudukan undang-undang yang berkaitan dan membuat pindaan-pindaan yang sesuai bagi menentukan pengawalan yang lebih teliti dan berkesan terhadap keselamatan perkapalan dan pengawalan alam sekeliling.

Berkaitan dengan ini, telahpun wujud kerjasama tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura untuk

menentukan tindakan yang lebih bersepadu terhadap masalah keselamatan dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

Satu Persidangan Antarabangsa akan diadakan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand untuk meninjau cara-cara yang boleh menjamin dan menyelenggara langkah-langkah keselamatan pelajaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

#### CADANGAN PEMBINAAN INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI BOTA, PERAK

32. Tuan Haji Nasruddin **bin Haji** Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan dan kemajuan pembinaan Institut Teknologi MARA di Sri Iskandar, Bota, Perak Darul Ridzuan yang mana kawasannya telah lama diperuntukkan dan papan tandanya pun telah lama dipasang.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kampus tetap Institut Teknologi MARA (ITM) di Sri Iskandar, Perak, Darul Ridzuan, sedang diurus oleh pihak ITM. Proses melantik perunding untuk melaksanakan projek ini sedang dibuat.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

337 *ptg.*

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin **Ibrahim**): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan iaitu suatu Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti dan untuk mengadakan peruntukan mengenai

perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal tempatan telah berkembang dengan begitu pesat sejak beberapa tahun yang lalu dan sudah sampai masanya kita menubuhkan satu badan pengawalan yang tunggal untuk mencapai dua tujuan utama. Pertama, untuk menjamin pertumbuhan pasaran modal yang berterusan; dan kedua, pertumbuhan tersebut adalah sihat dan menjamin kesaksamaan. Meskipun pasaran bebas adalah prasyarat untuk pasaran modal berkembang maju, tetapi ini tidak bermakna ia tidak memerlukan pengawalan. Peri pentingnya kawalan semakin mendesak memandangkan saiz pasaran modal yang bertambah besar, kompleks dan canggih. Jumlah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur telah meningkat kepada 357. Jumlah gembelangan modal telah melebihi \$9 billion bagi 9 bulan pertama tahun ini. Jumlah dagangan pula meningkat kepada 8.97 billion unit bernilai \$25.9 billion pada tempoh yang sama. Jumlah wang yang terlibat terlalu besar dan kesannya terhadap ekonomi terlalu mendalam. Maka, sudah tentu kita tidak mampu memperjudikan kepentingan ekonomi negara dan masyarakat pelabur kepada pasaran yang tidak terkawal. Kita tidak mahu melihat sebarang kegoncangan sebarang kegoncangan dalam pasaran modal akibat manipulasi segelintir pelabur yang tamak haloba. Ada yang mengatakan bahawa mekanisme pasaran boleh membuat kawalan sendiri, tetapi keyakinan kepada apa yang disebut sebagai self-regulated market, dengan izin, seringkali mengecewakan. Kita masih belum lupa bagaimana masyarakat Malaysia beberapa tahun dahulu digoncangkan oleh beberapa skandal kewangan seperti BMF dan penyelewengan koperasi pengambilan deposit dan lain-lain kerana kurang pertanggungjawaban. Bursa-bursa Saham antarabangsa yang terkemuka

bukan sekali dua mengalami krisis akibat manipulasi individu tamak. Masalah ini dihuraikan dalam beberapa kajian termasuk oleh James B. Stewarts dalam bukunya: "*Dean of Thieves*", yang diantara lainnya membongkar kegiatan perdagangan dalaman (insider trading), individu seperti Michael Milken dan Ivan Boesky yang turut menjejaskan Bursa Saham New York di tahun-tahun 80an. Kita perlu mengambil iktibar dari peristiwa-peristiwa tersebut dan perlu mengambil langkah tegas supaya gejala buruk tersebut tidak menjangkiti pasaran modal kita. Kita ingin mengulangi bahawa kita tidak bertolak ansur dengan mereka yang ingin merosakkan kewibawaan BSKL ataupun lain-lain Bursa yang akan ditubuhkan untuk meraih keuntungan segera.

Perkembangan teknologi dan arah globalisasi juga membawa cabaran baru kepada agensi pengawalan. Perkembangan teknologi telah memungkinkan perdagangan sekuriti dan pembayaran dilakukan antara bursa berlainan. Urusniaga boleh dijalankan pada bila-bila masa di zon masa yang berlainan dan pelabur boleh mengubah perdagangan mereka dengan pantas di pasaran yang berlainan. Dasar kita yang liberal dan amalan ekonomi yang terbuka memungkin orang asing memindahkan dan mereka keluar dan masuk dengan bebas. Pihak berkuasa perlu bertindak dengan cekap dan mampu menguatkuasa peraturan dan undang-undang dengan pantas untuk menangani gejala jenayah kolar putih yang juga telah bersifat global.

Kegagalan kita menangani masalah ini akan menghakik keyakinan pelabur terhadap pasaran sekuriti kita. Kita perlu mengambil sikap tegas untuk menjamin pertumbuhan sihat pasaran modal kerana peranan strategik dalam menggembeling simpanan pembangunan negara. Malaysia memerlukan modal sektor swasta tidak kurang dari \$107 bilion sebenar dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu mencapai

pertumbuhan purata 7.5% setahun. Tetapi untuk melaksanakan pengeluaran wang pelaburan sebenar sebanyak \$107 bilion dalam tempoh tersebut dijangka akan memerlukan pembentukan modal di sekitar \$190 bilion. Daripada jumlah ini adalah dijangka bahawa di antara \$19 hingga \$30 bilion atau sehingga 16% perlu digembeling melalui pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal Malaysia akan menjadi lebih kompleks dan canggih kerana bertambahnya permintaan. Penswastaaan dan pengapungan syarikat-syarikat Kerajaan telah menjadikan BSKL sebagai yang terbesar di ASEAN dan antara yang terbesar di rantau ini. Lebih banyak bursa akan beroperasi di Malaysia apabila Rang Undang-undang Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1992 dibentang dan diluluskan di Parlimen nanti. Ini termasuk bursa perdagangan opsyen kontrak niaga hadapan, indeks dan lain-lain produk yang dijangka muncul di pasaran Malaysia. Perkembangan pesat ini juga sudah tentu akan membawa cabaran baru kepada pihak pengawalan. Kita perlu menyediakan satu rangka kawalan yang sesuai untuk menjamin perkembangan pasaran modal yang sihat, teratur dan memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pelabur.

Pasaran modal masak ini diawasi oleh beberapa agensi, terutamanya Pendaftar Syarikat (ROC) yang bertanggungjawab mentadbir dan melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 sebagai perundangan utama untuk mengawal industri sekuriti dan operasi peniaga dan pihak lain yang mencebur diri dalam pasaran.

Kedua, Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC), mengawasi terbitan utama sekuriti oleh syarikat awam dan penyenaraian di Bursa Saham.

Ketiga, panel pengambilalihan dan percantuman (TOP) menguatkuasa etika tatatertib yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pengambilalihan dan percantuman supaya dilakukan di dalam keadaan yang teratur dan untuk melindungi kepentingan pihak pemegang saham minoriti.

Keempat, pihak Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), bertanggungjawab di dalam hal-hal utama berhubung dengan pelaburan asing dan pengambilalihan aset-aset dan kepentingan.

Kepelbagaian agensi kawalan yang bertanggungjawab terhadap perkembangan pasaran modal sudah tentu tidak lagi sesuai pada peringkat sekarang. Ia menimbulkan pelbagai karenah pentadbiran dan seterusnya menyulitkan perancangan pembangunan. Penubuhan Suruhanjaya Sekuriti sebagai Badan Pengawalan tunggal akan mempercepatkan proses mengambil keputusan di mana cadangan tidak lagi perlu melalui proses kelulusan beberapa agensi. Saya juga ingin menegaskan bahawa Suruhanjaya Sekuriti tidak akan menjejaskan dasar Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan golongan bumiputera di dalam pasaran modal. Kementerian Kewangan masih bertanggungjawab terhadap pengeluaran lesen kepada bursa dan peniaga serta broker dan boleh menentukan syarat bagi pemegang lesen untuk dipatuhi. Suruhanjaya Sekuriti akan hanya membantu mempertingkatkan pengawalan dan pembangunan pasaran secara sistematik bahkan dengan menjamin integriti pasaran, ia boleh membantu membina masyarakat bumiputera yang kukuh dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti telah dirangka untuk membolehkan penubuhan sebuah badan korporat yang

akan dikenali sebagai Suruhanjaya Sekuriti. Badan ini akan bertanggungjawab mengawal dan mengawasi sekuriti dan pasaran kewangan hadapan serta perantaraan untuk menjamin integriti pasaran dan perlindungan untuk pelabur. Pengurusan Suruhanjaya akan diberi kepada Lembaga Pengarah yang terdiri daripada sembilan ahli yang akan dilantik oleh Menteri seperti berikut:

- seorang Pengerusi eksekutif;
- empat Ahli mewakili Kerajaan; dan
- empat ahli lainnya.

Memandangkan pasaran sekuriti dan pasaran hadapan melibatkan sektor korporat, adalah wajar sektor swasta mempunyai wakil yang mencukupi di dalam Suruhanjaya. Untuk mengelakkan percanggahan kepentingan, Fasal 5 telah memperuntukkan bahawa tiada anggota boleh dilantik atau terus menjadi anggota Suruhanjaya sekiranya ada memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana syarikat tersenarai awam. Tertakluk kepada apa-apa syarat seperti yang ditetapkan dalam Suratcara Perlantikan seorang anggota Suruhanjaya hendaklah memegang jawatan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

Objektif Suruhanjaya telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) untuk menjamin pembangunan pasaran sekuriti dan pasaran hadapan yang teratur;
- (ii) untuk melindungi kepentingan pelabur awam dan pemegang saham minoriti; dan
- (iii) untuk memelihara integriti pasaran dan meningkatkan kecekapan pasaran.

Fasal 15 telah dirangka untuk memenuhi objektif tersebut memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi di antara lain seperti berikut:

- (i) untuk menasihati Menteri dalam segala perkara berhubungan dengan perindustrian sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- (ii) untuk mengawalselia terbitan sekuriti, jenis kontrak niaga hadapan, pengambilalihan dan percantuman syarikat dan semua perkara berhubungan dengan skim amanah saham;
- (iii) untuk bertanggungjawab bagi mengawasi dan menyelia aktiviti mana-mana bursa, pusat penjelasan dan depository pusat;
- (iv) untuk mengambil langkah munasabah untuk melindungi kepentingan orang peniaga di dalam sekuriti atau berurusanniaga dalam kontrak niaga hadapan; dan
- (v) untuk membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang yang hina dan yang tidak patut di dalam perniagaan sekuriti dan perdagangan kontrak niaga hadapan dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berhubungan dengan sekuriti atau kontrak niaga hadapan.

Berdasarkan kepada fungsi yang diperuntukkan, Suruhanjaya akan dapat melaksanakan tugasnya untuk menentukan pembangunan yang teratur, saksama dan cekap bagi pasaran sekuriti dan hadapan selaras dengan hasrat negara serta objektif ekonomi dan pembangunan negara.

Fasal 18 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa jika difikirkan

perlu bagi mempercepat dan membantu di dalam menjalankan fungsinya.

Fasal 23 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya akan menubuhkan satu kumpulan wang yang terdiri daripada antara lain apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari masa ke semasa bagi maksud Akta ini oleh Parlimen, levi yang dipungut oleh Suruhanjaya dan apa-apa bayaran lain yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

Fasal 24 memperuntukkan bahawa bagi setiap pembelian dan penjualan sekuriti yang direkodkan di bursa saham atau diberitahu kepadanya, pembeli dan penjual masing-masing adalah dikehendaki membayar levi kepada Suruhanjaya pada kadar yang ditetapkan. Tiap-tiap urusan niaga yang boleh dilevi direkodkan di bursa niaga hadapan. Pembeli dan penjual masing-masing bertanggungjawab membayar kepada Suruhanjaya satu levi yang amaunnya akan ditetapkan.

Oleh kerana Suruhanjaya akan membiayai sendiri operasinya, maka penubuhannya tidak akan membebankan Kerajaan. Suruhanjaya boleh mengambil kakitangan dari kalangan kakitangan profesional untuk menampung tanggungjawab yang luas bagi sebuah badan pengawalan. Rang Undang-undang juga telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh mengambil kakitangan sendiri yang akan dibayar ganjaran dan elaun yang akan ditentukan oleh Suruhanjaya. Seterusnya sebagai yang membiayai oleh sumber sendiri, Suruhanjaya dapat mengadakan bahan-bahan teknikal untuk menjalankan fungsi pengawalan dan penguatkuasaan. Bagaimanapun, supaya tidak membebankan pelabur dengan kos transaksi yang tinggi, jumlah levi yang akan ditentukan oleh Menteri akan dikaji dengan cermat untuk memastikan levi yang munasabah.

Suruhanjaya akan bertanggungjawab terhadap Kerajaan. Oleh itu, Fasal 28 menghendaki Suruhanjaya menyediakan laporan mengenai kegiatannya selepas berakhirnya setiap tahun kewangan untuk dibentangkan di Parlimen.

Fasal 32 memberikan kuasa kepada Suruhanjaya untuk meneliti dan meluluskan terbitan sekuriti dan/atau penyenaian sekuriti di bursa saham. Fungsi ini sekarang dijalankan oleh CIC.

Fasal 33 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya akan mentadbir, menyelia dan mengawal aktiviti pengambilalihan dan percantuman untuk memastikan pemegang saham minoriti diberi pertimbangan yang saksama di bawah situasi pengambilalihan dan percantuman.

Di dalam mengawal transaksi pengambilalihan dan percantuman, Suruhanjaya boleh menyediakan suatu rekod mengandungi perkara dasar atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan.

Suruhanjaya akan menentukan bahawa amalan perdagangan dijalankan dengan adil dan terbuka mengikut undang-undang, dengan izin, transparency. Justeru itu, di bawah Fasal 35, Suruhanjaya diberi kuasa untuk melantik beberapa Pegawai Penyiasat di mana difikirkan perlu untuk menyiasat sebarang kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1992 yang akan dibentangkan kemudian.

Fasal 36 memberi semua kuasa yang perlu kepada Pegawai Penyiasat untuk menjalankan siasatan.

Dengan penubuhan Suruhanjaya, Seksyen 5 dan 6 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Seksyen 179 Akta Syarikat 1965 akan dimansuhkan.

Dengan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, implikasi ke atas rangka pengawalan industri sekuriti adalah seperti berikut:

- (i) CIC akan dimansuhkan dan semua tugas CIC akan diserapkan ke Suruhanjaya Sekuriti;
- (ii) Urusetia FIC tidak akan berfungsi sebagai Urusetia TOP lagi. Semua tugas TOP akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- (iii) Semua tugas Pendaftar Syarikat (ROC) berkaitan dengan fungsi di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti, kecuali perlesenan yang akan dilaksanakan oleh Pegawai Pelesenan yang akan dilantik oleh Menteri. Tugas ROC berkaitan dengan Akta Syarikat 1965 akan terus kekal dengan ROC;
- (iv) Pengawalan terbitan sekuriti hutang oleh syarikat awam berhad yang kini dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia akan dikendalikan oleh Suruhanjaya;
- (v) Tugas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berhubung dengan peruntukan saham kepada para pekerja syarikat dan pengarah syarikat akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, peruntukan saham kepada pelabur bumiputera akan kekal dengan Kerajaan, iaitu melalui MITI atau Kementerian Kewangan, yang mana berkenaan;
- (vi) Suruhanjaya tidak akan mengambilalih apa-apa tugas FIC. FIC akan terus menjalankan fungsinya untuk merangka dasar-dasar pe-

laburan asing dan memastikan pencapaian objektif di bawah Dasar Pembangunan Negara; dan

- (vii) Suruhanjaya akan bertanggungjawab untuk mengawalselia pasaran kontrak niaga hadapan yang tidak termasuk kontrak niaga hadapan komoditi yang didagangkan oleh bursa komoditi yang ditubuhkan di bawah Akta Perdagangan Komoditi 1985. Oleh itu, Suruhanjaya Dagangan Komoditi akan terus mengawalselia operasi Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Semua permohonan yang melibatkan pertimbangan Suruhanjaya serta agensi lain, misalnya MITI atau FIC, hanya perlu dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti akan bertanggungjawab untuk merujuk kepada agensi yang terlibat untuk mendapat persetujuan sebelum Suruhanjaya mempertimbangkan permohonan tersebut. Dengan ini, pemohon tidak lagi perlu membuat permohonan berganda kepada agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Iain-lain peruntukan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti adalah fasal-fasal am yang biasanya diperuntukkan untuk memudahkan operasi harian Suruhanjaya. Dengan kelulusan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992, kita yakin pasaran sekuriti dan kontrak niaga hadapan akan dapat dikawal dan dibangunkan dengan cekap dan di samping itu, kepentingan pelaburan awam dilindungi. Penubuhan Suruhanjaya juga akan memastikan perkembangan pasaran modal yang lebih sistematik dan teratur untuk menampung keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Klang.

3.55 *ptg.*

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):** Tuan Yang di-Pertua, bidang sekuriti walaupun terdedah kepada risiko, tetapi menguntungkan. Perkembangan ekonomi negara berjaya menetapkan bidang sekuriti ke hadapan, dengan sebab itu Kerajaan mengambil peluang dari kemajuan ini untuk membuat wang menerusi penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, sepertimana Rang Undang-undang berkaitan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun langkah Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti ini memang baik dan dialu-alukan oleh ramai pihak yang bertujuan untuk menetapkan semua agensi atau badan yang menguruskan soal sekuriti dan kontrak dagangan hadapan di bawah satu payung dan boleh menghasilkan penyelarasan yang baik, tetapi Kerajaan mengambil peluang ini untuk mencari wang hasil dari perkembangan dan kemajuan industri sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini mendapati, pertama, Suruhanjaya Sekuriti yang dicadangkan itu memang perlu disokong penubuhannya memandangkan industri sekuriti dan kontrak dagangan hadapan sudah berkembang maju dan menyebabkan Kementerian Kewangan tidak mampu menguruskan secara total. Walaupun agak lambat penubuhannya, tetapi saya percaya Suruhanjaya ini mampu memikul tanggungjawab yang besar

asalkan anggota Suruhanjaya adalah terdiri daripada mereka yang beramanah, cekap, bersih dan mempunyai pandangan dan mandat ke arah memajukan industri sekuriti di negara ini.

Fasal 3 dan 15 Rang Undang-undang ada menyebutkan dengan jelas bidangkuasa dan fungsi Suruhanjaya ini. Oleh yang demikian, perlantikan anggota Suruhanjaya yang terdiri dari 9 orang ini yang diketuai oleh Pengerusi yang diberikan peranan sebagai Pengerusi Eksekutif menghendaki pemilihan yang tepat dan bertanggungjawab dan bukan ditangkap muat sahaja dan seberapa boleh dielakkan dari melantik mereka yang berkepentingan dalam industri sekuriti seperti disebut dalam Fasal 5. Apa yang dikhuatiri ialah Menteri boleh melantik seorang yang pada zahirnya tiada kepentingan, tetapi hakikatnya kepentingan mereka itu telah dipindahkan kepada proksi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pemilihan anggota Suruhanjaya adalah mustahak bagi Kerajaan melantik orang-orang pemegang saham yang tidak memegang jawatan dalam mana-mana syarikat tersenarai awam, iaitu pemegang saham biasa yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam industri sekuriti. Mereka mampu memberi teguran dan pandangan yang tidak berbelahbahagi.

Tentang hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa seperti diperuntukkan dalam Fasal 13(4) kerana tidak mendedahkan kepentingan apa yang disebut dalam Fasal 13(1) yang berbunyi:

"13. (1) Seseorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau jawatankuasa

hendaklah mendedahkan kepada Suruhanjaya atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingannya itu."

Yang mana hukuman ialah didenda \$250,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya sekali adalah hukuman yang ringan berbanding jika mereka melakukan kesalahan yang melibatkan sekuriti jutaan ringgit. Saya mencadangkan supaya hukuman ini dijadikan 3 kali ganda sesuai dengan kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya tidak bersetuju dengan Fasal 13(5) yang menyebut:

"Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau Jawatankuasa boleh menjadi tak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini."

Ini bererti pelanggaran Fasal 13(1) tidak diberi apa-apa kesan kepada prosiding Mesyuarat yang sedang dijalankan atau diputuskan. Walaupun melibatkan kepentingan sendiri anggota-anggota. Apakah akan terjadi sekiranya anggota-anggota berpakat kerana kuorum hanya 5 anggota sahaja? Tidak siapa pun tahu bahawa kepentingan orang ramai dan pemegang saham lainnya telah dikorbankan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu peruntukan 13(1) hingga (6) adalah peruntukan yang longgar dan membahayakan orang ramai. Fasal ini hendaklah dikaji semula.

Sumber kewangan Suruhanjaya seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini, Fasal 23(1) dan (2) ialah sumbangan Kerajaan, pinjaman, Iain-lain fees dan perolehan dari Suruhanjaya. Kerajaan nampaknya tidak cukup dengan sumber pendapatan itu bagi menjadikan hasil pendapatan Suruhanjaya. Lalu ia memperkenalkan

lagi satu levi yang mesti dibayar dalam urusan niaga sekuriti yang dikenakan ke atas penjual dan pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti para pembeli dan penjual sekuriti semakin dibebankan dengan bayaran perkhidmatan. Misalnya, 1,000 unit saham dibeli pada kadar sebanyak \$10.00 sesaham yang berjumlah \$10,000. Bayaran brokerage 1% dikenakan berjumlah \$100. Duti setem bagi kontrak 0.01%, clearing fees sebanyak 0.05%, maka di samping kos saham, pembeli terpaksa menambah lebih \$100.00 untuk kos perkhidmatan. Sekarang Kerajaan dicadangkan mengenakan pula kos levi yang walaupun belum disebutkan peratusannya. Ia hanya membebaskan para penjual dan pembeli sekuriti. Adalah dicadangkan supaya pengenaan levi ini dibatalkan sahaja kerana Kerajaan sudah mendapat hasil daripada duti stem kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 35 yang mana Suruhanjaya diberi kuasa melantik Pegawai Penyiasat Suruhanjaya dengan dibekalkan dengan kuasa-kuasa yang luas adalah penting bahawa Bahagian Penguatkuasaan ini sentiasa berwaspada dan menjalankan siasatan sama ada menerima aduan atau tidak. Untuk membanteras urusan niaga dalam Bahagian Penguatkuasa tidak perlu menunggu masa yang lama, baru hendak bertindak. Memadai mereka bertindak walaupun baru menerima satu aduan kecil sahaja kerana industri sekuriti semakin kompleks dengan kemunculan urusan niaga scriptless yang mana penipuan dan pemalsuan boleh berlaku dengan lebih licin dan sukar dikesan.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting - tukar Jawatankuasa Terbitan Modal dan Panel Pengambil-alihan dan Percantuman yang kini dilakukan oleh Suruhanjaya harus mampu mengatasi

masalah penyelewengan dalam peruntukan saham kepada pemohon-pemohon dan pengambil-alihan saham syarikat yang tidak diketahui oleh sebahagian besar pemegang saham yang berkesudahan mereka menanggung kerugian akibat kejatuhan harga saham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas.

4.06 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengatakan setinggi-tinggi tahniah ataupun penghargaan kepada Kerajaan, terutamanya Kementerian Kewangan di atas kejayaan membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992. Apa yang tersurat di sebalik Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 yang dibentang di Dewan Rakyat pada hari ini seperti yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menunjukkan akan usaha dan janji Kerajaan bagi menangani segala kemungkinan penyalahgunaan kuasa, rasuah, sogokan atau seumpamanya yang sering kedengaran dalam dunia perdagangan bebas. Saya cukup bangga mendengar ucapan daripada Wakil DAP Klang di waktu membahaskan Rang Undang-undang membangkit ini sebentar tidak langsung lagi perkara-perkara ataupun cerita-cerita lama, tetapi pada masa yang sama turut mengalu-alukan Akta ini. Jadi, Akta ini sekaligus juga telah membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam menegakkan apa yang dikatakan Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. Usaha seperti ini saya percaya merupakan gambaran ataupun citarasa rakyat, merupakan wawasan rakyat melihat bahawa negara kita ditadbir dengan benar-benar bersih, cekap dan amanah.

Sebab dalam dunia perdagangan bebas ataupun dalam konteks dunia perniagaan umumnya, yang sering

dibangkitkan ialah soal masalah penyalahgunaan kuasa ataupun rasuah, terutamanya dalam bidang perdagangan sekuriti dan juga kontrak hadapan tetapi segala-galanya sudah terjawab. Terjawab di atas usaha Kementerian Kewangan seperti terbentangnya Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti pada hari ini dalam Dewan Rakyat.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perkara yang paling gembira apabila kita melihat usaha demi usaha telah dibuat untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang bukan sahaja mengamalkan perdagangan bebas (free market economy) tetapi sekaligus tercatat di atas nama peta dunia sebagai sebuah negara yang benar-benar bersih dan bebas daripada segala amanah, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Di dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 ini, memang pada saya sudah memuji sekaligus segala tomahan Pembangkang, baik daripada rakan-rakan saya duduk dalam S.46 ataupun PAS, lebih-lebih lagi Ahli Parlimen dari Nilam Puri dan juga daripada DAP tentang sungutan-sungutan mereka sebelum ini. Tentang apa yang mereka bangkit sebelum ini bahawa Kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk menangani segala kemungkaran-kemungkaran yang telah berlaku. Di hadapan kita pada hari ini sudah terbukti dan menjadi kenyataan dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, segala janji telah ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan mukaddimah ini kerana inilah intisari semangat daripada Akta atau Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti ini. Selain daripada hendak menyentuh beberapa fasal yang saya kira penting untuk kita sama-sama memberi pandangan dan sokongan supaya selepas ini masalah-masalah yang sering dipcrbesar-besarkan oleh pihak tertentu akan lenyap sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini, antara lain yang Tuan Yang di-Pertua cukup menarik pada diri saya ialah mengenai Bahagian II, 4(1) mengenai Keanggotaan Suruhanjaya. Sebab keanggotaanlah yang paling penting dalam apa juga pentadbiran. Bagaimana kuat sekalipun undang-undang, bagaimana kemas sekalipun undang-undang tetapi manusia tetap manusia, dan manusia bukannya semua sempurna. Manusia bukannya semua perfect, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, dalam dunia perdagangan sekuriti ataupun kontrak hadapan adalah suatu bidang di mana ianya melibatkan perniagaan ratusan juta ringgit. Ertinya, manusia yang tidak kuat dengan moral dan akhlak memang mudah dijangkiti oleh "hantu" ataupun mudah dirasuk "hantu" apabila berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan dalam dunia perniagaan yang melibatkan ratusan juta ringgit.

Oleh itu apabila peruntukan ini dibuat di mana 9 orang akan menganggotai Suruhanjaya Sekuriti dan dilantik oleh Menteri yang diketuai oleh Pengerusi Eksekutif, yang menarik pada diri saya, apabila ianya disebut bahawasanya anggota ini adalah mereka yang tidak terlibat atau tidak memegang apa-apa jawatan dalam syarikat-syarikat awam ataupun public company supaya tidak berlaku pertindahan kepentingan (conflict of interest). Ini suatu peruntukan dan suatu keputusan yang dibuat yang saya kira memerlukan 'guts', mesti ada keberanian kepada seorang pemimpin untuk melakukan seumpamanya ini. Sebab seseorang pemimpin tentulah memerlukan kuasa dan ruang supaya ada manipulasi dan mudah untuk menjalankan sesuatu kerja. Tetapi apabila dikenakan peruntukan seumpama ini, saya percaya Suruhanjaya Sekuriti ini akan benar-benar menjadi Suruhanjaya yang bersih, cekap dan amanah.

Tetapi di samping itu, sungguhpun kita memperuntukkan undang-undang seperti ini, manusia ini cerdik. Manusia yang saya katakan cerdik dan tidak perfect, tidak sempurna. Sebagai contoh, Kerajaan PAS di Kelantan sebelum Pilihanraya 1990 menjanjikan Kerajaan yang bersih. Tetapi sesudah hampir 2 1/2 tahun, sampai hari ini, seorang Menteri Besar yang digelar Tok Guru sampai sekarang enggan menubuhkan Suruhanjaya Bebas DiRaja bagi menyiasat aduan-aduan yang dibuat oleh rakyat Kelantan. Kenyataan rasmi telah dikeluarkan yang mengatakan tidak perlu. Sebab itu kita mengatakan bahawasanya walaupun Menteri Besar Kelantan boleh digelar Tok Guru tidak bererti beliau memimpin sebuah Kerajaan yang bersih. Itu yang berlaku di Kelantan yang menjanjikan segala syurga kepada pengikut-pengikut dan pengundi-pengundinya. Tetapi pada hari ini ternyata sebuah Kerajaan yang dikatakan tidak Islam dan tidak menyokong Islam ataupun kurang Islam, lebih ke hadapan dan lebih committed di dalam menentukan bersih, cekap dan amanah ini. Ini Tok Guru kenjawab dan Ahli Parlimen Nilam Puri kena jawab sebab sekarang ini telah terbukti kenapa Kerajaan Kelantan yang mendokong Islam tidak mampu untuk tampil ke hadapan membuktikan bahawa mereka bersungguh-sungguh committed di dalam menentukan sebuah Kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Sekarang ini kita lihat janji kita telah ditunaikan. Anggota yang dilantik adalah orang yang bebas, yang memang dicadangkan oleh Ahli-ahli Parlimen Nilam Puri, Kok Lanas, DAP, Semangat 46 dan ahli-ahli anggota daripada Barisan Nasional. Semuanya mencadangkan supaya ianya bebas. Memang kalau peruntukan ini tidak atau bab bahagian ini tidak ada supaya mereka ini bukan terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan, tentulah ini menjadi pusat perbincangan pada hari ini. Habis terkunci hari ini, tertutup habis segala

mulut, tidak boleh bercakap, sebab segala-galanya sudah dicover oleh peruntukan yang telah diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang hari ini.

Tetapi sedih sekali Kerajaan di Kelantan tidak dapat mengikuti contoh dan tidak dapat menunjukkan bukti apabila cadangan dikemukakan untuk menubuh Suruhanjaya Bebas. Mereka mengatakan tidak perlu kerana setiap bulan di Kelantan ada usrah di kalangan kakitangan Kerajaan dengan Menteri Besar. Usrah ini berbincang, bertukar-tukar pendapat bukan boleh buat kajian. Takkanlah dalam bentuk permesyuaratan seumpama itu boleh meluluskan sesuatu projek. Hari ini saya berharap Kerajaan Kelantan mengikut contoh Kerajaan Pusat seperti Suruhanjaya Sekuriti ini dalam menentukan masa depannya lebih mempunyai kredibiliti sebagaimana yang dilaungkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, 9 anggota ini, walaupun seperti saya katakan tadi menurut peruntukan, mereka yang dilantik tidak mempunyai apa-apa kepentingan, tetapi pada masa itu juga saya mengatakan tadi bahawa manusia tidak perfect, manusia tidak sempurna. Oleh itu kita pastikan mereka yang dilantik nanti adalah orang yang benar-benar bukan sahaja mempunyai wibawa tetapi mempunyai moral dan akhlak yang kukuh, orang yang tidak kurang pendidikan. Kita perlu kepada mereka yang berpendidikan tinggi. Pada kita orang yang berpendidikan tinggi lebih cekap membuat kerja - memang benar. Tetapi berpendidikan tinggi tidak cukup kerana kita lihat berpendidikan tinggi sahaja tanpa moral dan akhlak yang kuat lebih memudaratkan negara daripada mereka yang bermoral tinggi dan berakhlak kuat walaupun kurang pendidikan. Ianya lebih kurang ataupun melambatkan kalau ia hendak mudarat - kurang sedikit kerana orang yang cerdik ini begitu pintar. Walaupun ada undang-undang kalau dia hendak rompak, dia

boleh rompak juga - adalah jalan dia. Sekarang ini manusia boleh sampai ke bulan, manusia boleh buat robot seperti manusia, segala-galanya boleh buat.

Sebab itu apapun undang-undang dibuat tanpa akhlak dan moral yang kuat, undang-undang akan menjadi sia-sia. Kita mengingatkan ini bukan sahaja kepada ahli-ahli politik tetapi kakitangan Kerajaan pun sama. Kita pun dengar banyak rungutan, apabila timbul masalah-masalah tertentu, maka tuduh-menuduh dan seumpamanya. Tetapi umumnya yang penting apabila kita yakin bahawa mereka yang kita lantik itu orang yang mempunyai akhlak dan moral yang cukup kuat. Ini tidak tahulah, kalau kita hendak menentukan moral dan akhlak seseorang itu bukanlah senang, itu bukan hak kita juga. Sebab itu hati manusia. Hati manusia tidak boleh diperiksa sama ada jujur atau ikhlas, sebab tiada siapa yang tahu. Macam orang tuduh saya lompat parti, tetapi hati saya bersih, orang tidak tahu. Itu perbezaannya dari segi hati. Sama ada jujur atau tidak, susah kita hendak tengok daripada dalam. Daripada luar itu boleh kita tengok, tindak-tanduk orang itu tidak baik, orang ini baik, itu tidak baik, macam-macam kita boleh kata daripada tindakan luar. Tetapi di dalam hati, cukup susah hendak menentukan keikhlasan dan kejujuran seseorang seperti Ahli Parlimen Pasir Mas. Itu bunga-bunga sahaja.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk melantik 9 anggota ini mestilah mempunyai kriteria yang cukup termasuk syarat, yang pertama, moral dan akhlak. Kita tidak tahu dan seperti yang saya katakan tadi bukan senang hendak buat pemeriksaan, tidak boleh. Maka oleh itu saya ingin mencadangkan di dalam peruntukan 4(1)(c) ada diperuntukkan 4 orang lain yang saya kira ini untuk pihak swasta. Kalau untuk pihak swasta apa kira kalau bolehlah, kita juga jangan menolak kemungkinan-kemungkinan melantik tokoh-tokoh

agama, orang yang berpendidikan agama. Walaupun mungkin dia tidak tahu apa itu perniagaan sekuriti, apa itu perniagaan kontrak hadapan dan sebut sekuriti pun dia tidak tahu. Mungkin dia tidak tahu atau mungkin dia tahu, tetapi kalau Ahli Parlimen Dungun mungkin tahu sebab dia sudah menggeleng kepala bermakna dia tahu. Saya maksudkan ini orang-orang agama ini bermacam-macam tetapi mungkin ada tahu dan ada yang tidak tahu. Tetapi kita mesti ada kalau boleh yang berlatarbelakang agama - seorang untuk duduk di mana-mana sahaja di dalam pentadbiran negara kita. Kalau ada orang agama ini bila kita hendak start mesyuarat, kalau Pengerusi terlupa hendak baca Bismillah, dia kata kita Bismillahlah dahulu. Kalau terlupa hendak baca Surah Al-asyr, kita baca Surah Al-asyr dahulu. Dia datang dengan kopiah ataupun watak agama itu dia ada. Jadi, bila tengok ada manusia macam ini ada di tepi-tepi itu, kalau hendak buat salah itu, kuranglah sedikit. Bukankah begitu, Ahli Parlimen Dungun? Saya percaya Dungun boleh bersetuju dengan saya di dalam bab ini.

Jadi, tidak salah bagi kita melantik tokoh-tokoh agama di dalam bidang-bidang yang ada kaitan dengan ekonomi dan kewibawaannya terbukti untuk duduk sebagai salah seorang 9 anggota ini untuk menasihati sekurang-kurangnya di dalam pandangan dan sudut-sudut yang mungkin ada sekali-sekala membabitkan dari segi hal ehwal yang berkaitan dengan agama, dari segi perniagaan itu melabur di dalam bidang mana, halal atau tidak halal, haram atau tidak haram, mungkin ada sedikit-sebanyak hendak tahu juga. Boleh membantu rakan-rakan 9 orang lagi termasuk Pengerusi Eksekutif ini. Saya percaya kalau ini dapat kita bentuk - cantik betul. Habis Ahli Parlimen Nilam Puri nanti, tidak boleh kata apa.

Jadi, saya percaya dalam peruntukan 4(1) ini, ianya telah difikir dengan begitu panjang oleh pihak Kementerian,

Kerajaan dan Kabinet sendiri. Saya percaya ini merupakan manifestasi dan kehendak Kerajaan ke arah yang saya katakan tadi bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dibangkitkan oleh Ahli Parlimen daripada Klang mengenai dengan peruntukan 13(5) iaitu, "Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau Jawatankuasa boleh menjadi tak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau Jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini." Dari segi hujah, rakan kita daripada Klang ada benarnya juga, tetapi saya kira peruntukan ini perlu dikekalkan oleh kerana kalaulah sesuatu itu sudah dibuat keputusan kemudian didapati salah seorang anggota Suruhanjaya disabitkan kesalahan ataupun seumpamanya, menyebabkan keputusan asal tidak sah, ini boleh menimbulkan banyak kerumitan kepada mercka yang memohon dan yang terlibat di dalam perdagangan sekuriti. Kita juga mesti memberi coverage, melindungi kepentingan pihak-pihak peniaga, kalau tidak segala keputusan akan menjadi berkecamuk dan akan memakan masa yang lama pula untuk menyemak balik keputusan-keputusan yang dibuat sebelum ini. Oleh itu saya tidak bersetuju dengan pandangan ataupun saranan wakil dari Kelang supaya peruntukan 13(5) itu dikaji semula, sebab saya percaya peruntukan-peruntukan lain sudah cukup untuk melindungi kepentingan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan levi, di sini Menteri boleh mengenakan levi. Tadi Yang Berhormat dari Klang ada menyebutkan bahawa Kerajaan sudahpun mendapat duti stem. Saya juga bersetuju. Pihak pemohon dalam perdagangan sekuriti selalunya terpaksa juga membayar brokerage fee kepada syarikat sekuriti pada merger bank yang mengendalikan penyenaian saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, kalau dua kali kenabayar, stem duti

kena bayar dan brokerage fee pun kena bayar maka apakah perlu lagi syarikat-syarikat yang terlibat itu perlu membayar levi lagi. Cuma mungkin, secara dalam, saya fikir ada juga wajarnya sebab perniagaan sekuriti ini begitu lumayan, begitu menguntungkan dan Kerajaan mesti mencukaikan supaya cukai itu dapat dipergunakan untuk pembangunan negara, seperti sesuatu penyenaiaan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tidak semua syarikat boleh memberi saham kepada semua rakyat, tidak mungkin, sebab ianya terhad. Jadi bagaimana nikmat untuk rakyat lain yang tidak dapat sesuatu kesempatan saham apabila disenaraikan satu syarikat demi satu syarikat termasuk syarikat-syarikat private company - tidak mungkin semua rakyat. Caranya ialah mengenakan cukai, membayar levi sebab syarikat-syarikat ini untung besar. Contohnya, kalau mula-mulanya premium \$2 misalnya, selepas penyenaiaan dapat \$5 - \$3 satu saham untung. Kalau 20% daripada jumlah itu, berapa banyak dapat untung? Takkan tidak boleh bayar levi kepada Kerajaan. Levi itu adalah untuk pembangunan negara di mana faedahnya adalah kepada rakyat. Kalau difikir tentang itu, maka saya menyokong supaya dikenakan levi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai levi ini. Tadi Yang Berhormat bercakap fasal saham naik maka kita kena bayar levi kepada Suruhanjaya. Bagaimana kalau saham jatuh? Adakah Yang Berhormat hendak bercadang supaya Suruhanjaya membayar kepada kita balik? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat dari Arau, berniaga ni macam ini. Yang Berhormat adalah Pengerusi Ahli Perniagaan Perlis. Beliau kalah dalam pemilihan kali ini kerana silap tektak, kalau tidak dia menang.

Tuan Yang di-Pertua, betul persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Arau tadi, tetapi saya punya pandangan begini. Selalunya selepas penyenaiaan, kebanyakan syarikat itu untung, tidak semestinya, tetapi saya setuju ada juga premium \$2 tiba-tiba bila disenaraikan turun ke \$1.50, tetapi kebanyakannya, umumnya banyak buat untung. Very rare rugi. Tetapi sebelum ianya disenaraikan kita lihat mereka terpaksa menghadapi beberapa prosedur. Syarikat itu mesti untung dalam beberapa tahun, perniagaannya mesti menjamin keuntungan, semua sudah ada. Maknanya, kalau rugi mesti syarikat itu membuat spekulasi, tidak hendak bayar untung kepada ahli-ahli saham, mungkin. Sebab sebelum disenaraikan macam-macam syarat dia kena patuh. Betul atau tidak? Kecualilah berlaku malapetaka yang di luar dugaan kita. Itu lain. Tetapi peratus untuk rugi dalam syarikat public company ini kurang. Sebab itu kita katakan perlu bayar levi. Tetapi ada juga yang rugi. Kalau rugi itu, terpaksa tanggung sendiri. Berniaga, takkanlah rugi hendak suruh Kerajaan bayar. Berniaga ini ada risiko, you yet big money but sometimes you have to lose some money. Itu apa yang orang berniaga kata. Takkanlah hendak jamin sepanjangnya dia untung. Kalau rugi Kerajaan hendak kena bayar. Kalau Kerajaan buat macam itu saya rasa tidak ada Kerajaan dalam dunia. Tak ada Kerajaan dalam dunia boleh buat begitu. There are times that mereka kena tanggung sedikit risiko. Tetapi saya percaya dalam bentuk perdagangan sekuriti, kalau mereka ini betul-betul cekap dan mematuhi segala syarat sebelum disenaraikan, jarang boleh jadi rugi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan. Saya tidak sempat bercakap sebentar lagi. Mungkin Yang Berhormat boleh bertanya kepada Menteri Kewangan. Yang Berhormat sebut fasal untung tadi oleh kerana saham naik. Tetapi Yang Berhormat kena ingat di antara objektif utama Suruhanjaya ini ialah untuk melindungi pelabur-pelabur kecil. Walaupun saham naik dalam pasaran market yang ada sekarang, kadang-kadang saham naik tinggi manapun, kalau tiada orang beli maka ia tidak bermakna. Ada banyak saham-saham yang telah ditawarkan oleh MITI tetapi tidak ada pembeli. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat, sebab ini melindungi pelabur-pelabur kecil yang tidak boleh ditolak saham mereka. Saham yang 1 lot 2 lot ini tidak boleh ditolak. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, bagaimana kedudukan Suruhanjaya ini untuk melindungi pelabur-pelabur kecil tadi. Kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab, adakah Yang Berhormat hendak tanya kepada Menteri Kewangan. Kalau sekiranya pelabur-pelabur kecil ini tidak dapat membuat sesuatu untuk menjual saham-sahamnya seperti Yang Berhormat katakan naik tadi, oleh kerana tiada pembeli, apakah peranan Suruhanjaya? Adakah dia hendak paksa supaya dijual balik kepada syarikat yang berkenaan, atau bagaimana cara? Sebab Yang Berhormat tadi minta supaya levi ini dimasukkan. Saya kalau hendak bercakap fasal levi, saya hendak bercakap cara lain sedikit.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, oleh kerana itu merupakan persoalan yang agak khusus, jadi saya hendak serahkanlah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab kepada reaksi soalan tersebut, walaupun saya masih lagi mempertahankan pandangan saya bahawasanya wajar dikenakan levi sebab risiko yang mereka alami dalam syarikat-

syarikat yang hendak dijadikan syarikat awam tidaklah begitu tinggi dan kebanyakannya membuat untung.

Tuan Yang di-Pertua, buat rumusannya, saya ingin merujuk kepada kenyataan President of the Federation of Public Listed Companies, iaitu pertubuhan syarikat-syarikat awam - Tengku Naquiddin ibni Tuanku Jaafar dalam *Straits Times*, kalau tidak silap saya, iaitu di waktu seminar on Security Exchange Commission yang mengatakan bahawa apabila Suruhanjaya Sekuriti ini dibentuk dan ditubuh nanti, ianya benar-benar perlukan kebebasan, should be independent. Disebut di sini, secara khusus, dia kata sama ada Suruhanjaya Sekuriti (SEC) ini merupakan satu watch-dog ataupun satu Suruhanjaya yang akan menentukan pengaliran perdagangan sekuriti dengan lebih lancar dan lebih bebas. Yang mana satu? Saya berpendapat SEC ini mesti berfungsi kedua-dua sekali. Saya percaya dari segi peruntukan Akta ini ia menunjukkan bahawasanya Suruhanjaya bebas dari segi kerja-kerjanya dan pada masa yang sama tentulah mesti dikawal oleh Kerajaan. Sebab kalau berlaku apa-apa tentu Kerajaan akan tubuhkan. Sebagai contoh, berlaku apa-apa yang tidak kena mengena dengan Kerajaan pun, kalau parti Pembangkang dia kata, "Ah! Kerajaan bertanggungjawab". Jadi, hendak tidak hendak Kerajaan mesti bertanggungjawab. Sebab apa yang berlaku dalam negara ini mestilah tanggungjawab Kerajaan. Jadi, ertinya ianya juga mesti watch-dog kepada perjalanan perdagangan sekuriti dan juga kontrak hadapan, mesti. Jadi, fungsinya mesti kedua-duanya sekali - watch-dog dan juga untuk tujuan dari segi melicinkan perjalanan perdagangan sekuriti. Jadi, sebab itu saya percaya hasil rumusan seminar tersebut mengenai dengan SEC ini dan hasrat pihak pertubuhan ini saya rasa sudahpun tertunai sebagaimana yang terbentang dalam Akta Sekuriti 1992 ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan. Saya turut menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri.

4.31 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti walaupun saya ini bukan seorang ahli perniagaan yang faham tentang Sekuriti. Tengok Warta Berita pun, turun naik saham Indeks Nikkei, Indeks Hang Seng, yang saya tahu hanyalah 'Nikkie'. "Nakhaie" yang saya tahu, Indeks Nikkei daripada Jepun, saya tidak tahu. Nakhaie kita tahu, bila bursa saham tinggi, dia masuk PAS, bila bursa saham rendah, dia masuk UMNO—tinggi dia masuk PAS. *(Ketawa)* Dahulu Yang Berhormat dari Pasir Mas menggelar dia "Nakasone".

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun sebagai seorang rakyat yang tidak terlibat cergas dalam perniagaan, tetapi melihat perkembangan-perkembangan Bursa Saham, perkembangan-perkembangan saham di Malaysia sekarang ini amat menakjubkan sehingga pihak Menteri Kewangan tadi telah mengatakan iaitu modal pusingan dalam Bursa Saham sekarang berjumlah \$9 bilion, dan juga tujuan Suruhanjaya ini adalah untuk menyekat manipulasi pelabur yang tamak haloba, menyekat perkara-perkara yang berlaku sumbang yang dihebohkan baru-baru ini, soal 'insider trading' dan juga ke arah mengawal pemindahan dana keuntungan yang akan dikeluarkan dari Malaysia ke luar negeri.

Menteri Kewangan telah berucap dengan begitu baik, dan setelah menjadi Menteri Kewangan, alhamdulillah beliau begitu faham hal kewangan, walaupun sebelum ini saya anggap

dalam hal-hal kewangan, Menteri Kewangan dengan saya agak serupa sahaja. Tetapi oleh kerana barangkali beliau mempunyai pegawai-pegawai yang cukup, maka beliau cepat memahami hal saham dan Bursa Saham dibandingkan dengan kita yang tidak mempunyai pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang terlibat dalam pembelian saham, ini bukan orang yang berniaga besar, selalunya mereka tertipu. Misalnya satu-satu saham itu yang didaftarkan syarikat dengan \$2.00, kemudian difloatkan syarikat itu di akhbar, di iklan-iklan sehingga menarik orang ramai untuk membeli. Kemudian setelah orang membeli saham, syarikat itu mendapat cash yang segera, lalu syarikat itu ditutupkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Ada contohkah satu syarikat yang hanya saham atau paid-up capitalnya \$2.00 telah dibenarkan untuk disenaraikan oleh FIC dan CIC? Saya nampaknya satu tohmah sahaja.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tidak ingat nama syarikat itu, saya hendak notis. *(Ketawa)* Saya akan beri kemudian. Macam saya Menteri pula, dia minta begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun lagi?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nantilah pegawai-pegawai saya akan sediakan, saya akan berikan kemudian. *(Ketawa)*

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan? Rompin bangun lagi.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Kalau Yang Berhormat dari Nilam Puri tidak ingat, saya ingin memberikan satu cadangan. Adakah kemungkinan Pemuda PAS akan menubuhkan satu syarikat berupa \$2.00 dan akan dikemukakan untuk disenaraikan tidak lama lagi di BSKL?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tetapi kalau Menteri boleh minta notis, saya tidak boleh minta notis, bagaimana? Saya tidak ada pegawai, Menteri boleh, bagi dia nanti surat datang kiri-kanan dari pegawai di belakang sana. Sikap adillah. (*Ketawa*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Menteri bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Mungkin lah kalau perkara-perkara yang detail kita tengkulah nota. Tetapi perkara yang basic macam Nilam Puri bercakap memalukan sedikitlah. Sebenarnya syarikat yang ada paid-up capital \$2.00, dia tidak akan memenuhi apa-apa syarat untuk dipertimbangkan sekali pun, kalau dia faham sedikit, tidak payah tunggu pegawai, yang ini perkara darjah rendah, sekolah rendah sahaja. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tahu Menteri Kewangan pun ahli ekonomi ini. Tetapi macam saya kata tadilah saya hendak segera, tidak ada pegawai di belakang, habis sudah balik. Tetapi selalunya berlaku syarikat-syarikat yang difloatkan namanya, kemudian orang membeli saham-sahamnya, kemudian selepas itu syarikat itu rugi ditutup dan sebagainya. Kalau saya tidak terlibat, kawan-kawan saya terlibat membeli saham seperti ini.

Kadangkalanya dalam masa 3 bulan, saham yang dibeli tadi turun lebih daripada separuh dan mengalami kerugian, dan orang-orang yang membeli saham seperti ini ialah orang yang layman, yang tidak ada information terlebih dahulu saham apa yang untung-orang-orang biasa ini. Misalnya, Yang Berhormat dari Arau barangkali dia mengetahui saham apa yang untung, saham apa yang patut dibeli. Tetapi kalau orang seperti kami, kalau hendak beli saham, kami tidak tahu saham apa yang boleh menguntungkan dan tidak diberi 'hint' terlebih dahulu.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun lagi.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Nilam Puri, adakah Yang Berhormat sedar kalau satu syarikat itu telah dibenar disenaraikan dalam KLSE, maka dalam prospektusnya ada data-data yang memberikan keuntungan atau jangka keuntungan untuk 5 tahun yang akan datang. Berasaskan kepada ini pihak pelabur boleh memilih sama ada untuk melabur atau tidak bukan berasas kepada khabar angin. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, kalau kita lihat dalam prospektus itu, memang selalunya dipaparkan yang baik, tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Memanglah kalau orang hendak berniaga hendak menarik pembeli-pembeli saham, dia akan memaparkan satu perniagaannya yang yakin akan keuntungan, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kita lihat

misalnya saham-saham yang dikatakan pesti untung seperti TEN dan STMB, saham-saham syarikat seperti ini orang-orang biasa susah hendak memperolehinya, tetapi orang-orang biasa macam kami senang memperolehi saham-saham yang tidak terkenal.

Setelah Suruhanjaya Sekuriti ini ditubuhkan, insya Allah, pada masa depan kita tidak akan dengar lagi penipuan-penipuan yang akan berlaku kepada pembeli-pembeli terutama sekali rakyat biasa ataupun orang biasa. Cuma Suruhanjaya ini berada di bawah Menteri, sudah tentu Menteri Kewangan. Bila Menteri, sudah tentu dia orang politik. Saya bersetuju dengan sahabat saya dari Pasir Mas, bila orang politik, kepentingan-kepentingan politik tentu ada. Tidak apalah Menteri Kewangan sekarang ini seorang yang baik. Tetapi Menteri ini boleh bertukar bila-bila masa berlaku rombakan Kabinet, maka waktu itu kita bimbang Suruhanjaya ini mengikut selera Menteri yang menjadi Menteri Kewangan ketika itu. Dan pandangan yang diberi oleh Pasir Mas tadi, memang saya boleh bersetuju, iaitu kepentingan-kepentingan tertentu, orang-orang tertentu akan diambil kira ataupun dibela di bawah Suruhanjaya ini. Dan kita harap perkara ini dapat diminimisekan, dapat dihindarkan kalau boleh. Sebab itulah perlantikan dalam Suruhanjaya ini terutama dalam melantik 4 orang yang lain itu, kalau boleh, apa salahnya lantik juga orang daripada parti Pembangkang dan daripada PAS pun tidak salah. Macam saya kata tadi, saya barangkali tidak faham benar hal-hal Sekuriti ini, tetapi orang menipu lebih kurang kita tahu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat saudara saya ini berminat sangat hendak duduk dalam Jawatan-kuasa yang di antara 4 orang itu, adakah Yang Berhormat dari pihak PAS telah

membuat fatwa mengenai hukum-hukum bermain saham sebagaimana yang kita jalankan sekarang? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Belum lagi. (*Ketawa*) Dan ini bukan kata kita lantik daripada Pembangkang siapa pun dan sama ada pihak parti kami bersetuju atau tidak akan sampai mereka akan buat sikap, yang pentingnya kalau kita hendak jadi watchdog hendak menjaga supaya tidak berlaku penyelewengan, lantik daripada pelbagai golongan di mana undang-undang dalam Suruhanjaya ini memberi kelonggaran, gunakan bahagian (c) itu untuk menghindar ataupun untuk menyekat penyelewengan yang mungkin berlaku.

Balik kepada hal saham tadi, kita lihat saham-saham yang mendapat sambutan ialah saham-saham yang difloatkan, yang diapungkan di tengah-tengah masyarakat, sedangkan kadangkalanya ia tidak kuat sangat, sebaliknya saham-saham bank yang kedudukannya kukuh tetapi ia tidak ditaja begitu hebat, tidak buat road show untuk memperkenalkan saham itu kadangkalanya tidak mendapat minat daripada orang ramai. Misalnya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), kita lihat saham-sahamnya itu, walaupun mendapat sambutan tetapi tidak segera kerana ia tidak terlibat dalam membuat satu float, satu apungan yang boleh mengejutkan orang ramai. Tetapi sebaliknya saham UEM misalnya, dia mendapat sambutan begitu hebat di peringkat ianya ditubuhkan, mendapat kontrak-kontrak besar dan sekarang saham itu setelah diapungkan, mula mengalami kerugian, sehingga sekarang ini pihak UEM mengumumkan mereka kekurangan \$3 billion (\$3,000 juta) untuk meneruskan projek-projek yang telah diserahkan kepada mereka oleh Kerajaan. Ini satu spekulasi yang berbahaya. Itu Pasir Mas, tidak erti pun erti juga. Jadi, sekarang ini UEM

mengakui kekurangan \$3 billion. Dan pemegang-pemegang sahamnya sedang menggigit jari kerana telah berlaku kerugian. Apakah kerana ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, bahawa apakah beliau sedar kenyataan yang dibuat tadi bahawa UEM rugi ataupun UEM perlukan modal \$3,000 juta. Ini yang disebut oleh Ahli Parlimen dari Rompin dan Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini, dia bercakap sedap tetapi fakta itu banyak yang tidak betul, ini yang haru biru.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Pasir Mas itupun bukannya betul sangat. (Ketawa) Tambah kalau macam ini, kalau dia pegang pasaran saham, orang tidak boleh percaya, sebab orang hendak tunggu pilihanraya yang akan datang dia hendak pindah parti mana. (Ketawa) Macam ini jangan lantiklah, Yang Berhormat. Lantik saya lebih kukuh pasaran saham itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, dia bangun lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Apakah tindakan-tindakan penyelesaian yang dibuat di dalam konteks sekuriti dia boleh menaikkan saham, sebab itu merupakan satu spekulasi yang tidak dapat dijangka.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Orang tidak berani melabur.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sekarang ini UEM mengalami kekurangan modal, tidak cukup wang untuk menjalankan projek-projek dan apakah UEM ini juga menghadapi apa yang dipanggil red tape ataupun terpaksa bayar kepada parti-parti politik tertentu sehingga menyebabkan mereka berlaku kekurangan modal. Misalnya lebuhraya itu kalau hendak melintasi Kedah, parti pemerintah di Kedah minta sebahagian wang kepada mereka ataupun hendak melintasi Selangor, parti politik pemerintah Negeri Selangor pula meminta sebahagian wang. Maka mereka terpaksa memperuntukkan wang mereka kepada parti-parti politik tertentu, UMNO, maka dengan itu mereka terpaksa menghadapi, terpaksa membayar red tape yang cukup banyak sehingga mereka mencadangkan, UEM mencadangkan supaya menaikkan kadar tol 50% pada masa akan datang. Ertinya projek penswastan lebuhraya ini yang menjanjikan untuk membawa satu keselesaan kepada penumpang dengan cadangan PLUS untuk meminta 50% kenaikan tol ini, maka kita lihat ia akan lebih membebankan kepada rakyat itu sendiri.

Kita lihat pula Syarikat TEN yang kita lihat keuntungannya cukup hebat, walaupun berlaku letupan empat hari terpadam dan sebagainya, sahamnya tidak berapa jatuh kerana TEN berniaga api, berniaga elektrik iaitu satu perniagaan yang pasti untung. Dan sekarang pula akan diswastakan pula generating plant iaitu tempat kilang-kilang untuk membuat api, tempat mengeluarkan elektrik akan diswastakan. Syarikat-syarikat besar sudah pasti akan masuk tender termasuk Syarikat Yeoh Teong Lay dan lain-lain lagi, Syarikat YTL yang cukup terkenal.

**Beberapa Ahli:** Menyampuk.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yeoh Teong Laykah, Yeoh Teong Laikah, saya tidak kenal rapat. (*Ketawa*) Syarikat YTL ini akan meminta belum tentu dapat, dan kita bimbang disudut keselamatan negara penswastaaan-penswastaaan seperti ini sampai ke peringkat tempat mengeluarkan elektrik di swastakan, walaupun di sudut saham yang menguntungkan tetapi kita bimbang di sudut keselamatan negara ia akan membawa satu malapetaka pada masa yang akan datang.

Dan untuk mengawal penyelewengan yang kita lihat begitu banyak berlaku mutakhir ini . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, mengenai dengan kenyataan tadi yang UEM rugi \$3,000 juta. Ini kenyataan yang sangat merbahaya, sebab kalau ucapan Yang Berhormat ini dipetik oleh akhbar, dia boleh menimbulkan spekulasi kepada pemegang-pemegang saham manakala itu tidak betul, yang diperlukan oleh UEM ialah \$3,000 juta. Ini kalau tidak bertanggungjawab kacau juga. Sebab itu saya minta Yang Berhormat tarik balik tuduhan itu. Kalau tidak ianya direkodkan dalam *Hansard* dan Yang Berhormat bertanggungjawab.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya telah sebut tadi. Yang Berhormat tidak dengar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat tidak sebut, mana dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak minta penjelasankah?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya minta dia tarik balik tuduhan yang mengatakan rugi \$3,000 juta. Tidak berapa jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini point of order.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak boleh. Saya telah sebut tadi, kekurangan modal sekarang \$3,000 juta.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tadi sebut rugi \$3,000 juta.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak dengar, ini yang payah, telinga kiri BERJASA, telinga kanan UMNO, dia tidak dengar. (*Ketawa*)

Jadi, kita mahu tidak mahu . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, mana ada syarikat di Malaysia atau dalam dunia ini yang kalau hendak mulakan apa-apa projek yang berbentuk \$3 billion atau \$4 billion, yang kata dia ada modal sendiri. Yang Berhormat namakan termasuk mana-mana syarikat yang ditaja, kalau Yang Berhormat kata tadi, yang ditaja oleh parti ini dan sebagainya, mana ada syarikat yang menyebutkan mereka mempunyai modal sebanyak itu. Ini bukan kekurangan modal, mereka perlukan tambahan wang untuk memulakan projek berkenaan. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, mana ada syarikat dalam dunia ini, Yang Berhormat ingat yang menggunakan wang sendiri untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. Sebutkan kepada saya, kalau ada satu, kita ambil contoh syarikat itu yang paling baik, kalau tidak ada saya ingat kenyataan Yang Berhormat tidak boleh

dibuat kerana dalam bentuk mana-mana syarikat hendak memulakan satu-satu projek, saya ingat tidak ada syarikat yang memulakan dengan modal sendiri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya orang yang faham berniaga dia cuba corner kita. Ini orang yang terlibat dalam berniaga, mereka tentu erti yang mana syarikat modal besar yang mana satu syarikat modal tidak besar. Saya ambil tadi macam TEN. TEN ini siapa pun percaya, di sudut kekukuhan harta dia, ekonomi dia, perniagaan dia, masa depan dia.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Nilam Puri. Yang Berhormat kata Yang Berhormat bukan orang berniaga. Yang Berhormat adalah orang berniaga sebab Yang Berhormat pindah kawasan daripada Permatang Pauh pergi ke Nilam Puri dan hendak menang, itupun berniaga juga. Serupa juga dengan tukar parti.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Itu sebab saya sayang dengan Menteri Kewangan. Saya sayang kepada Menteri Kewangan, bekas Ketua saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kacau banyak sangat, orang berniaga kacau orang politik. Dan juga kita lihat pula Suruhanjaya ini nanti bila ditubuhkan insider trading ini kita tidak akan dengar lagi. Insya Allah. Kalau dengar pun, mereka yang bertanggungjawab dalam Suruhanjaya ini akan membanters habis-habisan. Sebab orang dalam ini selalunya yang lepaskan, kerana dia dapat tahu, misalnya syarikat ini akan dapat projek berjumlah \$2 ribu juta, kalau orang yang terlibat dalam Suruhanjaya ini tahu dan dia mem-

beritahu kepada kawan-kawan dia supaya beli saham syarikat ini, walaupun harganya sekarang \$1.80, tetapi jangan bimbang nanti dia akan dapat projek \$2 ribu juta. Menteri ini kita sudah dengar dia bersetuju untuk beri projek ini. Dan kalau ini berlaku, maka orang yang dibisikkan oleh orang-orang tertentu ini menyebabkan mereka sanggup, termasuk meminjam bank dan sebagainya untuk membeli saham daripada syarikat yang diketahui akan mendapat satu projek yang besar. Ini Pasir Mas pun setuju. Bila ini berlaku maka saham itu akan naik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat daripada Nilam Puri ini yang bercakap membahaskan Rang Undang-undang ini. Dia dok cakap fasal insider trading, itu semua kita tahu. Dulu pun kita sudah bercakap, bukan kita tak tahu, tak perlu dia hendak beri lecture ini. Berikan cadangan macam mana dan apakah Rang Undang-undang ini sudah cukup atau tidak. Ini yang dok merapu, apa fasal?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat tadi merapu sampai ke Kelantan atau apa semua itu, dia tidak sedar. (*Ketawa*) Kita bercakap hal itulah ini. Ini hal Akta, hal Suruhanjaya. Sendiri merapu tidak tahu. Ini payahlah.

**Tuan Yang di-Pertua,** jadi insider trading ini kita kena jaga sungguh ataupun memberi maklumat awal mengenai syarikat-syarikat tertentu yang akan mendapat projek tertentu. Ini kena jaga benar walaupun kita tahu hendak kontrol 100% memanglah susah, tetapi sekurang-kurangnya diminimumkan perkara-perkara seperti ini, insya Allah rakyat Malaysia yang ingin terlibat dalam membeli saham akan terjamin keadilan kepada mereka sama.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, satu faktor yang paling penting dalam Suruhanjaya ini ialah sikap amanah, sebab itulah kita dalam membuat satu Rang Undang-undang ataupun sesuatu Suruhanjaya selalu berlaku penyelewengan. Mahu tidak mahu kita kena ambil contoh negara-negara yang lain seperti Siagapura, sementara mereka untuk mencapai tahap seperti sekarang perkara yang dibentuk terlebih awal oleh Kerajaan mereka ialah soal akhlak, soal amanah, soal disiplin seperti yang disebut oleh Pasir Mas tadi. Kalau perkara ini kita abaikan, kita buatlah Suruhanjaya apa pun, akhirnya ia membawa penyelewengan yang berturut-turut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat daripada Nilam Puri meminta kita mengambil contoh daripada Singapura. Kenapa Yang Berhormat tidak menyebut supaya Kerajaan Pusat mencontohi Kerajaan Kelantan, kenapa pandang Singapura kerana Singapura itu bukan Kerajaan Islam, yang Kerajaan Islamnya Kelantan. Apakah Yang Berhormat hendak melindungi sikap Kerajaan Kelantan yang menolak cadangan penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk membuat siasatan aduan oleh rakyat. Apakah sikap Yang Berhormat mengenai dengan cadangan itu dan kalau Menteri Besar Kelantan tidak bersetuju, adakah Yang Berhormat bersetuju mendesak supaya Menteri Besar Kelantan meletak jawatan? Dari segi pendirian perjuangan Yang Berhormat supaya konsisten.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kelantan di bawah Malaysia. Sebarang undang-undang yang dibuat di Malaysia meliputi Kelantan. Sebab itu kadang-kadang Kelantan hendak buat itu, hendak buat ini tetapi kita ada cadangan dan sedang di peringkat rangka untuk membuat Suruhanjaya yang dipanggil "Hisbah", di peringkat negeri. Ini yang kita hendak laksanakan. Tetapi Yang Berhormat Pasir Mas ini dia banyak

ketinggalan mengenai hal Kelantan. Kita hendak membuat Suruhanjaya yang dipanggil "Hisbah". "Hisbah" ini ialah satu jawatankuasa semacam juga Suruhanjaya bebas untuk menyiasat mana-mana penyelewengan dan Suruhanjaya "Hisbah" ini bila siap nanti dia akan menjalankan tugas. Sebelum Suruhanjaya "Hisbah" ada, kita ada BPR, tambah pula Kerajaan Kelantan ialah Kerajaan Pembangkang. Kalau ada penyelewengan, tiada siapa yang hendak lindung. Maka siasatlah. Tetapi sampai sekarang sudah dua tahun, satupun BPR tidak dakwa, tidak tangkap mana-mana Pegawai Kerajaan yang menyeleweng di Kelantan. Sebab kami bukan ada lindungan apa-apa. Jadi, kalau Pasir Mas hendak balik semula payah kita hendak terima, macam itulah perangai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas bangun lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bukan soal tidak ada tindakan ataupun BPR tidak siasat, cuma BPR mengambil sikap yang berhati-hati supaya ada bukti. Tetapi kalau Kerajaan PAS Kelantan, iaitu Kerajaan Yang Berhormat betul-betul berfungsi sebagai sebuah Kerajaan Islam yang dilaungkan selama ini, dedah sendiri. Bukan kita tidak tahu apa yang berlaku di Kelantan. Cuma kita bukan buat tuduhan seperti sesetengah pihak. Belum ada bukti sudah buat tuduhan, itu bezanya. Dan kalau hendak suruh saya masuk balik, taubat saya tidak masuk balik dah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita pun tak pelawa. Sekupang pun tidak mahu. Buat semak sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat teruskan, balik kepada tajuk.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kalau "Jempul" hendak masuk, boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa Kelantan terdedah kepada

penyiasatan BPR dan untuk "Hisbah", kita akan laksanakan dengan segera dan untuk pelaksanaan syariat Islam, insya Allah bulan November ini akan dibentangkan pindaan Perlembagaan di peringkat negeri-Angkatan memerintah baharu dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi pendidikan untuk melahirkan orang yang berwibawa ini, manusia yang civic minded tinggi ini lebih diperlukan daripada Suruhanjaya demi Suruhanjaya, undang-undang demi undang, kita nampak jenayah kolar putih yang dibentangkan oleh Tan Sri Haniff dalam seminar di Genting Highland. Tan Sri Haniff, Ketua Polis Negara menyatakan jenayah kolar putih di Malaysia berada di tahap yang paling membimbangkan. Perangkaannya saya tidak bawa hari ini, tetapi ia adalah jenayah yang dianggap antara yang tinggi di dalam negara-negara membangun. Sebab itulah Suruhanjaya ini, tambahan pula bukan Suruhanjaya Diraja, Suruhanjaya di bawah Menteri, saya ragu terhadap keberkesanan undang-undang yang dicatatkan, tambahan pula di bawah Menteri, pegawai-pegawai dilantik oleh Menteri, sudah tentulah soal insider trading memberi maklumat awal tentang projek-projek yang didapati oleh syarikat pasti akan berlaku. Sebab itu saya ragu tentang perjalanan Suruhanjaya ini nanti. Undang-undang yang tercatat saya boleh setuju tetapi perjalanannya nanti, kerana Menteri orang politik, saya ragu dengan seraguganya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Batang Lupar.

4. 58ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terimakasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian dan Kerajaan kerana telah berjaya menyediakan undang-undang yang telah

lama ditubuhkan. Undang-undang ini dibuat memang tepat pada masanya di mana negeri kita sedang pesat membangun dan begitu juga perniagaan capital market kita dan sebagaimana yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya. Biarlah saya sebutkan iaitu Suruhanjaya Sekuriti ini mestilah dilantik daripada orang yang betul-betul boleh dipercayai, mempunyai ketegasan dan keberanian menjalankan tugasnya dan untuk mencapainya matlamat undang-undang yang telah kita bentangkan ini. Alhamdulillah, sekarang financial system, dengan izin, di negara kita ini juga mempunyai dua undang-undang penyelaras ataupun regular body, banking - Bank Negara dan Capital Market ialah Suruhanjaya Sekuriti ini. Oleh kerana itu berlakunya dua perkara ini yang dahulunya dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu yang lain. Jadi, dengan adanya Suruhanjaya Sekuriti yang kita buat dalam undang-undang ini nanti, ternyata sekali adalah encroachment of duties ataupun tanggungjawab daripada pihak Suruhanjaya Sekuriti kepada pihak yang telah dan beroperasi pada masa sekarang.

Dengan itu, adalah sangat perlu sekali agar penyelarasan boleh dibuat dan koordinasi yang rapi boleh dibuat supaya pihak-pihak yang berkenaan umpamanya, Capital Issued Committee (CIC), Registrar of Company (ROC), Foreign Investment Committee (FIC), Ministry of International Trade Industry (MITI) ataupun Current Action Committee dalam Pejabat Perdana Menteri tidak terasa mereka telah diketepikan.

Ini adalah sangat penting sekali walaupun dengan mengadakan undang-undang ini dengan tujuan yang begitu murni dan baik sekali tetapi ada juga orang yang merasa mereka sendiri selama ini telah menjadi tulang belakang untuk menjalankan tugas-tugas yang penting ini demi negara.

Jadi, dengan itu penyelarasan dan ubahsuaian dari pihak-pihak yang tertentu adalah penting terutama sekali Kementerian Kewangan sendiri. Tetapi sebelum itu biarlah saya mengucapkan tahniah sekali lagi terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu sebagai Menteri yang telah menjadi tulang belakang untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti ini Walaupun banyak bangkangan dari pihak-pihak yang tertentu yang mengatakan kita hendak menggunakan undang-undang yang telah lama digunakan di negara-negara maju yang mana negara-negara tersebut sudah mengadakan perundangan dan operasi mereka selama 100 tahun dan kita ini masih muda lagi. Bagaimanakah undang-undang yang begitu canggih dan moden boleh digunakan di negara kita yang muda dan baru cuba mencebur diri dalam keadaan capital market ini? Tetapi bagi saya, saya tidak merasa ragu-ragu lagi kerana kita telah menunjuk kepada dunia kemampuan kita bukan sahaja mengendalikan kewangan kita tetapi juga mengendalikan business dan fungsi-fungsi Kerajaan yang lain untuk menjadikan negara ini sebagai satu negara model kepada mana-mana negara di dunia ini. Jadi, dengan itu saya tidak berasa ragu-ragu lagi yang undang-undang ini sebagaimana yang dirangka dan apa yang dicadangkan pada hari ini adalah tepat dan baik sekali.

Ingin saya juga menyentuh beberapa perkara yang mana telah disentuh oleh pihak Yang Berhormat terdahulu daripada saya, terutama sekali berhubung dengan keanggotaan Suruhanjaya itu sendiri. Perkara yang penting ialah bukan siapa yang akan menjadi Pengerusinya dan siapa yang menganggotainya. Yang penting sekali ialah mereka yang dilantik nanti, mereka yang mempunyai satu pandangan bukan sahaja dari segi businessnya tetapi juga dari segi kewibawaannya, pembawaannya, keberaniannya menentukan perjalanan undang-undang ini di-

jalankan dengan teliti sebagaimana Bank Negara telah menjalankan tugas dan fungsi-fungsinya di atas mengendalikan financial system di negara ini.

Oleh kerana itu, dua badan yang akan wujud ini nanti menjalankan fungsi yang begitu penting sekali untuk kemajuan negara daripada segi ekonomi. Satu dari segi kewangan dan satu lagi dari segi capital marketnya. Jadi, dengan itu orang yang dilantik menduduki tempat ini memanglah orang yang bukan sahaja mempunyai track record yang begitu baik yang boleh dipercayai, berwibawa tetapi juga mempunyai pendirian peribadi yang bolehlah dikatakan above record.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab sebagai Suruhanjaya ini adalah sangat besar dan tinggi sekali kerana kita anggap tugas mereka nanti akan selaras dengan fungsi-fungsi yang telah dilakukan oleh pihak-pihak Kementerian untuk mengendalikan tugas-tugas dalam segi sekuriti. Dengan itu, pemilihan orang yang dilantik menjawat pekerjaan ini menjalankan tugas dan tanggungjawab ini adalah sangat penting sekali. Tetapi walau bagaimanapun, di dalam menjalankan tugas mereka sebagaimana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mengatakan tindakan-tindakan di bawah Fasal 13(5) iaitu, "Tiada tindakan atau providing Suruhanjaya atau Jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau Jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini."

Jadi, saya juga sependapat dengan Yang Berhormat rakan saya dari Pasir Mas, sepatutnya memang begitulah kehendak kita dan syarat-syarat yang ditetapkan dibawah Perenggan 5 ini janganlah dibubar ataupun ditarik balik oleh kerana adalah tepat umpamanya kalau orang menjadi anggota Suruhanjaya ini didapati selepas itu

sebagai seorang bankrap, adakah tindakan-tindakan yang sebelum itu dianggap sebagai tidak sah dan yang mana kalau melibat syer-syer yang telah terjual, syarikat-syarikat yang sudah disimpan di atas papan perniagaan, namun risikonya adalah banyak sekali, untuk mengendalinya adalah susah. Jadi, dengan keadaan itu adalah amat tepat sekali jadi sub-seksyen ini diadakan untuk menyelamatkan keadaan.

**Tuan Kerk Kim Hock** (Pasir Pinji):  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, adalah Ahli Yang Berhormat bangun. Pasir Pinji.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Setiausaha, tolong bilang. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira: Lebih 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 31 orang. Cukup kuorum. Yang Berhormat Batang Lupar, sila sambung.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ingin juga saya menyentuh soalan levi. Soalan levi ini juga saya pandang sebagai yang patut. Patut oleh kerana kalau kita pandang soalan levi itu sendiri memanglah apa gunanya wang diberikan kepada Suruhanjaya ini. Tetapi kita terlupa yang Suruhanjaya ini juga menjalankan satu fungsi-fungsi yang tertentu, tentu kita boleh melihat di bawah seksyen-seksyen yang tertentu umpamanya Seksyen 26, fungsi-fungsi yang tertentu mungkin berkehendakan sumberkeuangan. Begitu juga kalau kita

lihat ke belakang; kita lihat dalam Fasal 41 berkenaan dengan kuasa penggunaan-penggunaan perkhidmatan.

Dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki itu, maka pihak suruhanjaya memang sepatutnyalah diberi peruntukan kewangan. Jadi dengan adanya levi-levi yang dikenakan kepada pihak-pihak yang tertentu itu nanti, tidaklah Suruhanjaya ini mengalami satu masalah kewangan untuk menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka yang begitu berat dan penting kepada negara ini. Jadi, dengan itu juga sebagai tepisan saya tidak bersetuju dengan apa yang telah disebut dahulu daripada saya tadi mengatakan levi ini tak payah dikenakan. Jadi, di sini saya menyokong soal levi ini dikenakan dengan yang telah ataupun akan ditetapkan oleh pihak Kementerian dengan berpatutan dan tidak menjadi satu bebanan yang begitu sangat kepada pihak-pihak syarikat ataupun pelabur-pelabur dan pembeli-pembeli saham yang berkenaan di bawah Undang-undang ini.

Saya ingin juga menyentuh soal penyiasatan. Kuasa penyiasatan serta tugas dan tanggungjawab mereka ditetapkan di bawah Undang-undang ini. Kuasa ini amatlah berat memandangkan kuasa yang diberi kepada mereka ini tak ubah kuasa yang telah diberi kepada pegawai-pegawai dalam Badan Pencegah Rasuah, kepada pihak-pihak polis yang berkuasa membuat penyelidikan, berkuasa memanggil mana-mana pegawai ataupun pegawai-pegawai syarikat, mana-mana orang yang terlibat ataupun disangsi terlibat ataupun memecah rumah untuk mendapatapa-apa dokumen ataupun apa benda sekalipun di bawah Undang-undang ini. Jadi, dengan keadaan yang demikian, pegawai yang bakal dilantik ataupun hendak dilantik menjadi pegawai penyiasatan di bawah Undang-undang ini mestilah kalau dapat mempunyai kelulusan asas yang baik.

Selepas itu diberi latihan-latihan yang tertentu bukan sahaja daripada segi pengendalian dan berlatarbelakangkan capital market ataupun business, tetapi juga berlatarbelakangkan perundangan-perundangan lain kerana kuasa mereka bukan sahaja dipandang dalam segi undang-undang ini, tetapi juga melibatkan undang-undang lain oleh kerana pergerakan mereka adalah di khalayak ramai dengan orang ramai supaya tindakan mereka itu nanti menjejaskan imej Kerajaan dan Kementerian.

Jadi dengan itu saya cadangkan supaya sebelum undang-undang ini diluluskan menerusi dua Dewan dan seterusnya menjadi undang-undang negara, pihak Kerajaan hendaklah menyediakan, menyenaraikan nama-nama yang tertentu, memberi latihan-latihan yang tertentu kepada pegawai-pegawai yang akan ataupun bakal dilantik menjadi pegawai penyiasat di bawah undang-undang ini nanti. Kerana merekalah menjadi orang hadapan membuatkan imej yang tertentu yang boleh menunjukkan kepada pihak-pihak lain yang mereka boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Tugas dan tanggungjawab ini telah dipertanggungjawabkan kepada pihak Suruhanjaya di bawah undang-undang ini kerana walaupun kita di dalam Dewan ini telah dengan kata sepakat pada prinsipnya menyokong undang-undang ini.

Dengan itu saya juga mengucapkan tahniah walaupun kepada pihak Ahli DAP tadi yang menyokong undang-undang ini. Ini menunjukkan undang-undang ini bukan sahaja telah diterima sebagai undang-undang yang patut dan wajar diadakan pada ketika ini, tetapi di pihak Pembangkang yang tidak pernah menerima apa benda yang baik sekalipun, dengan adanya undang-undang ini juga telah menerimanya dengan baik. Saya ucapkan tahniahlah.

Jadi, sebelum saya mengundur diri, inginlah saya menyebutkan sekali lagi, undang-undang ini akan, bukan sahaja boleh membuat satu penyelarasan, ataupun jadi satu perundangan sebagai regulatory di dalam soal capital market di negara ini, tetapi juga dengan harapan boleh memberi satu kepercayaan kepada syarikat-syarikat besar luar negara sebagaimana kita telah dengar dalam sehari dua ini yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berada di negeri Jepun telah menyeru pihak syarikat Jepun untuk terlibat dalam capital market di negara ini. Jadi, dengan adanya undang-undang ini nanti mungkin pihak Jepun tertarik dengan keselamatan yang telah disediakan di samping yang ada pada mereka untuk melabur di negara ini. Dengan ini juga saya menyokong undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau.

5.17 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan ingin membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992.

Yang pertama sekali saya menyokong. Yang keduanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan juga kepada Menteri Kewangan kerana hari ini akan mencatatkan sejarah di mana sehingga ke saat ini dalam Dewan yang mulia ini yang dimulakan oleh DAP, kemudian Barisan Nasional dan juga wakil PAS, tidak ada seorang pun yang tidak menyokong Rang Undang-undang ini. Ini satu kejayaan yang sangat kita terima bersama dan kita lihat bahawa semua pihak menganggap betapa pentingnya Suruhanjaya Sekuriti ini.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengukuhkan ekonomi sesebuah negara, kita perlukan dua pengawal yang penting. Yang pertama, pengawal pasaran kewangan; dan yang keduanya pengawal pasaran modal. Untuk pasaran kewangan, kita ada Bank Negara. Dan Bank Negara sekarang sebelum Suruhanjaya Sekuriti ini dia membantu bersama untuk mengawal pasaran modal yang saya percaya Bank Negara sudah sampai masanya untuk mengurangkan kuasa yang ada pada mereka untuk pasaran kewangan tetapi diserahkan terus kepada pasaran modal yang akan dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Saya minta supaya Bank Negara mengukuhkan kedudukan mereka untuk memastikan supaya bank-bank perdagangan mendengar cakap mereka dan juga arahan mereka terutamanya berhubung dengan arahan-arahan Menteri, terutamanya skim-skim baru yang telah dicadangkan oleh Menteri pada masa yang lepas supaya bank-bank menghormati Bank Negara oleh kerana Bank Negara sekarang hanya beri penekanan kepada soal kewangan. Jadi kepada soal TPU dan sebagainya yang kadang-kadang setengah bank enggan mendengar cakap Bank Negara, saya rasa pada masa ini Bank Negara mempunyai masa yang banyak untuk memberi perhatian lebih kepada soal kewangan oleh kerana soal modal sekarang kita letakkan kepada pasaran sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kenyataan Yang Berhormat tadi yang telah menyebutkan bahawa oleh kerana dasar kita yang liberal dan amalan ekonomi yang terbuka memungkinkan orang asing memindah dana mereka keluar dan masuk dengan bebas? Ini paling tepat sekali. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, pada masa sekarang agensi manakah di antara ROC, CIC, TOP, FIC ini yang mengawal

tentang dana keluar masuk ini? Jadi, sejauh manakah kemungkinan peraturan-peraturan yang akan dikenakan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini untuk memastikan supaya perkara ini dikawal?

Pada masa sekarang oleh kerana terlampau banyak ataupun ada empat agensi utama di sini yang mengawal soal pemindahan dana ini maka saya menganggap ini memungkinkan berlaku soal-soal kelambatan, birokrasi dan sebagainya. Oleh kerana Suruhanjaya Sekuriti ini merupakan one-stop-agency, ini sudah pasti dia boleh mengawal dengan serta-merta. Tetapi saya ingin bertanya sedikit berhubung dengan mekanisma yang perlu untuk memastikan supaya perkara ini tidak terjadi dan dengan itu usaha-usaha Yang Berhormat untuk menguatkan undang-undang berhubung dengan jenayah 'kolar putih' dan sebagainya dapat dikawal.

Kemudian yang keduanya, ini fasal keahlian, semua kawan-kawan tadi sudah sebut dan Batang Lupar tadi sudah sebut fasal kakitangan pula. Saya hendak cadang kepada Yang Berhormat, ini masalah utama yang terdapat dalam Kerajaan sekarang, terutamanya dalam Perbendaharaan sendiri. Pegawai Perbendaharaan menjadi payung kepada agensi-agensi di bawahnya, tetapi oleh kerana sistem kepangkatan ataupun sistem yang ada dalam Kerajaan itu menyebabkan dia mendapat pangkat-pangkat tertentu yang membolehkan dia berada di tahap-tahap yang tertentu. Jadi kadang-kadang kita lihat agensi-agensi di bawah Treasury ini dia lebih mewah - bukanlah semua Kementerian di bawah Treasury dari segi wang - dia lebih hebat daripada Treasury. Sebab itu kadang-kadang kalau kita pergi ke luar negeri, pegawai-pegawai agensi ini naik first class manakala pegawai Treasury yang mengawal kewangan itu duduk di kelas ekonomi di belakang, tetapi apabila Menteri hendak rujuk, dia terpaksa panggil pegawainya di belakang. Jadi

saya hendak bagi contoh yang terdapat dalam Kerajaan. Saya ingat untuk hendak selesaikan masalah ini amat sukar sedikit. Saya cadangkan supaya Suruhanjaya Sekuriti ini ditengok daripada aspek keahliannya. Saya mencadangkan supaya ahli-ahli Suruhanjaya ini diberi tugas sepenuh masa sebab dia terpaksa bermesyuarat lebih kerap daripada Kabinet. Saya rasa Kabinet bermesyuarat seminggu sekali dia terpaksa bermesyuarat dua kali seminggu. Jadi saya cadangkan supaya mereka diberi sepenuh masa. Oleh kerana ada empat orang wakil Kerajaan dalam itu, maknanya wakil Kerajaan tidak boleh bertugas sepenuh masa. Saya mencadangkan bagi wakil Kerajaan ini diadakan wakil ganti yang bukan seorang. Mesti ada sekurang-kurangnya tiga orang ataupun empat orang supaya kalau dia sakit perutpun, boleh ada orang ganti dan kalau seorang lagi sakit mata, ada orang lain yang boleh ganti. Kita pastikan supaya Suruhanjaya ini bermesyuarat kalau boleh dalam kuorum yang penuh dan empat orang lagi itu termasuk Pengerusi Eksekutif adalah merupakan ahli-ahli Suruhanjaya yang bekerja sepenuh masa.

Saya hendak cadangkan supaya mereka ini diberi elaun ataupun imbuhan yang - bukanlah melebihi - sekurang-kurangnya sampai ke tahap syarikat-syarikat gergasi yang mereka kawal seperti Pengerusi Sime Darby, sebagai contoh, atau pengerusi-pengerusi lain seperti Pengerusi PETRONAS - bukan PETRONAS tidak masuk - Pengerusi Sime Darby sebagai contoh atau mana-mana pengerusi syarikat gergasi yang lain yang mana gajinya begitu tinggi iaitu \$20,000 - \$30,000 dan sebagainya. Kalau Pengerusi Suruhanjaya diberi \$10,000, jadi dia adalah sedikit kekurangannya. Jadi kalau besok dia pergi ke luar negeri, ini mungkin akan terjadi di mana ahli-ahli Commission ini terpaksa duduk di kelas ekonomi. Kita hendak tunjukkan bahawa dari segi penguatkuasaan itu ada sedikit

perbezaan, kita takut benda-benda ini terjadi. Dia duduk terceruk di bahagian ekonomi, dan mungkin ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang besar itu berada di hadapan. Kita tidak mahu ini terjadi. Kita mahu mereka ini dijaga supaya mereka ini senang. Kita kata duduk belakangpun tidak apa, kita ada kuasa. Kita kena ingat zaman dahulu kita ada kuasa tetapi kita tidak mempunyai wang menyebabkan kuasa terhakis. Jadi kuasa dengan wang mesti berjalan dengan sekali. Kuasa dan imbuhan mesti bersama-sama.

Jadi saya minta ahli-ahli Suruhanjaya Sekuriti yang mana kita lihat dalam semua kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada hari Menteri Kewangan mencadangkan perkara itu, saya simpan semua kenyataan akhbar, tidak ada seorangpun yang memberi pendapat yang tidak menyokong pendapat saya. Mereka mengatakan supaya ahli-ahli Suruhanjaya ini diberi gaji penuh. Saya ambil daripada awal. Tiap-tiap hari saya simpan kenyataan akhbar ini. Saya hendak tengok bagaimana pendapat mereka. Dia cukup konsisten - supaya ahli-ahli Suruhanjaya ini diberi kerja sepenuh masa dan kalau boleh mereka ini diberi imbuhan yang membolehkan mereka dapat menguatkuasakan tugas-tugas mereka dengan baik. Kita kena ingat untuk mendapatkan orang-orang yang terbaik, sebab DAP pun setuju, PAS pun setuju, Barisan Nasional pun setuju, UMNO pun setuju, kita mesti mendapatkan keahlian daripada orang-orang yang berpengalaman. Tidak ada orang-orang yang berpengalaman yang sekarang ini yang tidak bekerja. Mereka yang bekerja di syarikat-syarikat gergasi yang besar perlulah ditarik, termasuk Gabenor Bank Negara sendiri. Beliau adalah merupakan Gabenor bank yang besar, dia masuk jadi Pengerusi Bank Negara, sepatutnya kena bayar gaji yang besar. Demikian juga kalau kita hendak tarik orang-orang yang berwibawa dari syarikat-syarikat yang besar, harus

diberi imbuhan yang tertentu. Jadi soal kualiti ini adalah soal cara mereka mempersembahkan kerja mereka. Saya ingat kalau semua orang hendak mempertikaikan soal kualiti, dia ada candidate masing-masing. DAP mungkin dia cadang Ahli daripada Nilam Puri dan sebagainya. Jadi soal kualiti dan sebagainya kita serahkan kepada Menteri. Kita tidak boleh kata yang orang ini kualitinya tidak sesuai dengan DAP, tetapi mungkin sesuai dengan Barisan Nasional. Ini kualiti dan sebagainya kita serah kepada Kerajaan, kepada orang yang memerintah. Kalau DAP memerintah esok, dia pilih siapa yang dia hendak jadi ahli, ataupun terpulang kepada mereka. Jadi kita jangan pertikaikan. Kita pertikaikan apa yang sepatutnya ada untuk membolehkan mereka dapat menjalankan kerja dengan baik. Ini mengenai keahlian.

Yang keduanya fasal levi. Ini semua orang setuju fasal levi, kalau tidak, buat apa ada suruhanjaya. Cuma saya ingat, tadi kita telah menyebutkan dengan terang tadi bahawa Menteri Kewangan telah sebut dan ini telah dimaklumkan di bawah Perkara 24 tadi bahawa tujuan utama ditubuhkan Suruhanjaya Sekuriti ini untuk melindungi pelabur-pelabur kecil. Semua orang yang main saham walaupun dengan satu lot, dua lot mereka tahu bahawa brokerage fees itu ialah satu persen beli, satu persen jual. Tetapi mereka yang mengetahui, yang selalu berurusan, mereka tahu kita boleh dapat rebet balik 0.25% atau satu perempat. Saya hendak cadangkan supaya rebet ini tidak perlulah diberi oleh broker itu kepada pelabur-pelabur. Pelabur-pelaburpun ramainya tidak kisah kecuali pelabur-pelabur yang besar. Saya cadangkan syarikat-syarikat ini sendiri yang bayar rebet yang sepatutnya diberi balik kepada pelabur tadi, mereka bayar kepada Suruhanjaya Sekuriti. Jadi siapa pun tidak pening kepala. Ramai orang tidak kisah, dia kira satu persen up, satu persen down, no problem, tetapi 0.25

ataupun satu perempat tadi ramai orang tidak kisah dan saya ingat eloklah itu yang diambil kira oleh Menteri Kewangan sebagai levi kepada syarikat-syarikat ini ataupun yang patut bayar levi ialah bukan pelabur tetapi yang patut bayar ialah broker-broker saham tadi. Jadi dengan itu semua orang akan rasa gembira oleh kerana perkhidmatan yang kita dapat bagus dan kita dijamin supaya kita tidak lagi timbul masalah fasal insider trading dan sebagainya. Jadi dalam masa yang sama kita pastikan bahawa pelaburan-pelaburan kita terjamin dan kalau nasib baik kita, saham kita naik, kalau nasib tidak baikpun, tidak jatuh teruk sangat oleh kerana ada Suruhanjaya Sekuriti tadi, tetapi dalam masa yang sama kita tidak dibebankan dengan levi tambahan. Jadi levi satu persen yang dikenakan itu yang syarikat broker saham bayar balik kepada kita itu tidak payah dibayar dan bagilah levi itu kepada Suruhanjaya Sekuriti. Dengan itu Suruhanjaya Sekuriti akan mempunyai kedudukan kewangan yang paling cukup untuk mereka beroperasi kerana kita kena lihat bahawa kalau ada berapa puluh broker saham dan kalau kita kira jumlah trading yang dibuat itu, jumlah satu perempat daripada satu bilion ringgit sudah cukup banyak angkanya untuk difikirkan. Jadi dengan itu saya ingat Kerajaan tidak payah pening kepala untuk menurunkan apa-apa peruntukan lagi kepada Suruhanjaya ini untuk memastikan mereka dapat berjalan dengan baik.

Akhir sekali, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas, kalau tidak silap saya - kalau tidak tahun lepas, saya ingat a year before, setahun sebelum itu - apabila kita menjadi kekecohan dalam pasaran saham, Perdana Menteri berkata mengapa kita harus dipengaruhi oleh Nikkei ataupun Dow Jones, mengapa saham Sime Darby yang untung sampai

beratus juta ringgit tetapi sahamnya jatuh dan mengapa harus dipengaruhi oleh pasaran saham di New York dan juga di Tokyo, Jepun.

Ini Perdana Menteri telah menyebutkan dalam satu kenyataan akhbar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah peranan Suruhanjaya hendak pastikan supaya pengaruh-pengaruh daripada New York dan Tokyo tidak mempengaruhi pasaran tempatan, oleh kerana kadang-kadang ia tidak menggambarkan kedudukan syarikat yang terlibat dalam pelaburan. Syarikat yang begitu kukuh dan kuat, termasuk UE tidak patut jatuh, sebagai contohnya. Tetapi malangnya kawan saya tadi dia keluar, kalau dia tak keluar, saya hendak tunjuk harga UE pada hari ini ialah \$3.20. Harga premium, kalau saya tak silap, saya kurang pasti, ialah lebih kurang \$1 ataupun masa dia keluarkan Rights issue ialah 50 sen. Maknanya, siapa sahaja yang melabur dalam UE sekarang mempunyai keuntungan \$2 lebih. \$2 maknanya tiap-tiap \$1,000 sudah jadi \$2,000.

Saya tak mahu nanti ditulis silap. Dia sudah mengaku di peringkat awal tadi bahawa dia bukan ahli perniagaan, tetapi sebab dia teringin hendak bercakap, saya ingat eloklah beri peluang bercakap, tetapi jangan sentuh benda yang kita tak tahu. \$3.20 kalau kita beli \$1, untung \$2.20, satu angka yang besar. Maknanya siapa yang beli saham UE sekarang boleh berihat dan bertepuk tangan. Kalau UE hendak pinjam lagi \$3 bilion, lepas itu hendak laburkan lagi, dia kena baca balik. Ini sekaligus akan melonjakkan sahamnya mungkin jadi \$5. Saya ingat eloklah kita buat kelas tambahan untuk mereka yang tak faham tentang pelaburan. Saya ingat Menteri Kewangan kena buat ini, sebab kadang-kadang kita hendak pastikan supaya apa yang kita cakap di sini tidak menimbulkan kekeliruan dalam pasaran. Tetapi insya Allah, kita kena ingat mereka yang melabur, mereka yang tak

baca sangat kenyataan ini, mereka hanya baca tempat-tempat yang sepatutnya mereka baca dalam akhbar. Walau bagaimanapun, saya hendak sebutkan bahawa dengan cara UE melaburkan \$3 bilion itu sudah pasti, kalau siapa hendak beli saham hari ini boleh, ini bukan ada insider trading, tetapi pada pandangan saya sebagai orang yang selalu beli syer sedikit-sedikit ini, saya tahu kalau dia sebut betul-betul \$3 bilion macam dia kata, saya akan beli serta-merta, saya sudah pasti syer ini akan melambung. Ini hendak dimaklumkan kepada orang-orang yang kurang mengetahui, tetapi ingin bercakap. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah peranan Suruhanjaya ini hendak pastikan supaya kita tidak dikelibatkan dengan bayang-bayang New York dan juga Tokyo sebagaimana yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri dalam dua tahun ataupun setahun yang lepas, saya masih ingat kenyataan itu.

Akhir sekali, ini berkenaan penyertaan bumiputera. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan dengan terang tadi bahawa sekaligus ia menolong pelabur-pelabur kecil dan pelabur-pelabur kecil kebanyakannya adalah pelabur bumiputera. Oleh kerana ianya telah dimasukkan sebagai satu 'one-stop-agency' dan kawalan Menteri Kewangan saya lihat adalah lebih kepada melalui wakil-wakil Kerajaan. Cumanya kita minta supaya mereka yang betul-betul boleh memastikan bahawa penyertaan bumiputera ini tidak tertinggal. Penyertaan bumiputera sekarang memang berterusan, tetapi saya minta supaya tidak tertinggal oleh kerana berada dalam 'one-stop-agency'. Sebab pada masa yang lepas, kalau kita ada empat, sekurang-kurangnya kalau satu yang berkata 'tidak', ini tidak boleh sebab ini boleh mengganggu penyertaan bumiputera. Maknanya, yang tiga lagi tidak boleh membuat keputusan. Kita

ada ROC, CIC, TOP dan FIC ini. Kalau satu tolak, yang tiga lagi dia tak boleh buat keputusan. Maknanya, sekurang-kurangnya kepentingan kita terjaga di situ. Tetapi 'one-stop-agency' ini kalau sekali tertolak, dia tolak habis. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya pegawai-pegawai yang menyertainya dipastikan adalah pegawai-pegawai yang benar-benar memahami aspirasi ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyebutkan tadi bahawa dengan transaksi pengambilalihan ini, saya hendak minta iaitu dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi telah menyebutkan bahawa akan dibuat peraturan-peraturan yang perlu dan berkaitan untuk membolehkan semua pihak yang terlibat dalam pasaran modal ini memahaminya dengan jelas. Kita lihat pada masa yang lepas, ini menimbulkan sedikit pertikaian dalam pasaran saham ini berhubungan dengan peraturan-peraturan yang tidak jelas. Sekarang kita ada undang-undang, tetapi peraturan yang dikeluarkan berhubung dengan Akta ini, saya harap merupakan peraturan yang simple dan jelas. Sebab dalam seminar yang diadakan baru-baru ini telah diterangkan, pendapat ramai mengatakan bahawa kita harus mempunyai peraturan-peraturan yang senang difahami dan boleh diperjelaskan. Oleh kerana dalam pasaran yang ada sekarang kita terpaksa bergerak dengan cepat, peraturan-peraturan yang mudah. Akta sekarang adalah akta yang mudah dan difahami oleh semua orang. Saya harap peraturan yang mengikuti adalah juga peraturan yang mudah dan difahami oleh semua orang.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan apabila ini tercetus sudah menjadi Akta sepenuhnya, saya berharap dan kita berdoa semoga pasaran modal yang ada sekarang akan mewujudkan satu keadaan yang cukup menjamin dan

membanggakan. Saya percaya semua pelabur-pelabur kecil dan besar pada masa sekarang cukup konfiden untuk melabur dengan terlaksananya Akta ini. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masih ramai lagikah Ahli-ahli yang hendak mengambil bahagian?

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** (*Bangun*)

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** (*Bangun*)

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada tiga Ahli yang bangun. Ya, Kota Melaka.

5.36 *ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi menghadiri Dewan Rakyat untuk mendengar perbahasan dan saya harap contoh dan teladan baik ini akan dipelajari oleh rakan-rakannya di sebelah dan di depan, kerana jarang sekali ada Menteri-menteri yang hadir sendiri mendengar hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kesal bahawa satu Rang Undang-undang yang sebegitu penting ini yang akan mengawal pasaran modal dan pasaran sekuriti ini tidak dibentangkan lebih awal agar memberikan masa yang lebih untuk Ahli Parlimen meneliti dan mengkaji Fasal-fasal yang dikemukakan. Sungguhpun Rang Undang-undang ini telah dikemukakan pada hari Isnin, tetapi kerana kita ambil masa dua hari untuk membahaskan satu Rang

Undang-undang yang sangat penting, iaitu meminda Perlembagaan, maka masa adalah kurang sedikit untuk meneliti dan membahas Rang Undang-undang ini dengan cukup bernas dan berhasil. Sungguhpun ini lewat, tetapi saya harap bahawa lain kali Rang Undang-undang ini boleh diberikan dengan lebih awal kerana ini perkara teknikal dan perkara teknikal memerlukan masa yang lebih bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya mengalu-alukan penubuhan satu Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawal pasaran modal, tetapi saya amat dukacita bahawa Suruhanjaya Sekuriti ini yang dikemuka atau dicadangkan nampaknya tidak akan mengatasi atau menutup kelemahan-kelemahan yang sedia ada dalam Securities Industry Act dan Companies Act, dengan izin.

Di sini saya hendak menyatakan bahawa ada beberapa perkara di mana ia tidak diambil perhatian langsung. Perkara-perkara penting yang melibatkan keyakinan orang ramai terhadap pasaran modal dan sekuriti di negara kita. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Tindakan tegas ke atas broker-broker saham dan agen mereka remisier dan lain-lain yang menipu orang ramai.
- (2) Bayaran pampasan atau ganti rugi oleh penipu-penipu tersebut yang berselindung di belakang syarikat-syarikat broker saham kepada mangsa-mangsa tersebut.
- (3) Melindung atau membela pemegang-pemegang saham minoriti dan juga orang awam yang melabur dalam pasaran modal dan sekuriti.
- (4) Meningkatkan profesionalisme, integrity, credibility dan kepercayaan ke atas janji-janji

yang dibuat oleh pengarah-pengarah syarikat, khususnya apabila saham mereka diapungkan dalam pasaran saham atau diterbitkan dalam pasaran saham.

Kebanyakan masa dan semua janji-janji ini adalah omong-omong kosong dan orang ramai yang melabur dalam syarikat tersebut berlandaskan janji-janji tersebut ditipu tanpa jalan lain untuk mendapat balik wang pelaburan mereka yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut.

- (5) Bahawa Rang Undang-undang ini, sungguhpun akan mengawal pasaran saham, tetapi membantu mewujudkan satu pasaran mudah tunai yang teratur (orderly), yang transparent, yang bebas (independent), yang credible dan efisien ke arah pembentukan pasaran sekuriti yang canggih, kuat dan sihat di Malaysia demi membantu pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian kerana selepas meninjau Rang Undang-undang ini semalam, satu hari sahaja, oleh sebab itu, mungkin saya tidak cukup masa untuk memberikan hujah-hujah atau bukti-bukti lain. Tetapi dalam masa singkat tersebut, saya membandingkan Fasal-fasal Rang Undang-undang ini dengan Securities Industry Act, khususnya dalam bidang bagaimana kepentingan dan hak pelabur (smalltime investors) dilindungi dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal bahawa perkara ini tidak dirujuk langsung. Mengikut Securities Industry Act, ROC merupakan satu badan yang tertinggi yang mengawal pasaran mudah tunai. ROC iaitu Registrar of Companies (Pendaftar Syarikat) mengeluarkan

lesen kepada broker-broker saham dan juga mengambil tindakan disiplin ke atas mereka yang melakukan kesalahan. Masalah yang timbul selalunya ialah penguatkuasaan. Sungguhpun kita ada 134 seksyen, dalam Securities Industry Act (SIA) di mana yang mengawal atau yang cuba melindungi hak pelabur-pelabur iaitu seksyen 60 hingga 83. Tetapi seringkali seksyen-seksyen ini tidak digunakan ke atas broker-broker saham atau syarikat-syarikat saham dan mereka dibenarkan melakukan penyelewengan atau penipuan ke atas pembeli-pembeli saham.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan bersetuju bahawa tindakan yang diambil oleh Pendaftar Syarikat adalah kurang sekali berbanding dengan aduan-aduan mengenai penyelewengan yang berlaku oleh syarikat-syarikat tersebut. Dan juga kuasa-kuasa yang diberikan oleh Pendaftar Syarikat tidak cukup, malah Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Ahli dari Ledang yang boleh dianggap pakar dalam bidang ekonomi dan pasaran mudah tunai bersetuju bahawa fasal-fasal dan peruntukan yang sedia ada di bawah SIA ini tidak cukup dan tidak tegas mengikut Seksyen 123, Securities Industry Act.

Kompaun boleh dikenakan oleh Pendaftar Syarikat ke atas mana-mana syarikat tetapi kompaun sebanyak \$50,000 sahaja. Kepada sebuah syarikat saham di mana keuntungannya setiap tahun adalah berjuta-juta ringgit ataupun mungkin berpuluh-puluh juta ringgit, \$50,000 adalah satu jumlah yang amat kecil yang tidak menakutkan langsung mereka, yang mungkin akan menggalakkan mereka melakukan lebih banyak penyelewengan. (*Tepuk*) Di sini saya memang telah mengharap - saya ada mendengar pembentangan Rang Undang-undang ini - kepada satu seksyen di mana kompaun boleh dikenakan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini ke atas syarikat-syarikat saham yang menyeleweng, yang menipu pelabur-pelabur kecil, tetapi langsung tidak ada

satu seksyen pun. Malah nampaknya peruntukan hukuman (penalty clause) yang sedia ada di bawah Securities Industry Act 1983 (SIA) lebih tegas dan di bawah seksyen 87(A) kalau seorang didapati salah, hukuman denda ialah \$50,000 dan juga boleh dipenjarakan selama 7 tahun. Tetapi di sini, sebagai satu standard biasa, hukuman ialah 3 tahun penjara atau denda tidak lebih \$50,000, melainkan kalau sebagai seorang ahli Suruhanjaya Sekuriti tidak memberitahu atau tidak memaklumkan kepentingannya sendiri, boleh didenda \$250,000. Tetapi apa yang kita hendak, dan saya rasa apa yang rakyat hendak, ialah tindakan tegas ke atas syarikat-syarikat saham yang menyeleweng dan saya amat kesal bahawa saranan dan juga jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa perkara ini atau kelemahan ini akan diatasi tidak didapati dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amatlah penting kerana seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebelum saya bahawa jenayah "kolar putih" peratusnya kejadian begitu melambung tinggi sekarang dan haruslah satu tindakan tegas hendak diambil untuk membanteras jenayah "kolar putih". Kejadian yang kerap sekali ialah di pasaran saham, pasaran mudah tunai dan syarikat-syarikat saham. Malah dalam banyak rencana suratkhobar pasaran saham di Malaysia digelarkan sebagai satu "kasino kedua" di Malaysia selepas Genting Highlands kerana membenarkan semua penyelewengan ini berlaku.

Saya hendak memberikan satu contoh kes, di mana saya sendiri berjumpa Yang Berhormat Menteri di luar lobi Dewan ini pada tahun lepas, iaitu kes mangsa pembeli saham daripada sebuah agen yang haram di Tampin, Negeri Sembilan. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, agen-agen saham tidak dibenarkan kerana lesen

tidak boleh disubkontrak tetapi hanya bagi pemegang saham sahaja. Tetapi adalah menjadi satu kelaziman bahawa banyak syarikat saham di negara kita mendirikan cawangan-cawangan mereka dan melantik agen untuk membeli dan menjual saham bagi pihak mereka.

Biasanya, cawangan-cawangan ini bukanlah terletak di pusat bandar, tetapi di kawasan luar bandar kerana kebanyakan lesen-lesen pemegang saham atau peniaga saham berlesen (dealers, remisiers or brokers), kebanyakannya terletak di pusat bandar dan perlantikan telah menjadi satu amalan biasa. Kalau tidak ada apa-apa masalah, sungguhpun haram, semua orang gembira. Tetapi apabila berlaku satu penyelewengan atau penipuan, sepertimana yang berlaku di Tampin di mana agen haram sebuah syarikat saham berlesen oleh kerana kekurangan kewangan, dia lari. Seperti Pak Man Telo, dia lari. Akibatnya ialah pembeli-pembeli saham telah rugi dan telah kehilangan wang pelaburan mereka dan wang pelaburan bagi sebuah bandar yang kecil ialah \$3 juta. Sungguhpun kalau dibandingkan \$3 juta ini dengan turnover, pasaran saham di Malaysia bukanlah satu jumlah yang besar. Tetapi ini menunjukkan kelemahan dalam sistem kita. Sungguhpun mereka telah membuat banyak aduan termasuk berjumpa dengan Pendaftar Syarikat, jawatankuasa BSKL dan termasuk juga berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri sendiri. Sehingga hari ini janji yang dikeluarkan masih belum ditunaikan, janji Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah sehingga sekarang Kementerian Kewangan masih belum mengarahkan bahawa tindakan diambil ke atas kedua-dua syarikat yang telah melantik ejen haram meniagakan saham-saham tersebut. Pendaftar Syarikat perlu diuji kerana telah mengambil tindakan menghadapkan mereka ke mahkamah di

bawah seksyen 87(A), seksyen yang paling menakutkan sekali bagi pemegang-pemegang lesen kerana seksyen ini menyatakan hukuman yang paling berat iaitu 7 tahun penjara dan denda tidak kurang \$50,000. Tetapi mengapakah Pendaftar Syarikat tidak menggunakan kuasanya di bawah seksyen 124 Securities Industry Act, di mana Pendaftar Syarikat mempunyai kuasa mengenakan kompaun ke atas mana-mana syarikat yang melakukan kesalahan. Kuasa kompaun ini tidak ada di bawah Rang Undang-undang ini. Mengikut fasal di sini, semua tindakan hanya boleh diambil selepas diluluskan oleh Peguam Negara (Attorney General). Ini menyekat lagi kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan.

Oleh sebab itu, saya amat kesal dan dukacita bahawa kelemahan-kelemahan seperti ini tidak diatasi. Di sini saya juga hendak meminta sekali lagi dan merayu, bolehkah Yang Berhormat Menteri supaya menaui perjanjian yang diberikan kepada mangsa-mangsa saham bahawa beliau akan mengarahkan Pendaftar Syarikat untuk mengambil tindakan ke atas kedua-dua syarikat broker saham ini iaitu Tan Chai Low and Securities Sdn. Bhd. di Melaka dan Chua Koh Securities juga di Melaka. Di Melaka hanya ada 3 buah syarikat broker saham sahaja iaitu Tan Chai Low dan Chua Koh. Yang Berhormat Menteri juga telah berjanji bahawa mereka akan diarahkan supaya membayar pampasan ganti rugi kepada mangsa-mangsa tersebut. Jelas mereka telah melakukan kesalahan. Kalau mereka tidak melakukan kesalahan, takkan Pendaftar Syarikat akan menghadapkan mereka ke mahkamah di bawah seksyen 87(A). Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menunaikan janji.

Perkara yang kedua ialah mengenai Tabung Kesetiaan (Fidelity Fund) yang sedia ada di bawah seksyen 72 dan 73, Securities Industry Act. Seperti juga

yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri satu permohonan di bawah Tabung Kesetiaan (Fidelity Fund) telah dibuat pada 29hb. November tahun lepas. Dalam Tabung Kesetiaan ini, seksyen 72 adalah dinyatakan dengan jelas bahawa sebarang penyelewengan atau penipuan yang dilakukan oleh ahli-ahli atau pemegang-pemegang lesen, mereka yang menjadi mangsa boleh memohon untuk mendapat ganti rugi daripada Tabung Kesetiaan ini. Saya ingin membaca seksyen yang berkenaan, dengan izin:

"72 (1). Subject to this Part, a fidelity fund shall be held and applied for the purpose of compensating persons who suffer pecuniary loss from any defalcation committed by a member company or any of its directors who are liable to contribute to that fund, whether or not they have been freed and discharged from payment under section 68 or by any of the employees of such a member company in relation to any money or other property which, whether before or after the date of the coming into operation of this Act, in the course of or in connection with the business of that company."

Di sini seksyen ini juga ada menyebut bahawa tidak payah pergi ke mahkamah untuk menentukan bahawa satu kesalahan telah dilakukan. Mahkamah tidak payah menentukan bahawa kesalahan telah dilakukan. Apa yang perlu ialah BSKL telah berpuas hati bahawa satu defalcation atau penipuan telah berlaku dan mangsa-mangsa boleh mendapat ganti rugi daripada Tabung Kesetiaan ini. Ini jelas menunjukkan bahawa syarat-syarat di seksyen ini telah dipenuhi kerana yang didakwa di bawah seksyen 87(A) SIA, berkenaan dengan kes ini ialah seorang pengarah syarikat broker saham iaitu Chua Koh and

Company seorang pengarah dan pemegang lesen, bukan remisier, broker and director of the company.

Tetapi sungguhpun begitu di mana penipuan dilakukan oleh syarikat tetapi BSKL telah menolak permohonan mereka. Saya difahamkan bahawa satu sebab mengapa ini berlaku ialah kerana Tabung Kesetiaan setakat ini mempunyai dana wang sebanyak S3 juta. Saya juga dimaklumkan bahawa ini adalah kali pertama permohonan dibuat oleh pelabur-pelabur saham di Malaysia. Kalau ini berjaya Tabung Kesetiaan ini akan insolvent, tidak ada wang lagi kerana kena bayar semua tuntutan mangsa-mangsa tersebut. Oleh sebab itu dari \$3 juta menjadi kosong.

Saya rasa ini bukanlah cara BSKL melakukan tanggungjawab mereka. Sebagai satu jawatankuasa pasaran sekuriti, BSKL bukan sahaja harus melindungi hak dan kepentingan syarikat-syarikat saham tetapi juga pelabur-pelabur kecil (the small time investors). Tindakan mereka menolak permohonan ini sungguhpun berasas, seperti yang saya katakan tadi, seorang director telahpun dihadapkan ke mahkamah di bawah seksyen 87(A) dan yang mendakwa ialah Pendaftar Syarikat. Jelas seksyen ini dipenuhi dan mereka telah menolak permohonan mereka. Tentulah keputusan mereka adalah muktamad.

Oleh sebab itu saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh campurtangan di dalam perkara ini, meminta BSKL mengambil perhatian dan mengambil berat bahawa satu daripada tugas mereka bukan sahaja menjaga hak-hak syarikat atau ahli-ahli mereka, syarikat-syarikat di mana mereka telah disenaraikan di BSKL tetapi juga pelabur-pelabur kecil seperti mangsa-mangsa saham ini yang kebanyakannya buta huruf dan tidak tahu tentang undang-undang sekuriti di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelemahan-kelemahan yang sedia ada, saya ingin merujuk kepada satu memorandum yang saya rasa telah dihantarkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin juga menyebut points atau hujah-hujah yang penting di dalam memorandum ini.

Yang pertama yang penting sekali ialah hukuman yang dikenakan kepada kebanyakan kesalahan ialah \$5,000 kecuali ada bukti yang kukuh dan boleh menggunakan seksyen 87(A). Tetapi untuk kesalahan lain \$5,000 adalah terlalu kecil dan ini adalah satu rungutan oleh ramai pelabur kecil dan telahpun dijanjikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah ini akan dinaikkan. Itu yang pertama.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat Menteri bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, boleh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak jelaskan sedikit, kerana perkara penalti ini disebut agak berpanjangan. Sebenarnya, apa yang disebut itu benar tetapi tidak begitu relevant kerana kita harus lihat Rang Undang-undang ini dan juga Akta Perindustrian Sekuriti dan Perindustrian Niaga Hadapan itu sekali gus. Yang kita bentang hari ini ialah Rang Undang-undang mengenai Suruhanjaya dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Perindustrian Sekuriti yang akan diteruskan dengan pindaan dan pindaan itu akan dikemukakan. Kalau kita lihat denda yang ditingkatkan, kemudian dikekalkan dengan peruntukan yang lama dalam Akta-akta berkaitan adalah tidak munasabah. Tetapi perkara ini saya sebutkan juga tadi, I elude dalam pembentangan saya

sepintas lalu tadi. Sebenarnya perkara-perkara itu dibangkitkan apabila kita membuat consequential amendments dalam Sidang ini juga tetapi tidak dalam satu dua hari inilah. Ini untuk makluman, hendak bercakap bolehlah, tidak ada halangan, cuma saya hendak sebutkan ini tidak relevant kerana perkara-perkara itu telahpun diambil perhatian, cuma tidak dibentangkan sekali gus dengan Rang Undang-undang ini. Itu sahaja saya hendak jelaskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Kalau begitu, memanglah ini disokong oleh pihak DAP. Boleh saya mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri bahawa oleh kerana hanya seksyen 5 SIA sahaja yang telah dimansuhkan, ini bermakna bahawa Pendaftar Syarikat masih menjadi direct controlling body, dengan izin, pemegang-pemegang lesen atau brokers di syarikat-syarikat saham. Lesen masih dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat. Kalau begitu, saya rasa Suruhanjaya Sekuriti ini, kalau saya membaca dengan tepat, tidak akan melibatkan diri dalam pembaharuan lesen-lesen broker saham. Kalau begitu, ini bermakna bahawa Pendaftar Syarikat masih memainkan peranan yang penting....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya hendak bari peluang, bukan maksud saya hendak ganggu tetapi supaya tidak payah panjang dalam hal yang saya anggap sudah diambil kira. Sebenarnya dalam ucapan saya tadi, mungkin Yang Berhormat Kota Melaka tidak hadir tadi, saya sebut bahawa tugas pemberian lesen itu masih di tangan Kerajaan tetapi dipindahkan dari Pendaftar Syarikat ke Perbendaharaan dan tidak di bawah Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti itu tugasnya ialah mengawal-selia selain daripada memperkembangkan pasaran modal dan saham di negara kita.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Adakah ini bermakna bahawa satu pindaan akan dilakukan sebagai memindahkan kuasa ini kepada Perbendaharaan? Saya harap saya tidak akan membangkitkan perkara ini lagi selepas penjelasan Yang Berhormat Menteri tetapi saya harap bahawa denda dan hukuman yang diberikan boleh dinaikkan, kalau boleh seratus kali ganda untuk mencerminkan sikap serius Kerajaan terhadap penyelewengan yang sering berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk kepada hujah-hujah yang lain khususnya ke atas janji-janji dalam setiap terbitan baru saham-saham. Seringkali bahawa janji-janji yang diberikan oleh syarikat-syarikat saham kepada pemohon atau orang ramai tidak ditunaikan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap masalah ini kerana apabila seorang pelabur melaburkan wang, di mana keputusan dibuat akan berlandaskan kepada janji-janji atau tuntutan yang dan dibuat atau prospectors, dan prospectors ini mesti diluluskan oleh CIC atau Suruhanjaya Sekuriti kerana ia telah diluluskan oleh satu badan Kerajaan, pelabur membuat keputusan melabur. Tetapi apakah tuntutan yang boleh dibuat oleh pelabur jikalau janji itu tidak ditunaikan? Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh, saya ingin merujuk kepada sebuah syarikat yang bernama Dataprep Malaysia Sdn. Bhd.

Dalam satu prospectors pada 31hb September tahun lepas, Dataprep Malaysian Sdn. Bhd. telah membuat satu fokus bahawa keuntungan pada 31hb Mac, 1992 adalah sebanyak \$4,034,142. Ini adalah untuk menawan (capture) lebih banyak pelabur untuk melabur dalam syarikat itu. Tetapi apabila keputusan atau operation result dikeluarkan untuk 31hb Mac, 1992, untung tidak ada tetapi rugi sebanyak \$2,050,000. Saya rasa kepada mana-

mana pelabur yang melabur dalam syarikat ini akan merasa mereka tertipu kerana fokus keuntungan jauh berbeza daripada actual profit atau keuntungan sebenarnya.

Kalau kita ikut amalan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, kalau seseorang Pengarah yang telah membuat suatu fokus, keuntungan sebenar atau actual profit kalau berbeza lebih daripada 10% daripada focus earning, dia akan didenda dan tindakan akan diambil ke atasnya. Tetapi di Malaysia tidak berlaku. Di sini there is a negative variance, dengan izin, of one hundred and fifty percent—sebanyak 150%. Focus profit sebanyak \$4 juta tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah rugi \$2 juta. Di sini, saya rasa tindakan harus di ambil ke atas fokus ini yang sungguh tidak bertanggungjawab. Mengapakah syarikat-syarikat tersebut dibenarkan membuat focus earning seperti ini yang jelas tidak berasas. Adakah kerana Pengarah Dataprep Malaysia Sdn. Bhd. ialah Encik Mirzan bin Mahathir dan juga Datuk Donald Khoo? Adakah kerana Pengarah syarikat ini ialah Mirzan bin Mahathir yang alamatnya di Seri Perdana, bahawa syarikat ini dibenarkan membuat focus earning. Saya tidak tahu oleh mana-mana badan, mungkin CIClah, dibenarkan membuat focus earning seperti ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
(Bangun)

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak jawab sekarang, boleh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Bukan saya hendak jawab, tetapi saya rasa untuk medan seperti ini, pertamanya fakta dan tuduhan itu tidak tepat. Saya kenal lama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini, ini desperate act sedikit. Sebab yang kita bincangkan ini Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti—itu pertama. Kedua, merujuk

kepada satu syarikat tanpa satu keterangan yang tepat. Saya memang mengikuti kerana kebetulan proses itu memang mengikut proses-proses yang biasa. Yang menetapkan, yang mengesahkan unjuran itu merchant bank, yang meluluskan prosedur itu CIC, yang membeli saham itu syarikat. Pihak Kerajaan ataupun CIC atau mana-mana pegawai tidak terlibat sama sekali untuk menggalakkan sesiapa untuk membeli atau tidak. Mengapa memilih satu syarikat yang kebetulan ada hubungan dengan nama yang berkenaan, pada hal ratusan syarikat lain pun boleh disebut. Itulah sebabnya mengapa kita ada Suruhanjaya. Sebab kita adakan Suruhanjaya ini ialah untuk mengelakkan masalah-masalah yang disebut itu. Tetapi kalau hendak korek satu dua memang sudah disebut.

Tadi saya pilih untuk betulkan kerana memang dia tidak dengar ucapan awal saya tadi. Kalau dia dengar pun, mungkin bahasan yang baik sedikit, dia tidak berapa hendak faham. Jadi, saya sebut hendak pinda itu hendak pinda ini, dia tidak tahu sama sekali. Dan ini memang angkuh sedikitlah; tidak teliti, tidak mahu dengar, kemudian datang berucap untuk menjadi circus politik, saya kurang setuju, tetapi kerana kebebasan—teruklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memang kenal Yang Berhormat Menteri. Masa itu "saudaralah". Tetapi saya rasa ini adalah satu pengakuan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini memang berlaku. Beliau sedar syarikat-syarikat tersebut membuat fokus yang tidak berasas, yang tidak benar, yang tidak betul langsung. Variance sebanyak 150%, fokus keuntungan \$4 juta, tetapi yang benar-benar berlaku—rugi \$2 juta. Ini yang belaku, tetapi Suruhanjaya Sekuriti ini tidak merujuk kepada masalah seperti ini. Sebenarnya sama, kalau kita tengok fungsi untuk mengambil tugas CIC. Sama copy

word for word, dengan izin daripada SIA (Securities Industry Act). Kalau word for word ini ditiru atau dialihkan daripada Security Industry Act, bagaimana masalah ini boleh diatasi. Ini yang saya tidak faham mengapa, bagaimana boleh diatasi? Dan syarikat ini adalah satu contoh yang paling baik. Mengapakah di Malaysia, syarikat-syarikat saham yang membuat focus earning yang tidak betul dilepaskan. Tetapi di negara-negara maju, di negara-negara lain, kalau jauh berbeza 10% sahaja, mereka dikenakan denda, dihukum, tetapi di sini tidak ada. Dan Rang Undang-undang ini juga tidak mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. 150% negative variance negative—fokus \$4 juta untung, tetapi rugi \$2 juta. Apakah yang terjadi pada pelabur-pelabur kecil? Mengapakah pengarah-pengarah tidak diambil tindakan?

Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa saya timbul kes ini tentulah kerana pengarahnya orang masyhur. Mungkin abang atau adik Yang Berhormat Menteri pun ada jadi pengarah syarikat yang disenaraikan di BSKL yang lain yang juga mungkin hadapi masalah seperti ini, fokus yang tidak betul, tetapi oleh kerana....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada, boleh dengar, tetapi beri insinuation seperti itu kurang sihat. Kalau dia hendak kemukakan, kemukakanlah. Hendak campur adik, abang saya, ini apa kena-mengena. Saya tidak sentuh "pak" dia pun. Kalau ikut dari segi perangai serupalah, tetapi saya tidak bangkitkan. Sebenarnya boleh saya dengar dan memang saya hendak pilih jawab, tetapi kerana saya tahu apabila saya jawab, dia tidak ada. Sebab itu, saya mengambil peluang, kadang beri penjelasan pertamanya major factual error ada. Dia tidak elude langsung kepada ucapan kita, beri penjelasan bahawa there will be consequential amendment. Dan dalam

mana-mana undang-undang, bila peraturannya dan hukum di sini disebut, maka peraturan undang-undang yang berkaitan itu dipinda. Dan ini saya telah sebut. Itu telah tidak didengar.

Keduanya, dalam soal menggunakan, bila kita gubal.rang undang-undang tentulah kita mengambilkira peranan dan undang-undang yang sedia ada dan menambah dengan bidang dan kuasa yang cukup. Walaupun dia berbeza dengan pendapat Yang Berhormat dari Klang, tetapi kita tahu demokrasi DAP dia boleh veto, overrule mana-mana pemimpin DAP yang lain dan Yang Berhormat dari Klang tentunya tadi tidak menyebut kerana saya rasa satu consensus diterima bahawa Suruhanjaya Sekuriti digubal. Saya tahu sendiri—saya terlibat dari awal sehingga membentangkan hari ini bahawa kita ambil satu keputusan yang cukup berani untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Sekuriti yang bebas dan ada integriti. Kalau ditanyakan mengapa hari ini, kerana proses pembinaan industri saham dan sekuriti di negara kita ini satu perkara yang baru dan baru berkembang. Hendak dibandingkan dengan Amerika Syarikat tidak semena-mena dia hendak jadi jaguh mendewakan sistem Amerika Syarikat, saya quote tadi buku yang menyebut "Den of Thieves" tentang pengalaman New York Stock Exchange. Bukan sahaja soal rule tetapi sophistication yang terlibat dalamnya yang memerlukan satu cara dan kaedah. Saya boleh bersedia menjawab dan berhujah soal ini, tetapi saya kurang senang, Tuan Yang di-Pertua, dengan perangai, niat buruk dan prasangka yang menyentuh peribadi-peribadi tertentu. Dan saya fikir kita patut confine dan bangkitkan, dan lawan berdasarkan peruntukan yang dicadangkan. Saya jelaskan perkara-perkara basic, pokok yang dibangkitkan semua kita sudah jawab, belum pun giliran saya hendak jawab kerana....okaylah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa consequential amendment ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya rasa tidak akan menyentuh perkara yang saya sebutkan tadi kerana fungsi CIC telah dijelaskan tertera dalam Securities Industry Act dan telah dipindah kepada Fasal 32 Rang Undang-undang jni. Word for word seperti yang saya katakan tadi, di mana ada tindakan yang akan diambil ke atas syarikat-syarikat di mana variant focus profit tidak dicapai. Tentu Yang Berhormat Menteri boleh kata consequential amendment. Tetapi saya tidak tahu perkara ini akan diatasi di bawah akta mana. Dan ini yang saya hendak tahu, di bawah akta mana? Di bawah rang undang-undang atau kaedah yang sedia ada tidak ada langsung. Dan kalau kita hendak bergantung kepada Suruhanjaya Sekuriti ini untuk mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang gagal mencapai fokus mereka, saya rasa buang masa sahajalah, kerana tindakan seperti ini tidak akan diambil. Dan tadi....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong.

Dr **Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya daripada saat Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-undang sampai sekarang mendengar satu perkataan demi perkataan, dan saya meneliti dia ada mengatakan consequential amendment pindaan-pindaan yang akan diikuti ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Sekuriti 1991, Akta Syarikat dan mungkin bakal akan dibentangkan Future Industry Act dan sebagainya. Memang dia ada sebutkan, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan adanya Suruhanjaya seperti ini memang satu alat, satu instrument kewangan telah ditambahkan dengan lebih rumit dan consequential amendment mungkin tidak dapat

menampung keperluan sekiranya belaku kesalahan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang betul. Itu sebab Yang Berhormat Menteri bangun untuk menjawab lebih awal. Dan tadi bila saya sebutkan tentang sanak saudaranya di syarikat-syarikat lain, dia begitu sensitif. Tetapi saya rasa kerana saya kenal Yang Berhormat Menteri begitu lama kali ini saya tidak mahu sebut syarikat-syarikat tertentu di mana Yang Berhormat Menteri begitu sensitif, di mana profit focus juga jauh lebih berbeza dengan actual profit. Tetapi hari ini cukup satu syarikat. Kalau perkara ini masih dibenar berlaku, saya akan sebut syarikat-syarikat lain yang mungkin akan menarik minat lagi Yang Berhormat Menteri sendiri. Dan saya rasa beginilah saya hendak tanya bagaimana....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri Kewangan bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama dalam ucapan saya tadi, saya memang ada teks di sini di mana saya sebut akta-akta yang terlibat dan kesalahan-kesalahan yang dikaitkan. Saya sebut Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Sekuriti 1991 dan bahkan Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992 yang akan dibentangkan di Parlimen.

Cuma Ahli daripada Kepong dia pakar telinga, dia patut check pakar lain untuk betulkan.

Keduanya, saya hendak sebut kerana perkara ini diulang oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, memang dalam satu-satu sudut memang saya terasa kerana saya dengar, sebab itu

mula-mula saya ada betulkan bukan kerana nama yang disebutkan semata-mata tetapi saya fikir untuk menggunakan ruang sebegini menyentuh sanak saudara dan keluarga, saya fikir itu satu tindakan yang kurang wajar melainkan dibuktikan bahawa orang yang dilantik itu ada hubungan ataupun diarah oleh tokoh yang berkenaan.

Saya fikir memang benar, saya rasa ada kebebasan boleh kita berikan tetapi saya fikir ada had yang boleh kita terima mengikut peraturan-peraturan yang ada dan saya fikir paling tidak wajar, saya hendak kata kecewa - tidak, kerana saya tahu perangai Ahli dari Kota Melaka ini will stoop very low dan tidak kenal apa moral boundary sama sekali. Saya tidak akan pertahankan kenyataan ataupun apa-apa andaian insinuation bahawa mana-mana ahli keluarga saya yang puluhan atau beratus in an extended family manner akan terlibat dalam mana-mana perniagaan, ada yang didapati sah ikut proses biasa atau mungkin didapati tidak betul, saya tidak akan pertahankan, saya tidak pernah menyuruh sejak saya jadi Menteri bahkan Menteri Kewangan untuk mana-mana diangkat untuk mana-mana jawatan. Sebab itu conscience saya clear dalam perkara ini. Tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah sikap kurang sopan menggunakan Dewan ini dan merasakan dia dapat kekuatan untuk menyinggung peribadi kalau dikaitkan dengan keluarga saya. Saya hendak beri ingatan, dia boleh bangkitkan dan dia boleh buat insinuation, dia telah cuba dahulu, ini menunjukkan seorang yang peribadinya sudah separuh bankrap, tidak dapat mempertahankan selain daripada cuba menyinggung dalam soal ini. (Tepuk) Benar, saya sensitif kerana apa, kerana kalau saya dituduh, saya diserang, saya mampu jawab tetapi kalau orang lain dituduh dan saya pun kadang-kadang sama-sama tidak tahu apa yang anggota keluarga saya yang ratusan dalam extended family ini terlibat dalam apa-apa cara sekali pun.

**Dan** saya fikir ini bukan cara hendak menjaga peraturan dan keharmonian **hendak** jadi hero dalam bidang ini, **apatah** lagi kalau mendengar ucapan dia **bukan** dikaitkan dalam soal fact. Prinsip **dan** premis yang digunakan ialah bahawa mereka tidak ada kepercayaan langsung **terhadap** keikhlasan Kerajaan membuat ini. Orang yang meneliti Rang Undang-undang ini akan tahu bahawa dalam **tahap** market kita yang berkembang, Malaysia merupakan satu negara dan Kerajaan Malaysia merupakan satu Kerajaan yang berani mengemukakan satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti yang begini bebas. Ini kenyataannya, dia suka atau tidak suka, bukan minat saya sama sekali. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya suka memperingatkan dalam ucapan, Peraturan Mesyuarat kita tidak boleh menyakit-nyakinkan hati Ahli-ahli yang lainnya, Ucapan kita hendaklah dikawal.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang hairan sedikit menehok perangai Yang Berhormat Menteri, nampaknya marah sangat. Dan ini bukan cara biasanya, dia selalu suka anggap diri sebagai "Mr. cool", kerana boleh jadi bakal Perdana Menteri. Hari ini saya rasa agak aneh dan luar biasa sedikit. Adakah ...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Walaupun saya dua, tiga kali disebut bakal Perdana Menteri, saya tidak harap langsung sokongan dia. Bahkan dialah orang yang pertama yang hendak menjahanamkan saya, itu memang tujuan dia, mudah-mudahan Allah tidak restui dia, habis cerita. Kalau betul, kalau saya hendak jadi Perdana Menteri, dia baik, 'pak' dia baik selalu sibuk, apa fasal dia hendak sibuk?

**Seorang Ahli Pembangkang:** Marah sangat itu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dia pun kalau harap jangankan jadi bakal Perdana Menteri, kalau jadi Ketua Menteri Melaka pun ketagih bukan main itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oh! Marah sangat. Hendak minta jalan pun sudah...., tidak mengapa. Tetapi saya rasa serangan peribadi oleh Yang Berhormat Menteri tidak tidak usahlah saya hendak habiskan masa beliau menjawab, kerana ini tidak ada kait mengait dengan Rang Undang-undang kita dan saya rasa terlalu "off key", bukan standard biasa Yang Berhormat Menteri. Saya amat hairan mengapa Yang Berhormat Menteri bertindak seperti ini melainkan kalau sudah 'hit the target', sakit rasanya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskan ucapan lima minit. Tidak ada masa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sekali lagi apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri memang benar, tentang hubungkait, apakah hubungkait, kerana telah menjadi amalan di negara kita, politik dan perniagaan dicampur adukkan. Dan ini mengakibatkan apabila sesuatu yang tidak betul, yang pincang berlaku, tidak ada sebarang tindakan diambil kerana politik dan perniagaan telah dicampur-adukkan.

Dan saya rasa Rang Undang-undang ini tidak berguna kalau isu asas ini tidak diatasi seperti yang saya sebutkan satu syarikat sahaja, Yang Berhormat Menteri telah melenting, satu syarikat sahaja, mengapa—kerana Pengarahnya ialah Mozambiq Mahathir, itu sebabnya, alamat di Seri Perdana.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order 36(6).

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya minta supaya dia tidak menyebut perkara-perkara yang macam ini. Ini sangkaan jahat bukan sahaja kepada Menteri Kewangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, 36(6).

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk! Duduk dulu!

Ha! Macam itu, tahu sedikit hormat Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, 36(6), saya minta supaya perkara-perkara ini, sangkaan jahat yang begini tidak disebut, sebab kita kena ingat kalau soal, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kira, tidak disebut ini keluarga, saya rasa saya bersaudara dengan hampir kebanyakan Menteri-menteri dan juga termasuk Perdana Menteri. Hubungan mungkin generasi yang kesepuluh, mana saya tahu. Saya kira dia juga bersaudara, mungkin sebelum ini ada keturunan dia yang ada bersaudara dengan saya yang masuk Islam, mana saya tahu. Jadi, hendak sebut bersaudara ini tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kira bersaudara ini, itu yang sebelah dia itu hendak kahwin dengan adik dia, itu lagi bersaudara, itu sebab pakat elok. (*Ketawa*) Tidak termasuk bapa lagi itu. Ini kalau hendak kira bersaudara ini lagi teruk.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tidak sebut apa, saya sebut yang sebelah itu. Tidak payah buat macam itu pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini tidak takut punya, tidak payah buat macam itu, muka macam gangster pun tidak takutlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Siapa? Apa-apa, marilah. Mentang-mentang boleh kahwin anak Ketua Pembangkang, hendak tunjuk samseng dengan saya—'Bagero'.

Saya hendak minta 36(6), saya minta sangkaan jahat fasal sebut perkara-perkara macam ini, saya minta ditarik balik. Kalau hendak sebut soal keluarga dan sebagainya, siapa jadi Perdana Menteri, anak-anak dia mesti mati, sebab dia tidak boleh berniaga lagi. Siapa yang jadi Menteri Besar, anak-anak dia mesti mati, sebab dia tidak boleh berniaga dan buat apa, dia tunggu makan sahaja, beri perut besar. Kalau dia jadi Ketua Pembangkang, anak-anak dia dan sebagainya tidak boleh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini soal yang cukup besar untuk diperbincangkan. Saya minta di bawah ini, saya yang melenting sekarang ini fasal 36(6). Fasal soal keluarga ini merupakan satu yang sensitif terutama di kalangan masyarakat Melayu sebut soal keluarga dan juga 'pak hang, mak hang' ini cukup meradang sedikit. Saya hendak amaran keras tentang perkara itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya telah memperingatkan tadi tentang sangkaan jahat terhadap Ahli-ahli yang lain. Diminta jangan, dan perkara yang telah dibincangkan jangan diulang lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak membuat apa-apa sangkaan jahat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana saya rasa Mozambiq Mahathir bukan sanak saudara Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kalau ada saya akan tarik balik. Saya rasa tidak ada hubungkait dengan Mozambiq Mahathir.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat ada menyebut tentang adik saudara abangnya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, memang saudara pun bersalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Soal prinsip, bukan sama ada dia saudara saya, itu tidak saudara saya, soalnya ialah insinuation yang diberikan itu saya fikir kurang wajar. Itu soal prinsipnya, maknanya apakah boleh diberitahu bahawa mana-mana Menteri atau Perdana Menteri tidak boleh saudara

maranya terlibat dalam apa-apa perniagaan ataupun sebaliknya, apakah boleh dikatakan kalau seorang ahli politik itu melantik anak dia jadi calon walaupun anak dia tidak dikenali oleh sesiapa pun. (*Tepuk*) Itu maknanya dia qualified, kita tidak soal bahawa Wakil dari Tanjong hendak pilih anak dia dari Kota Melaka jadi calon, okaylah, lawanlah. (*Tepuk*) Dan menang—menanglah, tetapi ini tidak bermakna, walaupun orang tahu itu nepotism, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi jelas kerana itu bertanggungjawab, perniagaan ini tidak ada kena mengena dengan Perdana Menteri, sebab itu saya bangun untuk memberi penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebentar. Kalau ada yang hendak buat rulingkah, kita kena sambung minggu hadapan. Masa sudah cukup untuk hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Selasa minggu hadapan, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*